TAQWA
MENURUT
USTAZ HJ ASAARI MOHAMAD
Susunan : MEJAR (B) ABU DZAR

At-Taqwa

(Syarat, Rukun & Jalannya)

Menurut Ustaz Haji Ashaari Muhammad

Susunan

Mejar (B) Abu Dzar

Penerbitan Minda Ikhwan (001283198-V)

AT-TAQWA
(Syarat, Rukun dan Jalannya)
Menurut Ustaz Hj Ashaari Muhammad

susunan
Mejar (B) Abu Dzarin Taharem

Cetakan Pertama: Februari 2005

ISBN 983 2492 39 4

Teks diset dalam
Utopia 10.5 poin

Terbitan:
Penerbitan Minda Ikhwan (001283198-V)
51-2, Jalan Desa 9/6, Bandar Country Homes,
48000 Rawang. Selangor Darul Ehsan.
Tel.: 03 - 6733 1271

Dicetak oleh:

Kandungan

Prakata

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من
يهدي الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادي له
والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله
وصحبه ومن تبعه ووالاه.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Puji dan syukur pada Allah SWT. Rahmat dan keredhaan Allah pada Rasul-Nya Muhammad SAW. Semoga selamat kita semuanya berserta hamba-hamba-Nya yang baik.

Buku ini membincangkan perkara-perkara di sekitar persoalan taqwa. Taqwa itu sangat penting. Ia merupakan aset umat Islam dunia dan Akhirat. Ia adalah keselamatan dunia dan Akhirat. Ia adalah kemenangan dunia dan Akhirat. Ia adalah juga perlindungan dunia dan Akhirat.

Semenjak dahulu, inilah faktor yang membawa kepada bantuan Allah SWT di dalam segala usaha ikhtiar umat Islam. Terutama di kalangan para Sahabat. Allah buka pintu hati manusia sehingga mudah menerima kebenaran, mudah menerima Islam dan mudah dalam perjuangan. Allah buka laluan kepada perkembangan Islam yang pesat. Allah buka laluan dengan didatangkan para pendokong yang berkemampuan membangunkan umat. Allah datangkan rasa berani yang

luar biasa kepada umat Islam dan rasa ketakutan yang amat sangat kepada para penentang.

Di zaman para Tabiin di mana golongan taqwa masih ramai di tahap pemimpin hingga ke rakyat biasa, maka Allah buka pintu ilmu pengetahuan dalam bidang kehidupan. Ketika Barat masih dalam era kegelapan, Islam pula sedang pesat berkembang dengan berbagai penemuan baru dalam ilmu pengetahuan.

Tetapi itu semua telah berlalu dan sudah menjadi fakta sejarah. Telah berlaku satu zaman di mana umat Islam asyik dengan Allah dan merindui Akhirat. Berlaku juga satu zaman yang telah Allah curahkan segala-galanya kerana kebanyakan umatnya bertaqwa. Kini, umat Islam sudah tidak bertaqwa lagi.

Bila tidak bertaqwa, hati jadi lemah dan mudah menyerah kepada keadaan lantas kita melupai Allah SWT. Hati tidak bergantung kepada Allah lantas Allah melupai kita. Sepertimana tidak ada kuasa yang dapat menahan apabila Allah kehendaki umat Islam berjaya, begitu jugalah tidak ada sebarang kuasa yang berdaya untuk menebus kekalahan dan kehinaan umat Islam apabila Allah kehendaki ia berlaku begitu.

Taqwa memang penting bagi umat Islam. Sebab itu ia menjadi rukun khutbah. Ertinya kalau tertinggal maka khutbah tidak sah. Bila khutbah tidak sah, tidak sahlah sembahyang Jumaat dan tidak sahlah sembahyang sunat hari raya. Ini menunjukkan besarnya sifat taqwa hingga ia menjadi rukun khutbah. Namun taqwa itu bukan sahaja tidak dihayati malah kurang difahami oleh umat Islam.

Taqwa ini telah disalahertikan. Ia telah diremehkan, diambil ringan dan tidak dititikberatkan. Fahaman tentang taqwa ini telah dipermudahkan. Taqwa hanya ditakrifkan sebagai buat apa yang disuruh dan tinggal apa yang dilarang. Pengertian seperti ini tidak mempunyai roh atau tidak membabitkan pengertian yang mendalam. Maka jadilah ia sesuatu yang hambar dan tidak

memberi manfaat. Akibatnya, umat Islam seolah-olah terasing dan terpisah dari persoalan taqwa. Taqwa tidak lagi menjadi teras dalam kehidupan umat Islam. Ia hanya tinggal sebutan yang ramai umat Islam tidak faham apa sebenar maksud, hakikat dan tuntutannya.

Oleh kerana taqwa ini adalah syarat dan landasan untuk umat Islam mendapatkan dunia dan Akhirat, maka tanpa taqwa, umat Islam terumbang-ambing dalam kehidupan. Akhirat terlepas, dunia berciciran. Umat Islam terpaksa meniti di atas landasan orang kafir. Sebab itu umat Islam terhina di mana-mana, ditindas dan diperkotak-katikkan, miskin, mundur dan berpecah belah. Umat Islam tidak ada wibawa, tidak ada maruah dan tidak ada kekuatan.

Ramai ulama dan ustaz-ustaz yang memahami bahawa sifat taqwa itu adalah bekalan untuk negeri Akhirat semata-mata. Tidak dapat dinafikan itulah yang paling penting. Itulah yang paling asas. Namun, kalau orang mukmin hendak senang juga di dunia, mestilah berbekalkan sifat taqwa. Kerana sifat taqwa itu merupakan jalan atau landasan untuk mendapatkan dunianya. Hendak mendapatkan keuntungan dalam ekonomi mesti dengan sifat taqwa. Hendak mendapat kemenangan dalam perjuangan mesti ada taqwa. Hendak mendapat bantuan dan pertolongan Tuhan juga adalah kerana taqwa. Hendak terlepas dari bala bencana atau azab penderitaan di dunia juga mesti berdasarkan sifat taqwa.

Kalau orang Islam itu tidak ada sifat taqwa, Tuhan bantu juga. Tuhan bagi makan juga. Tuhan bagi ilmu juga selama mana mereka hidup. Tapi cara ini bahaya. Tuhan bagi secara kutukan. Tuhan bagi secara murka. Tuhan bagi secara tidak redha. Ini samalah caranya Tuhan bantu orang kafir iaitu atas dasar istidraj yakni dengan kemurkaan. Itu sebenarnya adalah tipuan dari Tuhan. Akhirnya dengan bantuan seperti itu, dia terjun ke Neraka. Dengan bantuan seperti itulah dia akan membuat kezaliman dan kejahatan di atas muka bumi. Kerana mendapat

sesuatu dari Tuhan secara tidak sihat, maka hasilnya tidak sihat dan natijahnya juga tidak sihat. Ia rosak dan merosakkan.

Amalan taqwa pula bukan setakat sembahyang sahaja. Bukan setakat membaca Quran, berwirid dan berzikir. Bukan juga bersuluk dan beruzlah, menjauhkan diri dari orang ramai. Taqwa bukan sahaja di surau dan di masjid. Taqwa merangkumi segala perkara yang berlaku dalam kehidupan, di mana sahaja, baik dalam kehidupan bermasyarakat seharian, dalam ekonomi, pembangunan, pendidikan, kenegaraan, kebudayaan, pentadbiran, kesihatan dan sebagainya. Yang penting, setiap amalan itu ada rohnya, dihayati dan dijiwai. Barulah setiap amalan itu menjadi amalan taqwa.

Kita mesti bertaqwa kepada Allah sejauh yang termungkin. '*Sejauh yang termungkin*' di sini bermaksud turun naik nafas, mendengar, melihat, makan minum, berjalan dan berhibur, kesemuanya mesti dijadikan amalan taqwa. Jangan ada satu hembusan nafas yang tidak jadi taqwa. Jangan ada seulas nasi yang tidak jadi taqwa. Jangan ada satu pendengaran atau penglihatan yang tidak jadi taqwa.

Sebenarnya erti taqwa itu terlalu besar. Ia aset untuk orang Islam dunia dan Akhirat. Kalau ini difahami dan dihayati, barulah kita akan selamat dunia Akhirat.

Wabillahil hidayah wa taufik.

Wassalam

Ustaz Hj. Ashaari Muhammad
30 Disember 2004
18 Zulkaedah 1425

Muqaddimah

Ada manusia yang dalam hidupnya, dia tidak mahu berusaha. Segala modal dan aset yang ada pada dirinya dibiar dan tidak digunakan. Baik ilmu dan pemikirannya, kemahirannya, tenaganya, masanya ataupun wang ringgitnya, tanah dan hartanya. Manusia seperti ini sangat rugi.

Ada pula manusia yang dalam hidupnya sangat berusaha. Digunakan segala kepunyaannya dan segala apa yang ada pada dirinya. Tetapi usahanya itu tidak membawa natijah kerana usahanya itu tidak dihalakan kepada sesuatu arah yang tertentu atau kepada matlamat yang betul. Orang berusaha maka dia pun berusaha. Dia tengok orang sibuk, dia pun sibuk. Apa tujuan dia tidak tahu. Oleh itu, usahanya tinggal usaha tanpa ada apa-apa hasil yang bermanfaat.

Orang seperti ini, dia dua kali rugi. Sudahlah tidak dapat apa-apa macam orang yang tidak berusaha tadi, ditambah dia dapat letih dan penat serta modalnya habis begitu sahaja. Orang yang langsung tidak berusaha, setidak-tidaknya dia tidak letih dan modalnya tidak habis.

Kalau orang ada sebidang tanah tetapi tidak diusahakan tanah itu hingga tumbuh semak dan lalang, ini orang yang malas dan tidak pandai memanfaatkan tanahnya. Tetapi orang yang ada sebidang tanah, dibajak dan ditraktor tanah itu, digemburkan, dibuat batas dan dibubuh baja dan kemudian dibiarkan

hingga tumbuh semak dan lalang, apakah pula istilah yang hendak kita gunakan terhadap orang yang seperti ini.

Begitulah umumnya sifat, watak dan perangai umat Islam masa kini di seluruh dunia. Sama ada mereka malas berusaha atau mereka berusaha tetapi tidak ada natijahnya dan hasilnya tidak ke mana. Sudahlah amal ibadah mereka kurang, disempitkan pula hanya kepada ibadah yang berbentuk khususiah semata-mata. Fekah diamal tanpa tauhid dan tasawuf. Kadang-kadang, tasawuf diamalkan tetapi rosak feqah dan tauhidnya. Kadang-kadang tauhidnya terus rosak. Jadi kalau beramal pun, tidak ada apa-apa makna.

Umat Islam hari ini beramal tidak tahu untuk dapat apa. Untuk dapat pujian? Untuk dihormati? Untuk disokong dan diberi undi? Supaya tidak disisih atau dipulaukan oleh masyarakat atau supaya tidak dihukum kerana tidak bersyariat? Kalau ditanya, paling baik mereka kata kerana mahu mengumpul pahala dan fadhilat. Seolah-olah Syurga itu ada maharnya dan boleh dibeli. Ada kos dan nilainya. Macamlah nikmat di dunia, semuanya boleh dibeli. Kalau tidak dengan duit, dengan pahala dan fadhilat.

Amal ibadah itu, sama ada yang lahir mahupun yang batin adalah syariat. Tujuan kita bersyariat tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membesarkan Allah. Syariat itu tidak besar. Yang besar ialah Allah. Kita beramal dan bersyariat untuk mendapat Allah SWT. Untuk mendapat redha, kasih sayang dan keampunan Allah. Untuk mendapat pemeliharaan, perlindungan dan keselamatan dari Allah. Atau dengan kata-kata yang lain, untuk mendapat taqwa. Segala amalan itu untuk menambah taqwa. Kerana Allah hanya menerima ibadah dari orang-orang yang bertaqwa. Allah hanya membela, membantu dan melindungi orang-orang yang bertaqwa. Hanya orang-orang yang bertaqwa sahaja yang akan selamat di sisi Allah Taala.

Berapa ramai umat Islam yang benar-benar berusaha dan

beramal khusus untuk mendapat taqwa? Tidak mungkin ramai bilangannya kerana tidak ramai yang faham apa sebenarnya maksud taqwa. Lebih-lebih lagi tidak ramai yang faham bagaimana jalan untuk mencapai taqwa. Ilmu ini sudah tidak diajar. Ilmu ini sudah hilang semenjak jatuhnya empayar Islam 700 tahun dahulu. Lagi pun tidak ramai orang yang mampu mengajarnya di waktu ini.

Taqwa bukan bererti takut. Taqwa bukan setakat membuat apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Itu baru taat dan patuh tetapi belum tentu taqwa. Taqwa adalah intipati ibadah. Ia roh dan jiwa ibadah. Tanpa roh, sesuatu amalan tidak menambah taqwa. Amalan taqwa sahajalah yang dipertimbangkan di Akhirat kelak sebagai amalan kebajikan. Bahkan taqwa adalah buah dari beragama.

Begitu pentingnya taqwa kepada kehidupan umat Islam. Tidak ada taqwa, tidak dapat Tuhan. Tidak ada taqwa bererti tidak ada kebahagiaan di dunia dan di Akhirat. Tetapi inilah yang tidak ada pada umat Islam hari ini.

Selagi kita tidak faham apa sebenarnya erti taqwa, tidak tahu hakikat dan jalan untuk mencapai taqwa dan tidak berusaha ke arah taqwa, selagi itulah kita belum berada di atas landasan yang betul dalam beragama.

1

Kemuliaan Dan Keutamaan Taqwa

- *Taqwa Adalah Perkara yang Diwasiatkan*
- *Taqwa Adalah Kemuliaan*
- *Bila Umat Tidak Bertaqwa*
- *Kebahagiaan yang Sebenar*
- *Peranan Nafsu*
- *Iman dan Taqwa Sangat-Sangat Dituntut*
- *Nilai Taqwa yang Sebenar*

TAQWA ADALAH PERKARA YANG DIWASIATKAN

Taqwa adalah wasiat Allah kepada umat terdahulu dan umat terkemudian. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ وَصَّيْنَا الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَإِيَّاكُمْ أَنِ اتَّقُوا اللَّهَ ۚ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah berwasiat (memerintahkan) kepada orang-orang yang diberi kitab sebelum kamu dan juga kepada kamu, bertaqwalah kepada Allah." (An Nisa: 131)

Taqwa juga adalah wasiat Rasulullah SAW kepada umatnya. Baginda bersabda:

Maksudnya: "Aku berwasiat kepada Engkau semua supaya bertaqwa kepada Allah, serta dengar dan patuh kepada pemimpin walaupun dia seorang hamba Habsyi. Sesungguhnya sesiapa yang hidup selepas aku kelak, dia akan melihat pelbagai perselisihan. Maka hendaklah kamu berpegang kepada sunnahku dan sunnah para khalifah yang mendapat petunjuk selepasku." (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Termizi dan Majah)

Sabda Baginda lagi:

Maksudnya: "Hendaklah kamu bertaqwa di mana sahaja kamu berada. Ikutilah setiap kejahatan (yang kamu

lakukan) dengan kebaikan, moga-moga kebaikan itu akan menghapuskan kejahatan. Bergaullah dengan manusia dengan akhlak yang baik." (Riwayat At Termizi dan Ahmad)

Sabda Baginda:

Maksudnya: "Bertaqwalah terhadap perkara-perkara yang diharamkan, nescaya kamu akan menjadi manusia yang paling kuat ibadah; redhakanlah dengan apa yang diberi oleh Allah kepadamu, nescaya kamu akan menjadi manusia yang paling kaya; buatlah kebaikan kepada jiran kamu, nescaya kamu akan dapat keamanan, kasihilah manusia sebagaimana kamu mengasihi diri kamu sendiri, nescaya kamu akan selamat; jangan banyakkan ketawa kerana memperbanyakkan ketawa itu mematikan hati-hati." (Riwayat At Termizi, Ibnu Majah dan Ahmad)

Sabda Baginda lagi:

Maksudnya: "Bertaqwalah kamu kepada Allah, tunaikanlah sembahyang lima waktu, berpuasalah pada bulan Ramadhan, keluarkanlah zakat harta kamu, patuhi orang yang menjaga hal ehwal kamu, nescaya kamu akan masuk Syurga Tuhan kamu." (Riwayat At Termizi, Ahmad dan Hakim)

Taqwa adalah wasiat para salafussoleh. Sayidina Abu Bakar As Siddiq r.a. pernah berkhutbah:

"… maka sesungguhnya aku berpesan kepada kamu semua supaya bertaqwa kepada Allah, supaya kamu sentiasa memuji Allah dengan pujian yang patut kamu memuji-Nya dan kamu campurkan harap dan cemas serta kamu gabungkan bersungguh-sungguh meminta dengan permohonan."

Sayidina Umar Al Khattab r.a. pernah menulis surat kepada anaknya Abdullah yang berbunyi:

"Amma ba'du, sesungguhnya aku berpesan kepada

engkau supaya kamu bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya siapa yang bertaqwa kepada-Nya, nescaya Dia akan memeliharanya. Sesiapa yang memberi pinjaman kepada Allah (menafkahkan hartanya), nescaya Dia akan membalasnya. Sesiapa yang mensyukuri nikmat-Nya, nescaya Dia akan menambahkannya lagi. Jadikanlah taqwa tertegak di kedua matamu dan memenangi hatimu."

Umar bin Abdul Aziz r.a. pernah menulis sepucuk surat kepada seorang lelaki. Surat itu berbunyi:

"Aku berwasiat kepadamu supaya bertaqwa kepada Allah Azza wa Jalla yang mana Dia tidak akan menerima selainnya (taqwa) dan Dia tidak menurunkan rahmat melainkan kepada orang yang bertaqwa dan Dia tidak akan memberi pahala melainkan ke atas taqwa."

Begitu juga, taqwa adalah wasiat sekalian para rasul a.s. seperti yang diceritakan dalam Al Quranul Karim:

وَإِذْ نَادَىٰ رَبُّكَ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱئْتِ ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ۝ قَوْمَ فِرْعَوْنَ ۚ أَلَا يَتَّقُونَ ۝

Maksudnya: "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu menyeru Musa (dengan firman-Nya). Datangilah kaum yang zalim itu (iaitu) kaum Firaun: Mengapa mereka tidak bertaqwa?" (As Syu'ara: 10-11)

كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ ٱلْمُرْسَلِينَ ۝ إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ نُوحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ۝

Maksudnya: "Kaum Nabi Nuh telah mendustakan para Rasul. Ketika saudara mereka, Nuh berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?" (As Syu'ara: 105-106)

كَذَّبَتْ عَادٌ ٱلْمُرْسَلِينَ ۝ إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ هُودٌ أَلَا تَتَّقُونَ ۝

Maksudnya: "Kaum Aad telah mendustakan para rasul.

Ketika saudara mereka, Hud berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?" (As Syu'ara: 123-124)

كَذَّبَتْ ثَمُودُ الْمُرْسَلِينَ • إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ صَالِحٌ أَلَا تَتَّقُونَ •

Maksudnya: "Kaum Tsamud telah mendustakan para rasul. Ketika saudara mereka, Saleh berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?" (As Syu'ara: 141-142)

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍ الْمُرْسَلِينَ • إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ لُوطٌ أَلَا تَتَّقُونَ •

Maksudnya: "Kaum Lut telah mendustakan para rasul. Ketika saudara mereka, Lut berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?" (As Syu'ara: 160-161)

كَذَّبَ أَصْحَابُ لْئَيْكَةِ الْمُرْسَلِينَ • إِذْ قَالَ لَهُمْ شُعَيْبٌ أَلَا تَتَّقُونَ •

Maksudnya: "Penduduk Aikah telah mendustakan para rasul. Ketika Syuaib berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?" (As Syu'ara: 176-177)

Demikianlah pentingnya taqwa dalam kehidupan manusia. Para rasul diutuskan untuk menyampaikannya kepada umat manusia di dunia ini. Orang yang tidak bertaqwa dikatakan zalim dan mendustakan para rasul. Ia menjadi sebab kaum Nabi Nuh, kaum Aad, kaum Tsamud dan kaum Nabi Lut dihancurkan dan dimusnahkan oleh Allah SWT.

TAQWA ADALAH KEMULIAAN

Allah sangat memerintahkan kita supaya menjadi orang-orang yang bertaqwa sehingga untuk itu Allah membuat bermacam-macam janji muluk untuk sesiapa yang bertaqwa. Taqwa adalah sumber bagi segala kekayaan. Memiliki taqwa ertinya memiliki segala-galanya, yakni segala kesenangan lahiriah dan batiniah.

Orang bertaqwa, dengan jawatan tinggi yang disandang, dia tidak sombong. Dengan kekayaan yang dimiliki, dia tidak bakhil. Dengan ilmu yang tinggi, dia tidak berlagak dan takbur. Kalau dia miskin, dia akan redha dan tidak hasad dengki.

Alangkah hebat dan bijaknya orang yang memburu taqwa. Kerana taqwa mengatasi nilai pangkat, *degree*, gaji besar, banyak harta dan lain-lain lagi. Taqwa adalah satu darjat tertinggi di sisi Allah. Kalau manusia memperolehinya, jadilah dia semulia-mulia dan seagung-agung manusia. Allah berfirman:

Maksudnya: "Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah kamu yang paling bertaqwa." (Al Hujurat: 13)

Cara hidup orang bertaqwa berbeza sekali dengan cara hidup orang yang tidak bertaqwa. Bezanya bagaikan langit dan bumi. Sama ada cara hidup dalam rumah tangga, dalam jemaah, dalam negeri atau dalam negara. Bagi orang-orang yang bertaqwa, banyak perkara yang pelik atau keramat atau maunah yang berlaku. Kalau ada masyarakat dan pemimpin dalam satu negara yang bertaqwa, maka Allah akan datangkan pertolongan ghaib yang luar biasa. Hingga jadilah negara itu seperti yang Allah SWT firmankan:

Maksudnya: "Negara yang aman, makmur dan mendapat keampunan Allah." (Saba': 15)

BILA UMAT TIDAK BERTAQWA

Bila umat tidak bertaqwa, mereka lupakan Tuhan. Mereka menganggap Tuhan tidak ada peranan dalam hidup mereka.

Dalam masalah hidup mereka, mereka tidak rujuk kepada Tuhan.

Rasulullah SAW ada bersabda: *"Setelah aku wafat, setelah lama aku tinggalkan, umat Islam akan lemah. Di atas kelemahan itu, orang kafir akan menindas mereka bagai orang yang makan dengan rakus."*

Ada Sahabat bertanya, *"Apakah ketika itu umat Islam lemah sehingga musuh begitu kuat?"*

Sabda Rasulullah, *"Bahkan masa itu mereka lebih ramai tetapi tidak berguna, tidak bererti dan tidak menakutkan musuh. Mereka ibarat buih di laut."*

Sahabat bertanya lagi, *"Mengapa seramai itu tetapi macam buih di laut?"* Jawab Rasulullah, *"Kerana ada dua penyakit iaitu mereka ditimpa penyakit Al Wahan."*

Sahabat bertanya pula, *"Apakah itu Al Wahan?"*

Rasulullah bersabda, *"Cinta dunia dan takut mati."*

Oleh kerana umat Islam cinta dunia maka Allah hukum sedikit demi sedikit. Allah tarik rasa cinta pada Allah. Apabila sudah tidak cinta pada Allah, maka terhakislah cinta terhadap yang lain. Hilang cinta sesama umat Islam. Hilang cinta sesama keluarga. Hilang cinta antara suami isteri. Hilang cinta antara ayah, ibu dan anak. Kerana cinta itu semua berpunca dari cintakan Allah. Cintakan Allah-lah yang menghidupkan cinta-cinta seperti itu. Bila cinta kepada Allah berpindah kepada cinta dunia, maka cinta-cinta seperti itu akan hilang. Oleh itu, hilanglah perpaduan dan kasih sayang.

Umat Islam takut mati. Takut mati ini ialah takut mati kerana Allah. Umat Islam masih berani mati kerana dunia, kerana perempuan, kerana glamour, kerana nama atau kerana negara. Maka Allah cabut rasa takut dengan Allah dari hati-hati umat Islam dan Allah ganti dengan bermacam-macam rasa takut yang lain. Takut tidak makan, takut miskin, takut hilang kerja, takut

hilang jawatan, takut isteri, takut tidak ada masa depan dan sebagainya.

Akibatnya umat Islam hilang wibawa, hilang kekuatan, berpecah-belah dan lemah. Umat Islam mundur di mana-mana, kalah dan terhina di mana-mana. Masalah inilah yang memeningkan para ulama dan pemimpin. Masing-masing tidak tahu kenapa umat Islam lemah dan terhina dan tidak tahu bagaimana untuk menjadikan umat Islam ini kuat. Oleh itu mereka hanya mencuba dan mengagak-agak. Buat cara *trial and error*. Walhal semuanya telah diterangkan dengan jelas melalui Hadis Rasulullah SAW.

Semua orang menganggap bahkan mereka yakin bahawa dunia ini dan manusia ini tidak akan selamat dan tidak akan bahagia kalau duit tidak cukup atau ilmu tidak tinggi atau jawatan tidak ada atau pangkat tidak tinggi atau pembangunan dan kemodenan tidak tercapai. Tegasnya kalau kita tidak tiru apa yang dibuat oleh Barat atau kita tidak jadi macam Barat, kita tidak akan selamat dan kita tidak akan bahagia. Maka berlumba-lumbalah kita mengejar Barat. Seluruh jentera kemodenan dan pembangunan dikerahkan ke arah tujuan itu. Semua menjadi yakin kalau kita jadi Barat, akan bahagialah dan akan senanglah hidup kita.

Hingga hari ini, sedikit sebanyak kita sudah membangun seperti yang kita kehendaki. Negara kita sudah agak cantik, berkat meniru pembangunan Yahudi dan Nasrani. Ekonomi kita pun seakan-akan sudah pulih, walau belum ada seorang pun umat Islam yang telah berjaya membangunkan supermarket atau megamarket di mana-mana *shopping centre* di negara kita. Walaupun masih banyak gerai-gerai orang Melayu di tepi-tepi jalan, ianya tidak kekal dan pendek umur. Walaupun ikan-ikan tangkapan orang Melayu banyak, ia masih menjadi sumber kekayaan orang tengah dan kaum kapitalis yang terus-menerus menghisap darah para nelayan. Dari segi ilmu, bolehlah dibanggakan memandangkan jumlah universiti yang kian bertambah

dan orang Melayu yang ber*degree* bertambah ramai. Namun para ilmuan itu tetap tidak boleh hidup kalau tidak diberi gaji. Yang tidak diberi kerja jadi bebanan pula pada negara. Mereka tetap tidak mampu berdikari untuk membina perusahaan, pembangunan dan perindustrian sendiri yang bebas dari makan gaji. Di samping itu, akhlak para lulusan tinggi tetap tidak jauh bezanya dengan akhlak orang yang berkelulusan rendah. Sikap mereka sama sahaja bahkan ada yang lebih teruk lagi. Soalnya, hingga di tahap ini, adakah kita sudah mendapat masyarakat bahagia yang hidup penuh aman damai seperti yang kita idamkan?

Memandangkan pada gejala dan penyakit masyarakat yang bertimpa-timpa dan kian kronik dan masalah yang tidak habis-habis, tentu kita belum boleh mengatakan masyarakat kita sudah bahagia. Memang mungkin ada individu-individu atau keluarga-keluarga yang bahagia, tetapi ini bukan majoriti. Ini tidak boleh mencorak masyarakat. Secara umumnya orang-orang yang ada kuasa tidak bahagia kerana dilanda penyakit gila kuasa. Orang kaya pula tidak bahagia kerana penyakit gila dunia. Orang miskin tidak bahagia kerana sering rindu pada kekayaan dan harta. Ulama-ulama tidak bahagia kerana takut periuk nasi terancam. Ibu bapa hilang bahagia kerana anak derhaka. Guru tidak bahagia dengan perangai anak muridnya. Pemudi-pemudi tidak bahagia kerana sering diganggu dan takut jadi andartu. Pemuda hilang bahagia kerana susah hendak kahwin dan bermacam-macam lagi penyakit yang sedang meragut kebahagiaan hidup semua golongan dalam masyarakat kita.

Dalam keadaan ini apakah peranan pembangunan, kemodenan, ekonomi, jawatan dan ilmu yang tinggi yang diagung-agungkan tadi? Mampukah ia menyelesaikan segala masalah ini? Lihat di Barat! Kemodenan hidup telah menghantar manusia ke kancah kehidupan yang derita, sengsara dan bergelora. Keinsanan dan kemanusiaan rosak. Manusia sudah hilang moral, keperibadian dan tatasusila. Kasih sayang tidak ada dan

jenayah berleluasa. Sebagai contoh, sudah ramai orang Barat yang lebih rela hidup berdua dengan anjing atau bertemankan kucing atau itik atau ayam daripada hidup dengan manusia lain. Kebahagiaan dengan sesama manusia sudah tidak ada. Kalau begitu, apalah erti segala pembangunan dan kemodenan yang dikejar itu?

KEBAHAGIAAN YANG SEBENAR

Kebahagiaan sebenarnya bukan terletak pada mata, tangan, kaki atau anggota-anggota lahir. Rasa bahagia itu tempatnya di hati. Kalau hati senang, dalam miskin pun boleh rasa bahagia. Sebaliknya kalau hati rosak binasa maka ilmu tinggi mana pun, kaya raya macam mana pun dan sebesar mana pun pangkat, tetap tidak akan hidup bahagia.

Itu bukti yang cukup jelas yang memang sudah menjadi pengalaman hidup semua orang. Kerana itu, untuk mencapai kebahagiaan hidup untuk individu mahupun untuk masyarakat, apa yang mesti diutamakan ialah mendidik individu-individu manusia dengan iman dan taqwa. Bukan dengan duit, pangkat, ilmu tinggi, kemewahan, pembangunan, kemajuan dan kemodenan.

Iman dan taqwa boleh membuatkan orang miskin terhibur dengan kemiskinannya. Iman dan taqwa boleh membuatkan orang kaya pemurah dengan hartanya dan rasa terhibur kalau dapat menyumbang kepada masyarakat dan menderma kepada fakir miskin. Iman dan taqwa boleh membuatkan orang-orang yang berkuasa rendah hati dengan rakyatnya serta terhibur kalau dapat berkhidmat pada rakyat.

Iman dan taqwa membuatkan anak-anak terhibur untuk taat kepada ibu bapa, isteri suka dan terhibur untuk taat kepada suami, pengikut terhibur mentaati para pemimpin, anak murid terhibur untuk hormat dan kasih kepada guru, si gadis jadi malu

serta terhibur tinggal di rumah dan pemuda terhibur untuk memikul tanggungjawab dan menyumbangkan tenaga.

Bila manusia sudah berada dalam keadaan seperti ini, barulah duit banyak akan membawa bahagia. Barulah pangkat tinggi berguna dan segala kemodenan, kemajuan dan pembangunan akan menjadi sumber keselesaan hidup yang bermakna.

PERANAN NAFSU

Hari ini semua perkara yang disebutkan di atas belum berlaku. Kerana hanya memikirkan supaya negara maju, maka yang terus maju ialah negara bukan rakyatnya. Yang membangun ialah negara bukan orangnya. Masyarakat manusianya dibiarkan bermain dan berlalai dengan nafsu. Hati mereka tidak dihiasi dengan iman dan taqwa. Maka nafsulah yang menjadi raja dan yang menjadi Tuhan. Nafsulah yang mengatur kehidupan. Kehendak nafsulah yang diturutkan. Sebab itu masyarakat menjadi huru-hara dan kacau-bilau.

Negara dibangunkan, dimajukan dan dimodenkan. Ilmu dicari, ekonomi dibina, jawatan dikejar. Dalam masa yang sama, kehendak nafsu diikuti dan dituruti. Nafsu dilayan semahu-mahunya. Akhirnya nafsu menjadi subur. Bila nafsu subur maka ia berputik. Putik itu menjadi bunga. Bunga nafsu menjadi buah. Apakah buah nafsu? Buah nafsu ialah mazmumah. Buah nafsu ialah sombong, hasad, dengki, bakhil, pemarah, pendendam, panas baran, ujub, sum'ah, riyak, gila dunia, gila puji dan macam-macam lagi.

Nafsu sangat mendorong kepada kejahatan. Nafsu suka pada apa yang Tuhan larang dan benci pada apa yang Tuhan suruh. Nafsu benci kepada sembahyang, puasa, zakat, menolong orang dan bersedekah. Nafsu suka kepada berfoya-foya, membazir harta dan wang ringgit, arak, judi, zina dan lain-lainnya. Bila

nafsu berperanan, susah hendak taat dengan Tuhan. Susah hendak tegakkan suruhan dan syariat Tuhan. Nafsulah penghalang utama kepada iman dan taqwa.

Buah-buah nafsu pula iaitu segala sifat-sifat mazmumah yang bersarang di hati, merosakkan hubungan sesama manusia. Sifat-sifat mazmumah seperti sombong, hasad, dengki, bakhil, pemarah, panas baran itulah yang menyebabkan berlakunya berbagai jenayah dan menjadi punca manusia bergaduh, berkelahi, berkrisis dan akhirnya membunuh dan berperang sesama sendiri. Hidup manusia rosak binasa. Manusia hidup penuh cemas, bimbang dan dalam ketakutan. Hilang kedamaian, keamanan, keharmonian, perpaduan dan kasih sayang. Musnahlah kebahagiaan.

IMAN DAN TAQWA SANGAT-SANGAT DITUNTUT

Iman dan taqwa adalah perkara yang sangat dituntut dalam Islam. Ia sangat penting untuk kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan lebih-lebih lagi di Akhirat. Hanya ibadah dan amalan orang yang bertaqwa sahaja yang diterima oleh Tuhan. Hanya orang yang bertaqwa sahaja yang akan selamat di sisi Allah.

Akan tetapi, oleh kerana taqwa itu telah disalahertikan, telah diambil ringan dan telah tidak lagi dititik beratkan, maka ia telah terpinggir dan dipandang sepi. Ia jarang sekali diperkatakan, tidak diajar dan orang tidak faham lagi tentang taqwa dan tuntutan-tuntutan untuk menjadi orang yang bertaqwa. Orang tidak lagi bercita-cita untuk menjadi orang yang bertaqwa. Orang tidak mahu lagi berkorban dan bersusah payah untuk mendapat taqwa. Taqwa sudah tidak lagi menjadi pakaian umat Islam. Taqwa sudah tidak lagi menjadi teras dalam kehidupan umat Islam dan tidak lagi menjadi matlamat dalam beragama.

NILAI TAQWA YANG SEBENAR

Taqwa terlalu mahal harganya. Ia aset bagi orang mukmin dunia dan Akhirat. Kalau umat Islam tahu akan nilai sebenar taqwa, mereka akan bergolok-bergadai untuk memperolehinya. Tetapi oleh kerana mereka tidak tahu, mereka menganggap taqwa itu tidak ada nilai apa-apa dan tidak berharga. Mereka tidak sanggup berusaha untuk mendapatkannya. Namun kalau kerana duit, harta, kuasa, nama, glamour dan perempuan, mereka sanggup bersusah payah dan berkorban apa sahaja.

Kalau kita setakat hendak menjadi Islam, itu mudah. Setakat hendak digelar sebagai orang Islam, itu senang. Hanya dengan mengucap dua kalimah syahadah, kita sudah Islam. Kalau sudah bersyahadah, orang tidak boleh kata seseorang itu kafir. Kalau orang itu mati, ditanam di kubur orang Islam. Tetapi setakat Islam sahaja tidak memadai. Ia belum selamat dan menyelamatkan. Kalau kita baca Quran dan Hadis, tidak ada satu ayat pun yang mengatakan bahawa orang Islam itu selamat. Allah dan Rasul tidak pernah menjanjikan apa-apa kepada orang yang hanya semata-mata Islam.

Taqwa adalah keselamatan bagi orang mukmin di dunia dan Akhirat. Kita kena bersungguh-sungguh mendapatkannya. Kita kena berhempas pulas. Kalau boleh guna duit untuk mendapatkan taqwa, gunalah duit. Kalau boleh guna tenaga, gunakanlah tenaga. Kalau boleh guna fikiran, gunalah fikiran. Kalau boleh guna ilmu, gunalah ilmu. Kalau perlu berkorban dan bersusah payah, kenalah berkorban dan bersusah payah. Kerana taqwa itu terlalu mahal dan sangat berharga.

Kalau kita sanggup berkorban dan bersusah payah untuk mendapat dunia, kekayaan, jawatan yang tinggi dan gaji yang besar, kenapa kita tidak sanggup berkorban dan bersusah payah untuk mendapat taqwa? Kalau kita sanggup mati, sanggup sakit, sanggup menempuh segala macam halangan, sanggup tinggalkan anak isteri, sanggup bertungkus-lumus mencari ilmu hingga

sampai ke Eropah, England dan Mesir yang nilainya separas bumi, kenapa kita tidak sanggup bersusah payah untuk mendapatkan taqwa yang nilainya setinggi langit malahan lebih tinggi dari itu.

2

Kategori Umat Islam

- *Orang yang Abai*
- *Orang yang Cuai*
- *Orang yang Lalai*
- *Orang yang Bertaqwa*
- *Sajak 1*

Al Quran dan Hadis banyak menyebut tentang orang-orang Islam yang zalim, fasik, soleh dan bertaqwa. Kalau kita teliti betul-betul, kita akan dapati bahawa orang-orang yang dimaksudkan itu boleh dibahagi-bahagikan ke dalam beberapa kategori. Kalau kita kaji orang-orang yang dalam berbagai kategori ini, mungkin kita akan dapat faham kedudukan orang bertaqwa berbanding dengan orang-orang di kategori-kategori yang lain. Kita pun dapat mengukur di tahap mana diri kita, sama ada kita sudah selamat atau belum. Kategori-kategori tersebut ialah:

1. Orang yang abai
2. Orang yang cuai
3. Orang yang lalai
4. Orang yang bertaqwa

ORANG YANG ABAI

Ertinya orang yang mengabaikan Tuhan dan syariat Tuhan. Dia itu Islam mungkin kerana datuk neneknya Islam dan emak ayahnya Islam. Maka secara automatik, dia pun Islam. Namun dia tidak fikir tentang Tuhan dan tidak fikir tentang syariat Tuhan. Dia tidak fikir tentang ibadah dan dia tidak fikir tentang halal dan haram. Tuhan ada atau tidak, tidak penting baginya. Tuhan ada atau tidak ada, sama sahaja baginya. Begitulah rasa hati orang yang mengabaikan Tuhan.

Dia hidup mengikut gaya dan corak yang disukainya. Tidak mengikut syariat yang ditetapkan oleh Islam. Lebih tepat lagi, dia mengikut hawa nafsunya. Kalau kita tanya apa agamanya, dia kata dia Islam. Tetapi Islam itu tidak nampak pada dirinya, peribadi dan tingkah lakunya. Islamnya hanya berdasarkan keturunan dan warisan.

ORANG YANG CUAI

Ini baik sedikit dari orang yang abai. Orang cuai ini, dia rasa bertuhan tetapi di waktu-waktu yang tertentu sahaja terutama di waktu dia susah, di waktu dia sakit dan di waktu dia diuji. Di waktu-waktu itu dia mengeluh, "*Wahai Tuhan!!*" Waktu senang, dia langsung tidak ingat Tuhan.

Ibadahnya mengikut keadaan. Apabila dia tidak sibuk dia beribadah ala kadar. Apabila dia sibuk atau dia tidak ada *mood*, dia tidak sembahyang dan tidak puasa. Begitu juga dengan perkara halal haram. Ada masa dan dalam sesetengah hal, dia tidak buat yang haram. Pada masa dan dalam sesetengah hal yang lain pula, dia selamba sahaja buat yang haram. Dengan kata-kata yang lain, orang yang cuai ini, dia buat sedikit tetapi banyak yang dia tidak buat. Sebahagian kecil dia buat, sebahagian besar dia tinggalkan. Atau dia buat suruhan agama bermusim-musim. Dia tidak rasa menyesal dan tidak rasa bersalah atau berdosa di atas semua itu.

ORANG YANG LALAI

Orang ini, soal lahiriahnya termasuk ibadahnya sangat baik dan tidak boleh dipertikaikan. Semuanya selesai, semuanya beres. Kalau dipandang secara lahir, orang akan kata dia orang agama, orang baik, ahli ibadah. Segala rukun Islam dibuatnya, ditambah pula dengan yang sunat-sunat. Dia buat umrah, baca Quran,

wirid dan zikir. Tasbih sentiasa di tangan. Orang ramai sekampung memujinya. Mereka kata, "*Baik orang itu.*"

Amalan agamanya yang lahir beres. Syariat lahirnya selesai. Yang tidak selesai dan yang tidak beres ialah hatinya. Semakin banyak beribadah, dia semakin tamak, semakin bakhil, semakin hilang rasa takut dengan Tuhan, semakin tidak ada rasa hamba dan dia rasa selamat dengan ibadahnya yang banyak itu. Dia tertipu dengan sembahyang dan ibadah-ibadahnya yang lain. Orang melihat dia seperti beragama tetapi hakikatnya dia adalah orang yang lalai. Manusia kata dia baik tetapi Tuhan kata dia tidak baik sebab hatinya tidak takut dan tidak cinta dengan Tuhan. Dia masih megah, angkuh, cinta dunia dan gila puji walaupun sembahyangnya banyak, puasanya banyak, baca Quran, wirid dan zikirnya banyak. Tuhan kata dia orang yang lalai. Walaupun dia tidak lalai dengan ibadah lahiriah tetapi hatinya lalai dengan Tuhan.

Hakikat ini membuatkan kita cemas. Orang yang dianggap beragama pun tidak selamat kerana faktor lalai. Dan lalai itu bukan perkara lahir tetapi perkara hati. Tidak takut Tuhan, tidak takut dengan dosa, itu termasuk lalai walaupun sembahyang banyak, puasa banyak, wirid, zikir dan baca Quran banyak.

ORANG YANG BERTAQWA

Orang yang bertaqwa pula dia sempat buat ibadah yang wajib sahaja. Ibadah-ibadah sunat kurang. Itupun ibadah sunat yang dibuat hanya yang besar-besar sahaja. Yang kecil-kecil tidak dibuat. Kalau dibandingkan ibadahnya dengan ibadah orang yang lalai atau ahli abid, sangat jauh bezanya. Banyak kurangnya. Tetapi dia takut dan cinta dengan Tuhan. Rasa bertuhannya tebal. Hatinya sentiasa rasa tidak selesai dengan Tuhan. Dia tidak rasa dirinya baik malahan dia rasa dirinya orang yang paling jahat, hina dan tidak berguna. Inilah orang yang bertaqwa.

Walaupun dia buat ibadah yang wajib sahaja dan yang sunat kurang, namun dengan Tuhan hatinya sentiasa bergelombang dan bergelora macam air laut yang tidak pernah tenang. Dia kurang buat ibadah-ibadah sunat yang kecil-kecil sebab terlalu sibuk, terlalu letih dan tidak ada masa kerana terlalu banyak membantu dan menolong manusia serta membuat kerja-kerja masyarakat. Masanya banyak dimanfaatkan untuk orang ramai. Ibadah *hablumminallah*nya kurang tetapi yang *hablumminan-nas*nya banyak. Ibadah ini lebih besar pahalanya dari ibadah-ibadah sunat. Rasulullah SAW ada bersabda:

Maksudnya: "Sebaik-baik manusia ialah yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia lain."

Memberi manfaat kepada manusia lain dengan tenaga, ilmu, minda, kuasa, wang ringgit dan lain-lain itu adalah lebih besar. Buktinya orang yang banyak ibadah pun tidak sanggup hendak berbakti, berkhidmat atau berkorban apa yang ada padanya untuk manfaat orang lain.

Orang bertaqwa tidak membuat dosa. Kalau dia sedar dia terbuat dosa, sehari suntuk jiwanya akan terseksa. Dia rasa menyesal, menderita dan dukacita. Dia akan buat ibadah-ibadah tambahan yang lain untuk menutup dan menebus dosa-nya itu.

Begitulah kategori orang-orang Islam berdasarkan apa yang disebut dalam Quran dan Hadis sebagai zalim, fasik, soleh dan bertaqwa. Mengikut kategori-kategori ini, barulah kita tahu dan sedar tentang letak duduk orang bertaqwa berbanding orang yang abai, cuai dan lalai. Umat Islam sekarang ini hina-dina di mana-mana, tidak dibantu, tidak dilindung dan tidak dibela oleh Tuhan kerana orang Islam yang bertaqwa terlalu sedikit jumlah-nya. Ia masih kumpulan minoriti. Yang terbanyak ialah orang Islam yang abai, diikuti orang Islam yang cuai dan lalai. Tuhan

tidak membantu dan tidak membela orang Islam yang abai, cuai dan lalai ini. Tuhan hanya akan membantu orang Islam yang bertaqwa sahaja. Di Akhirat nanti, hanya orang yang bertaqwa sahaja yang akan selamat.

SAJAK 1
Abai, Cuai dan Lalai

Marilah kita belajar memahami tiga istilah ini
Tiga istilah itu ialah abai, cuai dan lalai
Ada orang mengabaikan agama,
ada orang mencuaikan agama,
ada orang lalai beragama
Apakah erti mengabaikan agama?
Mengabaikan agama tidak melaksanakan ibadah
dan syariat
Tidak fikir halal dan haram
Tidak faham rukun iman, tidak faham rukun Islam,
tidak faham apakah itu ihsan
Sekalipun dia mengaku Islam,
dia tidak mempedulikan agama
Islamnya hanya keturunan,
mungkin ibu dan bapanya Islam
Atau mungkin juga dia tahu sedikit sebanyak
mengenai Islam
Kerana pengaruh dunia dia tidak mengerjakannya
Itulah dia erti mengabaikan agama

Apakah erti cuai?
Cuai ini agak baik sedikit
Seseorang itu mengerjakan agama
tapi apabila sempat sahaja
Jika tidak sempat ditinggalkan sahaja
Atau waktu ada mood dibuat,

waktu tidak ada mood ditinggalkannya
Mungkin dikerjakan juga agama di waktu lapang,
tidak sibuk, di waktu sibuk atau sakit ditinggalkan pula
Ada orang di waktu senang dikerjakan
di waktu susah ditinggalkan
Termasuk cuai sebahagian ajaran Islam dikerjakan
dan sebahagian lagi ditinggalkan
Itulah dia erti cuai beragama
Apa erti lalai?
Erti lalai, syariat-syariat lahir semuanya dikerjakan
Orang ramai lihat dia beragama
dan taat orangnya dengan Tuhan
Tapi ibadahnya tidak dihayati,
bahkan setengah bacaan-bacaannya
tidak pun difahami
Tidak difahami apakah tuntutan ayat-ayat
dan bacaannya yang diucapkan di dalam ibadahnya
Termasuk juga lalai, ibadah lahirnya
tidak boleh dipersoalkan, lengkap tidak diabaikan
Namun takut dengan Tuhan tidak ada
Begitu juga cintakan Tuhan tidak ada di dalam jiwanya
Rasa kehambaannya tidak ada di dalam perasaannya
Kerana tertipu dengan ibadah lahirnya
tidak terasa lagi berdosa
Hatinya rasa selamat kerana ibadahnya
Adakalanya dia jadi sombong
dan megah dengan ibadahnya
Itulah dia di antara gambaran orang yang lalai
Orang yang beribadah begini, tidak ada nur di mukanya
Adakalanya orang boleh benci melihatnya
padahal dia ahli ibadah
Dia termasuk orang yang tertipu di dalam ibadahnya
Orang yang bertaqwa itu ialah tidak mengabaikan,
tidak cuai dan tidak lalai dengan agamanya
Ini orang yang selamat dan menyelamatkan dunia Akhirat

3

Kupasan Tentang Islam, Mukmin dan Taqwa

- *Tamsilan*
- *Kaitan Iman dengan Taqwa*
- *Peringkat-Peringkat Iman*
  - *Iman Taqlid dan Iman Ilmu*
  - *Penjelasan Tentang Iman 'Ayyan*
  - *Iman Haq dan Iman Haqiqat*

Istilah Islam, mukmin dan taqwa ini sering atau kerap kita dengar. Walaupun secara umumnya ia berkaitan dengan orang yang beragama Islam, namun maksudnya tidak sama. Terdapat perbezaan di antara orang Islam, orang mukmin dan orang bertaqwa.

Orang yang masuk agama Islam tidak dikatakan masuk iman atau dikatakan orang mukmin. Orang yang masuk Islam tidak diistilahkan sebagai orang yang beriman. Lebih-lebih lagi dia tidak dikatakan orang yang bertaqwa. Istilah yang dipakai ialah dia orang Islam atau muslim. Secara umumnya, itulah umat Islam. Mereka tidak dikaitkan dengan iman dan taqwa. Iman dan taqwa adalah perkara yang berbeza.

Iman dan taqwa sangat mahal. Tidak mudah untuk mendapat iman dan taqwa. Untuk menjadi orang Islam, mudah. Cukup dengan bersyahadah sahaja. Namun dengan sekadar syahadah, seseorang itu tidak boleh dikatakan orang mukmin atau orang bertaqwa. Dia baru Islam. Bagaimana pun seorang yang sudah bersyahadah tidak boleh dikatakan kafir. Kalau dia sembahyang, puasa, naik haji dan berjuang, tentulah dia orang Islam.

Untuk menjadi orang Islam, itu mudah tetapi untuk menjadi orang mukmin, susah. Untuk menjadi orang bertaqwa, lebih-lebih lagi susah. Sebab itu masuk sahaja agama Islam, dia dikatakan Islam atau muslim tetapi tidak dikatakan mukmin atau taqwa.

TAMSILAN

Di antara orang mukmin dengan orang Islam sangat jauh bezanya. Kalau kita hendak buat misalan, bolehlah kita kata Islam itu ibarat sebuah taman yang indah, yang di dalam taman itu ada pokok buah-buahan, bunga-bungaan dan sayur-sayuran. Orang masuk Islam itu sebenarnya baru masuk dan berada di pintu taman itu. Dia baru ambil tiket untuk membolehkan dia jelajah taman. Syahadah itu ibarat tiket semata-mata. Dia masih belum tahu lagi apa yang ada di dalam taman itu. Sedangkan dalam taman itu ada bermacam-macam keindahan. Ada keindahan rasa, keindahan akal, keindahan pandangan dan pendengaran dan lain-lain lagi.

Orang mukmin itu, dia sudah menjelajah taman. Sudah *round* taman itu. Dia sudah melihat keindahan taman. Orang bertaqwa pula, dia sudah makan dan merasa semua buah-buahan dan sayur-sayuran dalam taman itu. Maka orang bertaqwalah yang paling tinggi.

Sebagai contoh lagi, katalah kita hendak ziarah sebuah zoo. Kita ambil tiket lalu duduk di pintu. Lepas itu kita balik. Atau di sebuah taman bunga yang indah, kita ambil tiket dan duduk di kerusi. Lepas itu kita balik. Kemudian kita cakap kita sudah masuk zoo dan sudah masuk taman. Betullah kita sudah masuk. Tetapi kita belum tengok dan belum rasa hebat dan cantiknya zoo dan taman itu. Soal sudah masuk itu satu perkara. Itulah Islam. Soal sudah tengok dan sudah rasa keindahan dan kenikmatan zoo dan taman, itu satu perkara yang lain pula. Itulah mukmin dan taqwa.

Contoh lain, macamlah orang yang hendak masuk ke universiti. Dia baru daftar nama, belum belajar dan belum pusing-pusing di kawasan universiti lagi. Bila diterima masuk, dia baru ada nama sebagai pelajar universiti. Itulah Islam. Dia belum boleh dikatakan seorang intelek atau seorang graduan. Intelek dan graduan itu ibarat mukmin dan taqwa. Cuma selesai pen-

daftaran, automatik dia menjadi *student*. Dia belum dapat ilmu. Jelajah kawasan universiti pun belum.

Atau kalau hendak dicontohkan lagi, Islam adalah ibarat kulit buah iaitu benda luar, benda lahir atau benda yang nampak. Iman adalah isinya manakala rasa isi itu adalah taqwa. Soal isi dan rasa, itu soal batin atau soal rohaniah. Kulit buah itu ibarat Islam, seperti syahadah, sembahyang, puasa, zakat dan haji. Mungkin tambah lagi dengan sedekah, belajar dan lain-lain. Itu kulit. Itu Islam.

Kalau kita hendak beli buah, adakah kita hendak makan kulit atau isi? Tentulah isi. Tetapi perlu diingat, kalau kulit cacat kita tidak akan beli buah itu walaupun bukan kulit yang hendak dimakan. Kalau kulit tidak elok, kita tidak beli. Tetapi ada juga buah yang kulitnya cantik dan elok tetapi di dalamnya ada ulat. Kalau kulit baik, belum tentu isinya baik, tetapi kalau kulit rosak sudah tentu, *confirm* yang di dalamnya rosak. Tidak semestinya kulit yang elok menggambarkan isi yang elok. Begitu juga tidak semestinya kulit yang elok menggambarkan rasa isi yang sedap. Katalah isi elok, namun belum tentu rasanya sedap. Kalau isi elok, boleh dimakan tetapi belum tentu rasanya sedap. Isi elok, itu tamsilan orang mukmin. Rasa sedap, itu tamsilan orang bertaqwa.

Beza antara orang Islam dan orang mukmin terlalu jauh. Kalau wujud ciri mukmin maka secara automatik ciri Islam itu wujud. Namun, kalau ciri Islam wujud pada seseorang, belum tentu ciri mukmin juga ada. Kerana itu iman perlu dicari. Iman itulah taqwa. Tidak cukup jadi orang Islam sahaja tetapi mesti menjadi orang mukmin (bertaqwa).

Iman adalah hakikat dan Islam adalah syariat. Iman bersifat rohaniah dan Islam bersifat lahiriah. Yang Tuhan akan nilai di Akhirat nanti ialah iman. Yang Tuhan akan nilai adalah hakikatnya. Hakikat bertapak pada roh atau hati. Hatilah yang Tuhan akan nilai, bukan soal-soal lahir. Namun, kedua-duanya mesti dibuat. Tetapi keutamaannya adalah pada hati. Orang mukmin

dijamin masuk Syurga sedangkan orang Islam tidak dijamin sedemikian.

Ada satu cerita di zaman Rasulullah. Seorang Arab Badwi masuk Islam. Apabila bertemu dengan Rasulullah, dia berkata kepada baginda, *"Wahai Rasulullah, saya sudah beriman."* Terus Rasulullah menegur, *"Jangan katakan kamu sudah beriman. Katakanlah sahaja kamu sudah Islam."*

Ertinya untuk dapat iman adalah susah. Untuk menjadi Islam, itu mudah. Syahadah sahaja, sudah Islam. Di sinilah kita lihat mengapa umat Islam masih jahat walaupun ibadah banyak. Ibadah yang banyak hanya menggambarkan kulit atau syariat atau Islam. Ibadah tidak semestinya menggambarkan iman dan taqwa. Katalah seorang itu sembahyangnya banyak, puasa sunat banyak, rajin mengaji dan berjuang tetapi dalam masa yang sama dia berbohong, rasuah, hasad dengki, tidak ada kasih sayang dan tidak pedulikan orang. Islamnya hebat. Syariatnya pun hebat. Tetapi cacatnya terlalu banyak. Itu petanda hatinya belum benar-benar beriman dan bertaqwa.

KAITAN IMAN DENGAN TAQWA

Taqwa sering dikaitkan oleh Allah dengan iman. Bahkan taqwa bermula dari iman. Taqwa tumbuh dari iman. Iman adalah perkara asas yang perlu ditanam ke dalam hati seseorang terlebih dahulu. Apabila iman yang ditanam itu sudah sejati barulah akan lahir taqwa dalam diri seseorang. Orang yang beriman belum tentu bertaqwa. Tetapi orang yang bertaqwa sudah tentu dia beriman. Kerana iman itu berperingkat-peringkat. Tidak semua peringkat iman boleh menghasilkan taqwa.

PERINGKAT-PERINGKAT IMAN

1. Iman taqlid

2. Iman ilmu
3. Iman 'ayyan
4. Iman haq
5. Iman haqiqat

Iman Taqlid Dan Iman Ilmu

Iman orang yang bertaqlid atau iman turut-turutan atau iman ikut-ikutan, imannya adalah tepat iaitu dia percaya kepada Allah dan Rasul tetapi kepercayaannya tanpa dalil, tanpa keterangan dan tanpa ilmu pengetahuan. Orang begini tidak kuat dan tidak teguh imannya. Imannya mudah goyang dan goncang.

Begitu juga iman ahli ilmu. Imannya tepat. Tetapi walaupun keyakinannya kepada Allah dan Rasul dapat disokong dengan dalil-dalil, keterangan dan hujah-hujah namun iman peringkat ini baru sekadar sah. Jiwanya belum kuat sedangkan kekuatan seseorang itu adalah pada jiwanya. Iman seperti ini belum sanggup melawan syaitan dan hawa nafsu. Kerana itu orang yang peringkat imannya di tahap ilmu akan melanggar perintah Allah dalam sedar. Orang yang mempunyai iman ilmu hanya pandai berkata-kata kerana dia ada ilmu tetapi tidak dapat mengotakan kata-katanya. Mereka dalam golongan ini akan menjadi mukmin 'asi (derhaka) atau mukmin yang fasik atau mukmin yang berpura-pura.

Orang mukmin seperti ini setakat boleh mengucap dua kalimah syahadah dengan lidahnya dan akalnya percaya adanya Allah Taala dengan segala sifat-sifat yang wajib bagi-Nya. Tetapi dia belum dapat menanam kekuatan iman di dalam hatinya. Hatinya belum merasai yang Allah sentiasa melihat dan memerhatikan tingkah laku dan gerak-gerinya. Mukmin seperti ini, walaupun ilmunya tinggi melangit dan di dadanya penuh Al Quran dan Hadis, namun nafsunya masih besar. Sifat-sifat mazmumah seperti riyak, ujub, hasad, sombong, pendendam, bakhil, gila puji, gila pangkat dan lain-lain masih banyak

bersarang di dalam hatinya dan syaitan pula sentiasa menggodanya.

Orang-orang mukmin seperti ini tidak sanggup menghadapi ujian-ujian hidup sama ada yang berbentuk kesenangan mahupun yang berbentuk kesusahan. Ertinya, kalau dia berhadapan dengan kesenangan, dia akan lupa dirinya dan akan terus terjebak ke dalam perangkap nafsu dan syaitan. Manakala kalau dia berhadapan dengan kesusahan pula, dia akan cemas dan akan hilang daya pertimbangan. Dia akan bertindak di luar kehendak dan batas syariat.

Iman yang sejati itu, dari mana akan lahir taqwa, setidak-tidaknya adalah peringkat iman 'ayyan iaitu iman orang yang cukup yakin dengan Allah dan Rasul, lengkap dengan pengertian dan fahamannya serta diikuti dengan tindak-tanduk dan perbuatan.

Orang yang beriman taqlid perlu meningkatkan imannya ke peringkat iman ilmu dengan cara belajar dan menambah ilmu. Orang yang beriman ilmu pula perlu meningkatkan imannya ke peringkat iman 'ayyan dengan cara mengamalkan ilmu-ilmu yang diketahuinya dengan faham dan khusyuk.

Penjelasan Tentang Iman 'Ayyan

Ini iman orang yang soleh atau iman ashabul yamin atau iman golongan abrar iaitu orang yang sentiasa sedar bahawa Allah Taala sentiasa mengawasi dirinya. Dengan kata-kata lain, orang yang memiliki iman 'ayyan hatinya sentiasa dapat merasakan kehebatan Allah. Dia ada hubungan hati dengan Allah. Kalau pun ada lupa dan lalainya kepada Allah, ianya terlalu kecil dan sedikit. Kerana itu, orang yang memiliki iman 'ayyan ini adalah orang yang sentiasa takut kepada Allah dan kuat sekali penyerahan dirinya kepada Allah. Kalau iman ilmu, keyakinan cuma bertempat di fikiran, tetapi iman 'ayyan, keyakinan bertempat di hati. Ini digambarkan dalam sepotong ayat Al Quran:

Maksudnya: "Mereka yang sentiasa mengingati Allah dalam waktu berdiri, waktu duduk dan di masa berbaring dan mereka sentiasa memikir tentang kejadian langit dan bumi lantas mereka berkata, 'Wahai Tuhan kami! Tidak Engkau jadikan semua ini sia-sia'." (Ali Imran: 191)

Iman 'ayyan mampu memacu umat ini menjadi umat yang gigih dalam memikul beban perintah Allah SWT. Iman 'ayyan juga merupakan benteng yang kukuh yang melindungi umat dari terjebak dan terjerumus kepada berbagai anasir negatif, kemungkaran dan kemaksiatan. Iman 'ayyan menjadikan seseorang itu memiliki kekuatan jiwa, gigih, kuat cita-cita, tahan diuji dan sanggup berkorban.

Oleh kerana orang mukmin yang sejati itu, perasaan bertauhid menghayati jiwanya, maka dia sentiasa takut dengan Allah malah rasa takutkan Allah itu bergelora di hatinya. Orang seperti ini sahajalah yang boleh tunduk kepada syariat Allah Taala. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Hanya sanya, orang mukmin yang sebenar itu, apabila disebut sahaja nama Allah, gementarlah hati-hati mereka dan apabila dibacakan ayat-ayat Allah, bertambahlah mereka beriman dan mereka terus menyerah diri kepada Allah." (Al Anfal: 2)

Sikap orang mukmin yang sejati itu, apabila Allah Taala

mendatangkan hukum-hakam dan peraturan hidup, dia tidak akan memilih-milih mana yang sesuai mengikut kehendak nafsunya dan menolak mana yang bertentangan dengan kehendak nafsunya. Orang mukmin yang sejati tidak menyoal dan tidak mempertikai hukum Allah dan bersikap lurus dalam melaksanakan hukum Allah atau dalam meninggalkan larangan-Nya walau apa pun yang terjadi. Dia akan terus melaksanakan perintah Allah tanpa ragu oleh kerana jiwa tauhidnya berakar umbi di dalam hati. Dia patuh dan akan memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap segala perintah Allah. Firman Allah Taala:

Maksudnya: "Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin bila dipanggil kepada Allah dan Rasul-Nya agar menghukum di antara mereka, mereka ucapkan, "Kami dengar dan kami patuh". (An Nur: 51)

Berbeza dengan orang yang tidak takut dengan Allah, dia akan memilih-milih hukum Allah di dalam perlaksanaannya. Dia akan mengamalkan sesetengahnya dan meninggalkan sesetengahnya pula. Inilah sikap orang yang bukan mukmin sejati. Dia Allah golongkan ke dalam golongan orang yang sesat akibat dari sikapnya yang memilih-milih itu. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Tidak dianggap orang mukmin yang sebenar sama ada lelaki mahupun perempuan apabila Allah

dan Rasul-Nya mendatangkan sesuatu perintah, bahawa mereka mahu memilih pada urusan mereka dan siapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, maka telah sesatlah dia dengan amat nyata." (Al Ahzab: 36)

IMAN HAQ DAN IMAN HAQIQAT

Iman yang paling baik ialah iman haq dan iman haqiqat. Ini adalah merupakan kemuncak iman iaitu iman bagi orang-orang yang hampir dengan Allah atau apa yang dinamakan sebagai golongan *muqarrabin*. Ia bukan lagi setakat iman sejati tetapi adalah iman yang sebenar dan iman yang sempurna. Orang yang memiliki iman haq dan iman haqiqat adalah orang yang sangat bertaqwa dan kuat penyerahan dirinya kepada Allah.

4

Pengertian Taqwa

- *Takrif*
- *Asas Taqwa*
- *Ciri-Ciri Taqwa*
- *Amalan Taqwa*
- *Arahan Supaya Bertaqwa*
- *Beramal untuk Menambah Taqwa*
- *Taqwa itu Benda Dalaman*
- *Mengusahakan Taqwa*
- *Kesan Bekerja dengan Taqwa*
- *Roh Amal*
- *Menghadirkan Roh Dalam Amalan*
- *Sajak 2*

Kebanyakan orang tidak faham apa sebenarnya taqwa. Walaupun istilah taqwa selalu disebut tetapi ilmu tentang taqwa tidak pernah diajar. Jalan untuk mendapatkan taqwa tidak pernah diberitahu. Syarat-syarat dan rukun-rukun taqwa juga tidak pernah dinyatakan. Orang sudah lali dengan perkataan taqwa. Sesetengah orang menganggap perkataan taqwa itu sudah tidak ada erti apa-apa lagi kerana kebanyakan orang tidak faham.

Sebab itu, setiap kali disuruh bertaqwa, orang tidak bertaqwa. Disebut *Ittaqullah, 'bertaqwalah kamu kepada Allah'*, namun orang tidak bertaqwa juga. Walhal suruhan supaya bertaqwa itu disebut dalam setiap khutbah sembahyang Jumaat kerana ia adalah rukun khutbah. Kalau tidak disebut taqwa, tidak sah sembahyang Jumaat walaupun sembahyang khusyuk. Tetapi walaupun selalu disebut, orang tidak faham. Ia tidak jadi ilmu, ia tidak jadi amalan dan pegangan, jauh sekali untuk dihayati. Oleh itu macam mana hendak jadi orang yang bertaqwa.

Taqwa bukan setakat melaksanakan perintah dan meninggalkan larangan. Bukan setakat menunai ketaatan dan menjauhkan kemaksiatan. Bukan setakat membuat apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Bukan juga setakat meninggalkan apa yang haram dan menunaikan apa yang fardhu. Bukan setakat menjauhkan yang syirik dengan beramal dan taat kepada Allah. Bukan setakat menjauhkan diri dari segala apa yang akan menjauhkan diri kita daripada Allah. Bukan setakat menghadkan diri kepada yang halal sahaja dan bukan setakat

beramal untuk menjuruskan ketaatan kepada Allah semata-mata.

Inilah kupasan dan kefahaman tentang taqwa yang dibawa oleh para ustaz, para muallim, orang yang hafaz Quran dan Hadis bahkan juga para mufti dan kadhi. Taqwa itu tersangat dipermudahkan sehingga orang tidak merasakan bahawa taqwa itu penting dan perlu diperjuangkan demi untuk mendapat keselamatan di dunia dan Akhirat. Maksud taqwa sebenarnya lebih dalam dan lebih luas dari itu. Taqwa adalah antara perkara yang terpokok dalam agama.

Orang membuat apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang atau orang menunaikan ketaatan dan menjauhkan kemaksiatan, tidak semestinya berasaskan taqwa. Mereka taat mungkin kerana ada sebab-sebab lain. Mungkin mahu upah, mahu dipuji, mahu pengaruh atau untuk mengambil hati orang. Mereka meninggalkan apa yang dilarang pun mungkin ada sebab-sebab lain. Mungkin kerana mahu dihormati, mahu menjaga nama dan kedudukan, takut dihukum, takut orang mengata dan menghina atau takut dipulaukan orang.

TAKRIF

Bila disebut taqwa, orang terjemah sebagai **takutkan** Tuhan. Itu tidak betul. Taqwa bukan bererti takut. Taqwa pada Tuhan bukan bererti takutkan Tuhan. Takut kepada Tuhan hanyalah satu daripada sifat mahmudah yang terangkum dalam sifat taqwa tetapi ia bukan taqwa. Takut dalam bahasa Arab ialah *khauf* atau *khasya.*

Taqwa berasal dari perkataan *waqa–yaqi–wiqoyah* yang ertinya **memelihara**. Hujahnya ialah ayat Al Quran seperti berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ قُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا ■

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu memelihara diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka." (At Tahrim: 6)

Di dalam Al Quran, kerap Tuhan menyeru dengan kalimah *ittaqu* atau *yattaqi*. Di mana ada tambahan huruf pada asal kalimah *waqa*, ia membawa perubahan kepada makna. Di sini *ittaqullah* membawa maksud *hendaklah kamu mengambil Allah sebagai pemelihara/pembenteng/pelindung*. Iaitu hendaklah jadikan Tuhan itu pelindung. Jadikan Tuhan itu kubu atau benteng. Bila sudah berada dalam perlindungan, kubu atau benteng Tuhan, perkara yang negatif dan berbahaya tidak akan masuk atau tembus. Atau jadikan Tuhan itu dinding dari kejahatan.

Usaha untuk menjadikan Allah sebagai pemelihara atau pelindung atau pembenteng ialah dengan melaksanakan perkara-perkara yang disuruh oleh Allah lahir dan batin. Dengan kata-kata yang lain, perkara yang disuruh itu ialah membina sifat-sifat mahmudah. Mengumpul dan menyuburkan sifat-sifat mahmudah itulah usaha bagi menjadikan Allah itu sebagai pemelihara atau pelindung. Membina sifat-sifat mahmudah itulah usaha ke arah taqwa.

Taqwa atau *wiqoyah* telah disalahertikan. Maksudnya telah disempitkan. Ia sebenarnya adalah lebih global dan luas. Ia adalah gudang mahmudah dan merupakan himpunan segala sifat-sifat mahmudah. Di situ ada sabar, redha, pemurah, berkasih sayang, pemaaf, memberi maaf, meminta maaf dan sebagainya. Seluruh sifat mahmudah itulah taqwa. Jadi, besarlah erti taqwa. Ia membawa keselamatan dunia dan Akhirat.

Oleh itu, kalau dikatakan *ittaqullah*, maknanya yang sebenar ialah '*hendaklah kamu mengambil Allah sebagai pemelihara*'. Oleh sebab istilah-istilah Islam telah banyak disalah guna dan disalahertikan, maka hilang berkatnya. Bila disebut istilah-istilah Islam, tidak terasa apa-apa. Contohnya ialah perkataan

'*khalwat*'. Maksudnya mulia iaitu *menyendiri dengan Tuhan*. Ia satu bentuk amalan sufi. Tetapi maksudnya itu telah diselewengkan dengan membawa erti '*berdua-duaan lelaki dan perempuan yang bukan ajnabi*'. Begitulah juga istilah *ittaqullah* ini. Setiap minggu pada hari Jumaat, dilaung-laungkan di mimbar masjid tetapi para jemaah tidak terasa apa-apa. Berkatnya telah hilang kerana maksudnya telah disalahertikan.

Untuk menjadi orang yang bertaqwa ertinya menjadi orang yang berada dalam perlindungan Tuhan atau dalam pemeliharaan Tuhan. Orang yang berada dalam benteng dan kubu Tuhan. Dia selamat dari serangan luar. Serangan luar tidak lut dan tidak mengenai dirinya. Orang bertaqwa itu seolah-olah telah dipakaikan baju besi atau jaket kalis peluru.

Taqwa adalah pakaian jasad batin atau roh. Ia adalah amalan jiwa atau roh. Taqwa adalah perkara dalaman dan banyak melibatkan amalan hati. Kalau sungguh-sungguh diamalkan dan dihayati, akan lahir sifat-sifat mahmudah seperti jujur, adil, benar, berkasih sayang, lemah lembut, pemurah, tawadhuk, pemalu, bertimbang rasa, berperikemanusiaan, sabar, redha, tawakal, bertolak ansur, mengutamakan orang lain, pemaaf, amanah, tekun, rajin, lapang dada, bekerjasama, simpati, belas kasihan dan sebagainya.

Orang yang bertaqwa adalah orang yang luar biasa. Sebab dia manusia yang sudah bersifat malaikat. Sifat malaikat sudah ada dalam dirinya. Dia sudah jadi orang Tuhan. Sebab itulah dia dibantu dan dibela oleh Tuhan. Orang bertaqwa sahaja yang akan selamat di dunia dan di Akhirat.

ASAS TAQWA

Asas taqwa yang lahir bermula dari aqidah yang betul diikuti dengan sembahyang, puasa, zakat dan naik haji. Itu adalah asas taqwa. Kalau asas taqwa ini tidak ada ertinya kita tidak ada benih

untuk ditanam. Kalau tidak ada benih, masakan akan ada pokoknya. Amalan-amalan yang lain adalah sebagai tambahan.

Asas taqwa yang batin ialah rasa kehambaan yang sungguh mendalam. Di antaranya rasa serba-serbi dhaif, lemah, hina, lalai dan leka di sisi Allah SWT. Rasa diri benar-benar dimiliki oleh Allah. Rasa diri tidak punya apa-apa.

Diri yang rasa lemah itu sangat merasakan ianya terdedah kepada berbagai kerosakan dan cacat cela. Tiada daya, tiada upaya dan tidak mampu berbuat apa-apa. Rasa kehambaan yang mendalam ini menjadikan hati penuh pasrah, merintih, mengharap dan memohon setiap sesuatu itu hanya dari Allah.

CIRI-CIRI TAQWA

Di antara ciri-ciri taqwa adalah:

1. Ingat dua perkara
2. Lupa dua perkara
3. Menyukai apa yang Allah suka
4. Membenci apa yang Allah benci

1. Ingat Dua Perkara

a. *Pertama:* Kebaikan, jasa dan budi orang kepada kita perlu diingat selalu dan sekiranya berpeluang, maka eloklah disebut-sebut dan dibalas walaupun balasan itu tidak setimpal dengan jasa dan budi orang itu kepada kita. Itu terhadap kebaikan dan jasa manusia.

Lebih-lebih lagilah kita perlu ingat dan mensyukuri segala nikmat dan limpah kurnia Allah SWT kepada kita yang tidak terhingga banyaknya. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Dan terhadap nikmat Tuhanmu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebutnya (sebagai tanda bersyukur)." (Adh Dhuha: 11)

Ini supaya kita terasa terhutang budi dan berterima kasih kepada orang yang berbuat baik dan berjasa kepada kita. Tentulah terhadap Allah, lebih-lebih lagi patut kita rasakan sedemikian. Memang patut kita taat dan bersyukur kepada Allah, dengan membuat amal kebajikan biarpun segala amalan itu tidak mungkin setimpal dengan kurniaan Allah.

b. *Kedua:* Kesalahan kita kepada orang lain hendaklah sentiasa kita ingat dan kita minta maaf daripadanya. Ingat selalu tentang kesalahan diri agar kesalahan itu tidak diulangi. Rasa bersalah itu penting kerana rasa itulah yang mendorong kita meminta maaf. Itu terhadap kesalahan kita terhadap sesama manusia.

Lebih-lebih lagilah kita perlu ingat dosa-dosa dan kederhakaan kita kepada Allah. Kita iringi ingatan kepada dosa-dosa itu dengan bertaubat. Kekalkan rasa berdosa itu supaya kita terhindar dari terbuat dosa-dosa yang lain dan hati kita sentiasa takut dan berharap agar Allah ampunkan dosa kita.

2. Lupa Dua Perkara

a. *Pertama:* Lupakan segala budi, jasa dan kebaikan kita kepada orang. Jangan diungkit-ungkit dan dikenang-kenang. Kembalikan segala kebaikan yang kita buat itu kepada Allah. Rasakan seolah-olah kita tidak pernah berbuat baik kepada orang.

Lebih-lebih lagi, kita kena lupakan segala amal ibadah yang telah kita buat kepada Allah. Jangan diungkit-ungkit atau dikenang-kenang. Rasakan seolah-olah kita tidak beramal. Dengan itu moga-moga hati kita tidak dilintasi oleh rasa ujub, sum'ah atau riyak atau rasa diri baik dan mulia.

b. *Kedua:* Lupakan kejahatan orang terhadap diri kita. Anggaplah seolah-olah tidak ada siapa yang bersalah dengan kita supaya tidak tercetus rasa marah atau dendam terhadap orang.

Lebih-lebih lagi hendaklah kita lupakan segala kesusahan, ujian, musibah atau mala-petaka yang Allah timpakan kepada kita seperti sakit, kematian, kerugian, kemalangan dan kegagalan. Atau banjir, kemarau, ribut taufan, tsunami, wabak penyakit, kemelesetan ekonomi dan sebagainya. Supaya tidak tercetus perasaan tidak sabar dan tidak redha dengan ketentuan Allah.

3. Menyukai Apa Yang Allah Suka

Yakni kesukaan kita hendaklah selari dengan kesukaan Allah. Kita buat apa sahaja perbuatan dan amalan menurut apa yang disukai Allah. Ini mudah kalau apa sahaja yang Allah suka, kita pun suka. Bukan soal sesuatu amalan itu kecil atau besar, fardhu, wajib atau sunat tetapi asalkan Allah suka, kita pun suka dan akan membuatnya. Itu cara kita hendak menghiburkan Allah. Itu manifestasi dari cinta kita yang mendalam kepada Allah. Seseorang itu akan menyukai apa sahaja yang disukai oleh orang yang dicintainya.

Soal amalan fardhu, wajib atau sunat sudah tidak jadi pertimbangan. Semua amalan yang Allah suka akan kita buat. Ia bukan juga soal mendapat pahala atau fadhilat. Ia lebih kepada hasrat untuk menyatakan dan membuktikan cinta dan kehambaan kita kepada Tuhan.

4. Membenci Apa Yang Allah Benci

Yakni kebencian kita hendaklah selari dengan kebencian Allah. Kita tinggalkan apa sahaja perbuatan dan amalan menurut apa yang dibenci oleh Allah. Ini mudah kalau apa yang Allah benci, kita pun benci. Nafsu pasti mendorong

untuk berbuat apa yang Allah benci kerana nafsu itu suka kepada apa yang Allah benci dan benci kepada apa yang Allah suka. Tetapi fitrah tetap kuat dan teguh. Fitrah yang suci murni itu, wataknya berlawanan dengan watak nafsu. Ia suka kepada apa yang Allah suka dan benci kepada apa yang Allah SWT benci. Nafsu tidak dapat mengalahkannya kerana rasa bertuhan dan rasa kehambaannya yang mendalam.

AMALAN TAQWA

Amalan taqwa pula bukan setakat apa yang terkandung di dalam rukun Islam seperti puasa, zakat, haji dan sembahyang sahaja. Bukan setakat membaca Quran atau berwirid dan berzikir sambil menggentel biji tasbih. Bukan juga bersuluk dan beruzlah menjauhkan diri dari orang ramai. Amalan taqwa bukan sahaja di surau atau di masjid.

Amalan taqwa adalah apa sahaja amalan dan perbuatan di dalam kehidupan yang berlandaskan syariat sama ada yang fardhu, wajib, sunat atau harus atau apa sahaja amalan dan perbuatan yang dijauhi dan ditinggalkan sama ada yang haram atau makruh yang dibuat berserta rohnya iaitu ada batinnya, penghayatan dan penjiwaannya. Dengan kata-kata yang lain, ada terkait dengan akal, roh dan terhubung dengan Allah, dibuat kerana Allah dan mengikut cara yang Allah mahu.

Ini termasuklah segala perkara yang berlaku dalam kehidupan baik dalam kehidupan seharian, dalam bidang ekonomi, pembangunan, pendidikan, kenegaraan, kebudayaan, pentadbiran, ketenteraan, kesihatan dan sebagainya. Asalkan apa yang dibuat atau ditinggalkan itu berkait dan kerana Allah maka itulah taqwa. Amalan yang tidak berkait dan tidak dibuat kerana Allah, itu adalah amalan bangkai yang tidak ada nyawa, jiwa atau rohnya. Ia tidak sampai kepada Allah dan tidak ada apa-apa nilai di sisi-Nya.

Bercakap boleh jadi taqwa kalau apa yang dicakapkan itu adalah ilmu, nasihat atau perkara-perkara yang baik dan manfaat dan dibuat kerana Allah. Diam juga boleh jadi taqwa kalau diam itu untuk mengelakkan dari berkata-kata perkara yang maksiat dan sia-sia atau supaya tidak menyakiti hati orang dan dibuat kerana takutkan Allah.

Dalam Islam, di samping ibadah lahir, ada banyak ibadah batin atau ibadah yang bersifat rohaniah. Ibadah lahir banyak syarat rukun dan sah batalnya. Tetapi ibadah batin tidak mengira tempat, waktu, masa, suci atau berhadas, haul atau nisabnya. Ia boleh dilakukan bila-bila masa. Ini termasuklah bertafakur, muhasabah diri, musyahadah, mujahadah, bertaubat, merintih dengan Tuhan, sabar dalam menanggung sakit, ujian, musibah, cacian, kehinaan dan makian orang, menyuburkan rasa-rasa bertuhan dan rasa-rasa kehambaan dan berzikir di hati. Ini semua adalah amalan rohani yang boleh menghasilkan taqwa.

ARAHAN SUPAYA BERTAQWA

Allah SWT berfirman:

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ

Maksudnya: "Hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah sejauh yang termungkin." (At Taghabun: 16)

Sejauh yang termungkin di sini bermaksud turun naik nafas mesti dijadikan taqwa. Mendengar, melihat, makan minum, berjalan, berhibur, semuanya mesti dijadikan amalan taqwa. Jangan ada satu hembusan nafas yang tidak jadi taqwa. Jangan ada seulas nasi yang tidak jadi taqwa. Jangan ada satu pendengaran atau satu penglihatan yang tidak jadi taqwa. Malahan jangan ada satu apa pun dalam hidup ini yang tidak membawa kepada taqwa. Itulah maksud sejauh yang termungkin dalam mengusahakan taqwa.

BERAMAL UNTUK MENAMBAH TAQWA

Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Hendaklah kamu menambah bekalan. Maka sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu adalah sifat taqwa." (Al Baqarah: 197)

Di sini Tuhan menyuruh kita supaya sentiasa menambah sifat taqwa. Kerana sifat taqwa ini adalah bekalan kita di Akhirat. Ia juga untuk mendapat bantuan Tuhan di dunia dalam berbagai bentuk. Itulah yang merupakan *khawariqul 'adah*. Kalau di zaman Rasulullah SAW dikatakan mukjizat. Kalau bukan di zaman Rasulullah dikatakan keramat atau berkat atau rahmat dari Tuhan.

Seperti yang pernah berlaku dan dipaparkan dalam sejarah, dalam peperangan, umat Islam yang sedikit boleh mengalahkan musuh yang ramai, atau mendapat rezeki dari sumber yang tidak diduga dan lain-lain lagi contoh yang banyak berlaku di kalangan para Sahabat. Itu di dunia, tetapi yang paling utama ialah di Akhirat.

Tuhan sebut dalam firman-Nya di atas, hendaklah kita sentiasa menambah bekalan iaitu sifat taqwa. Kita disuruh membangunkan aset di Akhirat sambil mendapat pertolongan dan bantuan Tuhan di dunia. Menambah sifat taqwa ini mestilah di atas landasan syariat. Yang asas-asasnya ialah sembahyang (solat), puasa, zakat dan naik haji. Itu asas atau tapak untuk menambah taqwa.

Selain yang asas ini, banyak lagi yang lain. Mungkin di atas landasan fardhu kifayah, di atas landasan perkara-perkara sunat dan hal-hal yang harus. Walaupun asalnya harus, tetapi kalau kita pandai mengikut ilmunya, yang harus pun boleh menambah sifat taqwa.

Seperti yang disebut di atas, menambah sifat taqwa mesti di atas landasan syariat. Sebagai contoh yang mudah, yang dapat dilihat oleh mata sebab ia dilaksanakan oleh lahiriah kita ialah seperti membangunkan ekonomi. Mengapa kita bangunkan ekonomi? Dalam Islam, berekonomi bukan untuk mencari untung, walaupun di situ ada untung. Kita berekonomi untuk menambah sifat taqwa. Tetapi kebanyakan orang berniaga dan berekonomi untuk tujuan komersial dan untuk mendapat untung. Itu tidak betul. Untung itu datang sendiri. Jadi sebenarnya berdasarkan ayat tadi, hendaklah kita berekonomi untuk menambah bekalan dan bekalan di sini ialah sifat taqwa.

Dalam Islam kita berniaga untuk menambahkan lagi sifat taqwa. Berniaga itu ibadah. Ia samalah dengan ibadah-ibadah yang lain seperti sembahyang, hanya ia berbentuk *umumiah*. Kita berkebudayaan, hendak menambah lagi sifat taqwa. Kita bangunkan jemaah, moga-moga dengan jemaah itu dapat membangunkan lagi sifat taqwa. Kita bekerjasama, mengajar, bangunkan pendidikan, maka di situlah kita dapat menambah sifat taqwa. Kita bangunkan kesihatan, klinik dan sebagainya, moga-moga dari situlah kita dapat menambah sifat taqwa. Kita berdakwah, buat perhubungan, semoga dapat menambah sifat taqwa. Kita nikah kahwin, berkeluarga, beranak cucu, moga-moga dari situ dapat menambah lagi sifat taqwa. Kalau dicampur-campur banyaklah jumlahnya. Itu semua adalah ibadah yang boleh mendatangkan taqwa.

Janganlah kita mencari taqwa di atas syariat yang terbatas seperti yang terkandung di dalam rukun Islam yang lima itu sahaja. Itu hanya asasnya sahaja. Banyak lagi cabang-cabang dan ranting-rantingnya. Banyak lagi perkara yang boleh dijadikan ibadah. Jangan berwirid, berzikir, baca Al Quran dan duduk-duduk di dalam masjid dan di surau sahaja. Sebenarnya seluruh tindakan lahir dan aktiviti kita dalam kehidupan ini walaupun yang harus, itu adalah syariat. Angkat tangan, pandang sana, pandang sini, hayun kaki, itu semua termasuk syariat. Maka

moga-moga dengan mengamalkan seluruh syariat itulah kita akan dapat menambah sifat taqwa. Sifat taqwa banyak di tengah-tengah kehidupan. Bukan di masjid atau di surau sahaja. Membantu orang, bersatu padu, berkasih sayang, menyelesaikan masalah orang dan berkerjasama, itu semua adalah amalan taqwa.

Kalau benda atau syariat itu dianggap kecil, maka kecillah sifat taqwanya. Kalau dianggap besar, maka besarlah sifat taqwanya. Dari situlah malaikat akan tulis pada kitab amalan kita. Kitab amalan itu akan dibagi kepada kita, digantung di leher di Padang Mahsyar nanti. Setiap orang akan ada catatan amalnya. Masing-masing akan bawa. Yang tukang baca ialah kita sendiri. Barulah kita faham bahawa menambah sifat taqwa itu adalah di atas segala usaha dan aktiviti kita. Di atas penglihatan, pendengaran, gerakan tangan, gerakan kaki ke tempat-tempat yang kita pergi. Malahan ia berlaku dalam apa sahaja aktiviti hidup kita. Di situlah kita akan dapat taqwa.

TAQWA ITU BENDA DALAMAN

Kita perlu ingat bahawa benda-benda lahir itu syariat. Syariat dalam ajaran Islam ialah kulit. Kalau kulit sahaja yang ada, tidak ada isinya maka ia tidak ada erti apa-apa. Contohnya, kalau kita beli buah, kita hendakkan isinya. Katakan kita beli ubi kayu, tentu ada kulitnya. Kalau tidak ada kulit, isi mudah rosak, namun yang penting ialah isinya. Dalam Islam ada kulit, ada isi. Kulit dan isi kena dipertahankan, tetapi keutamaan adalah pada isi.

Syariat itu adalah rangka. Kalau rangka sahaja yang ada, tidak bernyawa, tidak ada roh, maka tidak ada erti apa-apa. Sebab itu dalam ajaran Islam, makan bangkai itu haram. Sebab makan satu benda yang asalnya sudah tidak ada nyawa. Yang halal itu waktu ada nyawa dan disembelih. Kalau makan kambing yang sudah tidak bernyawa walaupun elok lagi dagingnya, haram hukumnya. Itu sindiran Tuhan.

Kita contohkan dalam ibadah asas, macam sembahyang. Rukuk, sujud dan bacaan-bacaan itu rangka. Kalau hanya badan sahaja yang rukuk, tetapi hati tidak rukuk ertinya kita hanya bawa rangka. Kita hanya bawa rangka yang dalamnya bolong. Kalau badan sahaja yang sujud, hati tidak sujud, ertinya rangka sahaja yang sujud. Sebab itu kadang-kadang dalam meniti di atas syariat pun, dalam melaksanakan ibadah fardhu pun, kita tidak dapat menambah taqwa. Padahal itu ibadah asas. Kalau kita bawa rangka sahaja atau kulit sahaja tetapi tidak membawa roh atau isinya maka ibadah seperti itu tidak akan menambah taqwa.

Taqwa kebanyakannya adalah benda dalaman. Ia bersifat rohaniah, paling tidak ia bersifat maknawiyah. Kalau tidak ada rohaniah, walaupun ibadah cantik, walaupun ia jadi bualan orang sekampung, namun ia hanya bangkai. Sembahyang bangkai, haji bangkai, perjuangan bangkai, pendidikan bangkai, jemaah bangkai, ekonomi bangkai dan kebudayaan pun bangkai. Ianya tidak bernyawa dan tidak bernilai di sisi Tuhan. Padahal itu syariat, namun kalau tidak ada rohnya, ia tidak boleh menambah taqwa.

Apa kata orang? Hebat orang ini, hebat Islam orang ini. Macam-macam syariat dibangunkan. Tetapi isi tidak ada. Manusia melihat syariatnya dibuat, yang sunat pun dibuat. Satu negara kata orang ini hebat, orang ini kuat syariat. Itulah yang kita lihat, tetapi dalamnya kosong, tidak ada isinya. Tuhan berkata ibadah yang dibuat orang itu ialah ibadah bangkai. Manusia lain tidak boleh objek dan tidak boleh komen sebab lahirnya cantik. Tetapi Tuhan pandang yang dalam. Syariat lahir itu dinilai 10% sahaja, yang dalamannya 90%.

Katalah kita hendak membangunkan ekonomi. Tuhan kata bangunkan ekonomi untuk menambah taqwa. Tetapi kita nampak untung. Belum berniaga lagi, di depan kita untung. Mengapa nampak untung bukan taqwa? Sedangkan berniaga bertujuan untuk menambah taqwa. Mengapa kita berniaga

hendak menambah untung. Ini salah. Patut kita berniaga niat untuk menambah sifat taqwa. Di setiap perniagaan tambah sedikit sifat taqwa. Kemudian tambah di kebudayaan sedikit, di klinik sedikit, di sekolah sedikit, campur-campur maka banyaklah jumlahnya.

Jadi sifat taqwa itu banyak berkaitan dengan hal-hal dalaman. Soal syariat lahir hanya 10%, yang dalaman 90%. Senangkah kita hendak berniaga? Hendak bagi nyawa kepada perniagaan kita supaya ia tidak menjadi *minimarket* bangkai, *supermarket* bangkai atau *hypermarket* bangkai. Bukan senang hendak bagi roh pada perniagaan. Bila dikatakan roh, semua yang terlibat dengan perniagaan tersebut daripada pemimpin-pemimpinnya, pengurus-pengurusnya, petugas-petugasnya, fikiran dan hati-hati mereka mesti sama dan selari. Semua hati-hati orang yang terlibat mesti berkata bahawa buka kedai itu untuk berkhidmat, bukan untuk untung. Moga-moga dari situlah kita dapat menarik orang kepada Islam. Kita dapat berkasih sayang. Kita diterima oleh pelanggan-pelanggan, dapat menolong orang, dapat memberi kemudahan-kemudahan kepada orang. Itu rohnya yang bertapak di hati. Kalau itu yang kita maksudkan dan niatkan, rugi pun seronok. Sebab sampai matlamat dan dapat sifat taqwa. Kalau untung, *alhamdulillah*. Di dunia lagi sudah dapat balasan. Di Akhirat akan dapat balasan lagi. Itu yang sebenar.

MENGUSAHAKAN TAQWA

Mengamalkan Islam yang lahir itu, seperti sembahyang fardhu dan sunat, puasa, zakat, baca Quran, wirid dan zikir, tujuannya supaya kita menjadi orang bertaqwa. Namun kalau kita boleh beribadah seperti itu dua puluh empat jam sehari pun, yang kita akan dapat dari usaha itu hanya 10% sahaja dari nilai taqwa keseluruhannya. Tetapi untuk buat itu pun bukan mudah. Bukan mudah untuk bangun sembahyang malam, berpuasa,

berzakat dan bersedekah, baca Quran dan wirid zikir. Untuk mendapat taqwa cara lahir itu pun amat susah.

Perlu diingat, seperti yang diterangkan sebelum ini bahawa 90% usaha taqwa yang tersirat yang bersifat maknawiyah dan rohaniah, itu lagi susah untuk diperolehi. Bukan senang hendak takut dengan Tuhan. Itu soal rohaniah. Ia bersifat rasa. Bukan senang hendak cinta Tuhan. Ia juga soal rohaniah. Lebih senang untuk kita cinta anak isteri dari cinta Tuhan. Bukan senang untuk rasa bertuhan. Bukan senang untuk bawa rasa bertuhan ke mana-mana. Bukan senang hendak bawa rasa bertuhan kalau tidak dididik dari tadika lagi. Kecualilah bagi orang yang Tuhan hendak anugerahkan rasa bertuhan itu. Tetapi berapa ramai orang yang begitu?

Bukan senang hendak terasa hebatnya Tuhan dan rasa diri kita tidak berguna. Waktu sembahyang, untuk hati kita tersentuh dengan apa yang kita baca sehingga bergelombang hati kita tidaklah mudah. Bila disebut *Allahu Akbar*, ada sejenis rasa, bila disebut *Alhamdulillah*, ada satu rasa lagi. Berbagai ayat yang kita baca, berubah-ubah rasa kita. Ini bukan mudah. Soal lafaz lain. Soal rasa pula lain. Sedangkan 10% taqwa itu dari ibadah lahir manakala 90% adalah dari ibadah batiniah yang seperti ini yang ada rasa.

Tidak salah jadi orang kaya tetapi bukan mudah untuk tidak cinta harta dan kekayaan kita itu. Padahal Tuhan benarkan kita jadi kaya, hanya Tuhan tidak benarkan kita mencintai kekayaan kita itu. Mudahkah untuk rasa malu dan rasa tidak layak? Sepatutnya bila dapat jawatan, kita rasa malu dan menangis kerana rasa tidak layak dan takut kita akan lupa diri dan tidak pandai bersyukur. Kerana kita tahu bahawa hakikatnya, jawatan itu dari Tuhan. Tetapi sebaliknya kita rasa bangga dan rasa jadi tuan.

Kalaulah Tuhan hendak jadikan kita baik atau berilmu atau kaya, itu semua hak Tuhan. Tetapi kita dilarang lupa diri dan rasa diri kita baik atau berilmu atau kaya. Sepatutnya kita rasa

malu dan tidak layak untuk semua itu. Katalah orang beri kita sebuah kereta Mercedes. Adakah depan orang yang memberi itu kita akan menunjuk-nunjuk dengan rasa megah, sombong dan seronok? Kalau kita rasa tidak layak, kita akan rasa malu, rendah diri dan tidak tentu arah di depan orang yang memberi itu.

Sebab itulah agama ini mesti bermula dari tadika. Dan hendak mendapat perasaan itu mestilah dari didikan sejak kecil. Bahkan kalau betul-betul hendak dapat taqwa, mesti sejak dalam kandungan ibu lagi. Ibu ayah mesti bertaqwa sebab perangai ibu dan ayah memberi kesan kepada anak dari waktu belum lahir lagi.

Dalam mengusahakan taqwa ini, yang luar kena buat tetapi *priority*nya ialah yang dalam. Jadi mengamalkan amalan Islam dengan tujuan hendak menjadi orang bertaqwa, yang lahir 10% sahaja, yang dalam 90%. Yang luar walaupun hebat, kalau yang dalam tidak ada, kita akan masuk Neraka sekiranya Tuhan tidak ampunkan kita.

Kalau Tuhan hendak menolong kita atas dasar lahiriah, Tuhan akan tolong setakat 10% sahaja. Tetapi atas dasar batiniah, 90%. Tetapi yang kita lihat, dalam hendak membangunkan ekonomi contohnya, soal lahir kita jaga sangat tetapi soal taqwa kita tidak jaga. Kita bermesyuarat dan kita usahakan macam mana hendak cari duit untuk buat modal, macam mana hendak cari dan latih tenaga dan sebagainya. Katalah yang lahir ini kita memang mahir dan bijak tetapi ianya hanya 10% sahaja dari bantuan Tuhan. Sebab di situ bukan *line* orang Islam. Itu *line* untuk orang kafir.

Orang kafir ada skim lain untuk dapat bantuan. Kalau dia usahakan maksimumnya yang lahir, dia akan dapat 90%. Tetapi bagi orang Islam yang lahir Tuhan peruntukkan 10% sahaja. Itu kalau tidak dicabar dan digugat oleh Jepun, Yahudi, Korea, Amerika dan lain-lain. Kalau dicabar, mungkin tinggal 1%

sahaja. Kita ada gelanggang sendiri yang tidak diperolehi oleh orang kafir. Gelanggang orang kafir, kita dapat 10% tetapi gelanggang kita 1% pun orang kafir tidak dapat. Dari gelanggang kita, kita boleh dapat lagi 90% iaitu dengan kita bertaqwa. Kalau kita tahu hal ini, kita boleh cabar orang kafir. Sebab itu apabila Rasulullah berjaya menanam yang luar dan yang batin pada para Sahabat yang asalnya hanya tahu menternak kambing dan tidak tahu membaca, dalam masa 23 tahun sahaja Islam jadi empayar. Kalau Rasulullah ada di waktu ini, mungkin dalam tempoh 3 tahun sahaja, Islam boleh jadi empayar.

Rasulullah mengambil masa tiga belas tahun di Mekah untuk menanam iman dan taqwa di hati para Sahabat. Selama sepuluh tahun kemudian, barulah baginda memulakan pembangunan negara Islam kecil yakni Madinah. Dibangunkan madrasah yang menjadi kilang untuk mengeluarkan para ilmuan yang bertaqwa sebagai penyambung dan pelapis perjuangan. Dibangunkan ekonomi dengan membuka pasar Ansar yang diuruskan oleh Sayidina Abdul Rahman bin Auf. Begitulah perjuangan itu berkembang dan terus membesar hingga akhirnya tiga perempat dunia menyerah diri kepada Islam. Semua itu bertolak dari taqwa.

Itulah cara perjuangan Islam yang dibuat oleh Rasulullah. Dan itulah satu-satunya cara yang benar dan tepat. Kenapa kita tidak mahu mencontohinya? Kenapa kita ada pandangan lain yang menyimpang dari apa yang dibuat oleh Rasulullah?

KESAN BEKERJA DENGAN TAQWA

Bila berniaga kerana hendak untung, kalau rugi, menderita, sedih, hilang semangat dan tidak bermaya. Padahal kalau berniaga ada roh, rugi pun tidak mengapa sebab dapat sifat taqwa. Itu yang utama. Itu pun niat kita asalnya. Mungkin di kedai, Tuhan rugikan kita tetapi Tuhan untungkan kita di tempat

lain. Tuhan kata siapa yang bertaqwa akan dapat rezeki dari sumber yang tidak diduga. Jadi walaupun rugi berniaga, yang penting dalam berniaga ada roh, ada nyawa dan ada penghayatan. Jadi perniagaan yang hidup yang bukan bangkai ialah perniagaan yang ada roh. Bila ada roh atau nyawa kalaupun kita rugi, kita tidak bimbang. Tuhan akan datangkan untung dari sumber yang lain yang tidak diduga.

Syariat yang kita bangunkan itu, dari yang asas hingga yang tambahan, hendak dibagikan roh memang susah. Kalau boleh bagi roh, seronok. Kita bukan hendak fikir untuk dapat untung, tetapi untuk dapat taqwa. Kalau dapat taqwa, rugi pun tidak mengapa. Di sini kita berkerja dengan jiwa yang hidup. Kita tidak akan bimbang, takut atau jemu. Kita tidak rasa rugi atau susah hati. Kita akan rasa seronok dan terhibur sebab dapat taqwa. Taqwa ini untung yang besar yang hendak kita bawa sebagai bekalan di Akhirat.

Kalau kita bekerja, walaupun ia memenuhi syariat, tetapi diniatkan untuk dapat dunia, sama ada untuk dapat untung, puji-pujian, glamour, pangkat atau lain-lain, maka kita telah membunuh roh amalan kita. Kita tidak lagi bekerja untuk Tuhan atau untuk mendapat taqwa. Bila rugi, kita kecewa. Bila banyak cabaran, kita cemas, letih dan mudah marah. Tetapi kalau kita niatkan untuk mendapat taqwa, kita akan sedar bahawa di atas keletihan, kesusahan dan rasa cemas itulah kita akan dapat taqwa. Kita akan terhibur. Yang letih itu hanya fizikal kita. Roh kita sentiasa hidup dan sentiasa gembira.

Sebab itu bagi para Sahabat, berjuang dan berdakwah itu satu hiburan walaupun susah. Kadang-kadang sepuluh atau dua puluh tahun bermusafir, baru balik. Belanja usaha sendiri. Naik unta atau kadang-kadang berjalan kaki dari satu kota ke kota lain. Dari satu negeri ke negeri lain. Tinggal isteri dan keluarga. Ada yang keluar berjuang ketika isteri sedang mengandung. Bila balik, anak sudah muda remaja hingga dia pun tidak kenal.

Sekarang kita senang berdakwah. Dewan cantik, kerusi

cantik, kenderaan cantik dan jalan cantik. Dulu mana ada dewan. Kalau tengok orang sedang perah susu kambing, dia didatangi. Orang berjalan dipanggil. Diceritakan tentang agama dan tentang Tuhan. Memang susah. Tetapi seronok sebab jiwa hidup. Orang dulu terhibur sebab akan dapat sifat taqwa. Kalau sekarang tidak larat. Sekarang berdakwah kerana hendak nama, hendak duit dan glamour. Kalau orang kritik atau yang datang mendengar tidak ramai, maka tidak seronok. Jadi lemah dan hilang semangat. Kadang-kadang marah. Kali kedua tidak datang lagi. Hati berkata, *"Tidak ramai orang datang, tidak cukup orang hendak puji aku, buat apa datang."*

Tetapi kalau kita fikir hendak tambah sifat taqwa, kita akan terhibur untuk sampaikan ajaran Tuhan walaupun yang mendengar hanya bilangan jari sebab kita tetap akan dapat menambah taqwa. Malahan lebih mudah untuk kita menjaga hati supaya tidak rosak dan merasa bangga. Tetapi bila fikir hendak duit, fikir hendak nama, hilang semangat. Ertinya dakwah dan jihad yang dibuat adalah dakwah dan jihad bangkai. Jadi faktor taqwa adalah faktor dalaman.

Betullah kata Tuhan melalui Hadis Rasulullah SAW:

إن الله تعالى لا ينظر إلى صوركم ولا إلى أموالكم ولكن ينظر إلى قلوبكم وأعمالكم.

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak melihat lahir kamu tetapi Tuhan melihat hati kamu dan amalan kamu."

Lahir hanya 10%, itu pun kalau dibuat dengan sempurna. Kalau tidak sempurna, mungkin dapat dua tiga peratus sahaja. Tuhan pandang roh ibadah. Sebab itu dalam ajaran Islam ini, diam pun ibadah, tetapi mesti ada roh. Diam yang tidak ada roh, tidak ada rasa bertuhan, tidak ada rasa hamba, itu diam yang sia-sia.

Kalau nampak diam tetapi ada roh, iaitu kita sedang fikir

tentang dosa, kita fikirkan kuliah, kita fikirkan kebaikan apa lagi yang hendak dibuat untuk dapat menambah sifat taqwa, maka diam itu diam taqwa. Paling tidak kita niat, aku diamlah sebab cakap banyak nanti banyak salah. Banyak salah banyak dosa. Sebab ada faktor dalaman, maka ada roh. Maka diam itu jadi amalan taqwa. Indahnya hidup dengan Tuhan.

Kalau roh ibadah ini dapat diterapkan, gagal pun tidak apa, tetap seronok dan indah. Sebab kejayaan bukan matlamat. Matlamatnya adalah untuk menambah sifat taqwa. Kalau kita fikir hendak untung atau hendak orang terima kita, kalau tidak untung dan orang tidak terima kita maka kita hilang semangat. Kalau kita fikir hendak menambah sifat taqwa, apa jadi pun tidak ada masalah. Kita tetap rasa puas. Di situ ada kemanisan dan keindahan.

ROH AMAL

Islam itu ada lahir, ada batin. Ada jasad, ada roh. Ada rangka, ada nyawa. Islam itu ada kulit dan ada isi. Batin Islam atau roh Islam atau nyawa Islam atau intipati Islam itulah yang dikatakan *rohul amal*. Iaitu roh dalam kita bekerja, roh dalam kita bertindak atau roh dalam kita melaksanakan sesuatu, sama ada dalam bidang ibadah, ekonomi, pembangunan, pertanian, kesihatan dan lain-lain.

Roh amal inilah yang hendak kita jaga sungguh-sungguh kerana ia merupakan nyawa bagi amalan kita di samping kita tidak pula menafikan amalan atau syariat lahir. Roh amal inilah tempat jatuh pandangan Allah kerana ia merupakan intipati amal. Itulah perkara yang Allah nilai. Allah tidak pandang amalan lahir kita kalau rohnya tidak ada. Justeru itu, kita beribadah mesti ada roh. Berdakwah dan berjihad, mesti ada roh. Begitu juga bermusafir, bergaul, berdoa, berzikir, berekonomi, bertani dan sebagainya mesti ada roh.

Amalan yang tidak ada roh samalah seperti manusia yang tidak ada nyawa. Ertinya sudah dianggap bangkai. Ratu cantik sekalipun, kalau sudah tidak bernyawa, dia tidak dikagumi atau diminati lagi.

MENGHADIRKAN ROH DALAM AMALAN

Hendak wujudkan, hendak lahirkan dan hendak hadirkan roh dalam aktiviti kita, usaha kita, tindak-tanduk kita dan dalam aspek apa sahaja, itu yang susah. Kadang-kadang kita ingat, tetapi diganggu. Akhirnya bila berniaga, nampak untung dan nampak duit sahaja. Lebih-lebih lagi bila dapat untung banyak, kita lupa hendak menghadirkan roh. Duit sahaja yang kita nampak. Begitu juga dengan usaha dan aktiviti kita yang lain. Sebab itu kalau ada orang buka kedai, jangan tanya dapat untung atau tidak hari ini. Tanyakan, *"Agak-agak hari ini dapat taqwa atau tidak? Mudah-mudahan dapatlah."* Atau tanyakan, *"Apa rasa awak dalam berniaga hari ini?"* Kalau dia kata seronok sebab dapat banyak untung, dia sudah salah maksud dan niat. Kita kena betulkan.

Tanyakan juga, *"Awak gembira atau tidak melayan orang? Kalau orang hendak berhutang, awak rasa bangga atau tidak dapat beri hutang seolah-olah rasa sudah menyelamatkan orang."*

Kalau dia jawab ya, katakan, *"Alhamdulillah, moga-moga awak selamat. Jaga selalu untung yang bersifat taqwa ini."*

Sebab itu selepas sembahyang, selepas buat baik, kita disuruh istighfar? Mengapa? Kalau selepas buat jahat kita disuruh istighfar lojiklah. Kenapa pula kita disuruh istighfar selepas membuat kerja baik? Sebab takut-takut kita tidak dapat taqwa dalam sembahyang atau dalam amalan baik yang kita lakukan itu. Takut-takut dalam amalan kita itu tidak ada rohnya dan Tuhan tidak pandang.

Mengapa pula selepas berdakwah, selepas mengajar, selepas

berniaga, kita tidak istighfar? Mengapa selepas berniaga kita tidak menung sekejap. Patutnya balik sahaja dari berniaga kena menungkan apa yang telah kita buat dan bertaubat. Sebab mungkin berniaga kita tidak ada roh. Hanya dapat bangkai sahaja. Patutnya di situlah kita minta ampun sebab mungkin ada orang yang telah kita zalimi, yang telah kita sakiti, yang tidak senang dan yang sakit hati dengan kita semasa kita berniaga dan berurusan dengan pelanggan. Mengapa balik berniaga tidak minta ampun kepada Tuhan?

Kalau kita boleh buat seperti ini, Tuhan akan selamatkan kita. Sifat taqwa akan bertambah. Untung di dunia lagi Tuhan akan bagi. Memang sifat taqwa itu untuk Akhirat, tetapi taqwa juga memberi kita untung dunia untuk keperluan di dunia.

Perniagaan kapitalis, mengutamakan duit. Dari duit dapat duit. Modal duit untung pun duit. Perniagaan Islam mengutamakan taqwa. Dari taqwa dapat taqwa. Taqwa lebih besar daripada duit. Ia membawa kebahagiaan dunia Akhirat. Ia selamat dan menyelamatkan. Tetapi janganlah pula sampai disiplin syariat itu diabaikan.

SAJAK 2

Sifat Taqwa

Engkau bersembahyang
tidak semestinya engkau sembahyang
Kalau bukan sembahyang
ertinya bukanlah ibadah namanya
Lahir adalah rangka, khusyuk adalah roh atau jiwanya
Tidak khusyuk, ibadah bangkai namanya
Kalau ibadah bangkai apakah Tuhan terima?
Engkau bekerja apakah hendak menambah taqwa?
Atau engkau bekerja hanya semata-mata menambah gaji
Kalau semata-mata jadi gaji akhirnya jadi najis

atau jadi barang yang buruk
Sifat taqwa itu adalah di atas kerja dan usaha
Untung dunia ia terjadi dengan sendiri
Selama-lama kerja dan usaha memang ada hasilnya
Kalau ia dibagi roh atau jiwa alangkah baiknya ia menghasilkan sifat taqwa
Itulah bekalan ke Akhirat sana
Untung di dunia memang terjadi dengan sendiri di atas kerja dan usaha
Rohnya itu adalah kerana keredhaan Allah
Jiwanya itu adalah kerana niat berkhidmat kepada manusia
Kerana memudahkan manusia, membantu manusia di dalam kehidupannya
Menolong memudahkan kehidupan mereka
Dengan adanya usaha-usaha dan kerja-kerja kita itu
Kalau niatnya betul dapat pahala
Itulah taqwa namanya
Apakah kita berusaha dan bekerja ada niat kerana Allah dan untuk berkhidmat kepada hamba-hamba-Nya
Apakah kita berusaha dan bekerja semata-mata kerana hendak hidup semata-mata?
Di sana ada gaji atau upah atau ada hasil yang kita perolehi?
Hasil dari usaha tidak payah diniatkan, ia biasanya terjadi
Tapi apakah di dalam usaha itu ada niat yang murni seperti yang diceritakan tadi?
Niat yang murni itulah yang dikatakan sifat taqwa
Alangkah untungnya kalau kita bekerja dan berusaha mendapat dua pahala
Pahala dunia itulah hasil usaha yang kita rasa di dunia lagi
Pahala Akhirat kerana pada usaha dan kerja itu ada niat kerana Allah
Dan berkhidmat kepada manusia
Niat yang betul itulah roh amal, roh usaha, roh kerja, roh ibadah
Itulah dia sifat taqwa untuk bekalan ke Akhirat

5

Syarat-Syarat Taqwa

- *Perbezaan Antara Syarat dan Rukun*
- *Lapan Syarat Taqwa*
  1. *Dapat Petunjuk dari Allah (Hidayah)*
  2. *Faham Tentang Islam*
  3. *Yakin*
  4. *Melaksanakan*
  5. *Mujahadah*
  6. *Istiqamah Beramal*
  7. *Ada Pemimpin yang Memimpin (Mursyid)*
  8. *Berdoa kepada Allah*

PERBEZAAN ANTARA SYARAT DAN RUKUN

Untuk mencapai taqwa ada syarat-syaratnya. Syarat itu berbeza dengan rukun. Syarat itu lain, rukun itu lain pula. Syarat itu di luar tetapi rukun itu di dalam. Seperti juga dalam solat atau sembahyang, tutup aurat itu syarat bagi sembahyang. Ia di luar. Membaca surah Al Fatihah itu pula adalah rukun sembahyang. Ia di dalam sembahyang. Kalau dikatakan rukun, maka ia berada di dalam amalan. Kalau syarat, ia berada di luar amalan.

Di dalam bab ini, kita akan memperkatakan tentang syarat-syarat taqwa. Di dalam bab yang seterusnya pula, kita akan bincang tentang rukun-rukun taqwa. Rukun itu adalah tiang di mana tertegaknya taqwa. Syarat pula adalah perkara-perkara yang perlu ada dan mesti diberi perhatian supaya jalan untuk mencapai taqwa itu menjadi mudah.

Kita kenalah berusaha bersungguh-sungguh dalam hidup ini untuk memiliki sifat taqwa dan untuk menjadi orang yang bertaqwa. Lebih-lebih lagilah bagi mereka yang bercita-cita untuk membangunkan Islam dan memperjuangkan Islam, mereka perlu berusaha menjadikan diri mereka orang yang bertaqwa. Orang Islam yang ada cita-cita perjuangan mesti terlebih dahulu membaiki diri mereka sebelum membaiki orang lain dan masyarakat. Untuk itu mereka mesti faham bagaimana hendak membaiki diri mereka sendiri dan bagaimana mahu membaiki masyarakat. Untuk membaiki diri agar menjadi orang

yang soleh atau orang yang bertaqwa, ada lapan syarat yang perlu ditempuhi. Ia dinamakan lapan syarat taqwa.

LAPAN SYARAT TAQWA

Syarat-syarat itu adalah seperti berikut:

1. Dapat petunjuk dari Allah (hidayah)
2. Faham tentang Islam
3. Yakin
4. Melaksanakan
5. Mujahadah
6. Istiqamah beramal
7. Ada pemimpin yang memimpin (mursyid)
8. Berdoa kepada Allah

1. Dapat Petunjuk Dari Allah (Hidayah)

Di sinilah titik tolak atau modal utama ke arah taqwa iaitu mendapat petunjuk atau hidayah. Hidayah datang dari Allah. Allah beri hidayah kepada seseorang itu dengan cara mengetuk pintu hatinya. Bila seseorang itu mendapat hidayah, dia senang dengan Islam, sayang dengan Islam, suka dengan Islam, seronok, minat, terhibur dengan Islam dan terbuka hatinya untuk Islam. Sebut saja Islam, dia terasa indah dan seronok. Dia rasa terhibur walaupun dia tidak tahu apa itu Islam. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Barangsiapa yang Allah kehendaki untuk diberi-Nya petunjuk, maka dilapangkan hatinya untuk menerima Islam." (Al An'am: 125)

Jadi kalau seseorang itu Allah beri hidayah dan Allah buka pintu hatinya hingga dia sayang, suka, minat, terhibur dan seronok dengan Islam, maka ini adalah anak kunci yang pertama

untuk dia bertindak membaiki diri. Tetapi kalau hati sudah tertutup, hidayah tidak dapat, maka rasa senang hati dan suka dengan Islam tidak ada. Walaupun seseorang itu pakar dalam Islam, hafaz Al Quran, hafaz ribuan Hadis sekalipun namun tanpa hidayah, dia tidak akan mahu membaiki diri. Dorongan untuk membaiki diri tidak ada. Minat tidak ada. Hati tidak terbuka ke arah itu. Rasa minat, cinta dan suka pada Islam, itulah dorongan untuk beramal dan memperbaiki diri. Ibarat orang yang cinta dengan isteri, apa saja kehendak isterinya akan dituruti dan dia rela bersusah payah dan berkorban habis-habisan untuk isterinya hatta nyawanya sekalipun.

Pentingnya Hidayah

Hidayah adalah satu perkara yang sangat berharga kerana dari situlah titik tolak seseorang yang tidak Islam itu masuk Islam. Kemudian dari situ terus dia berusaha untuk mendapatkan ilmu dan iman serta lain-lain lagi yang ada di dalam ajaran Islam. Untuk seseorang yang memang sudah Islam, akan terbukalah pintu hatinya untuk serius dengan Islam dan berusaha mempelajari ilmu Islam dari sumber Al Quran dan Hadis serta mengamalkannya. Seseorang yang tidak Islam kalau belum mendapat hidayah ertinya hatinya belum terbuka untuk menerima Islam atau masuk agama Islam. Begitu jugalah seseorang yang berketurunan Islam, jika hidayah belum dapat ertinya hatinya tidak akan terbuka untuk serius dengan Islam, untuk mengamalkan Islam dan memperjuangkannya. Setelah berusaha mempelajari dan setelah hati terbuka untuk beramal maka selepas itu mungkin akan mendapat taufiq dari Allah Taala.

Taufiq ertinya apa yang diamalkan itu tepat atau berbetulan dengan kehendak Allah Taala. Maka sempurnalah Islam seseorang itu kerana seluruh amalannya telah bergabung di situ di antara hidayah dengan taufiq. Namun mendapat taufiq pun belum tentu selamat. Walaupun lahiriah dan maknawiyahnya

sudah betul tetapi zahiriah dan batiniahnya mungkin belum selesai. Apa yang tersembunyi dalam hati mungkin tidak sama dengan apa yang dizahirkan. Amalan zahir nampak hebat tetapi mungkin dicelahi dengan riyak, ujub, hasad dengki dan sebagainya yang merosakkan amalan. Kalau soal batiniah tidak dijaga, orang yang mendapat taufiq pun boleh terkandas. Inikan pula baru setakat mendapat hidayah. Tanpa tasawuf, ramai yang tertipu dengan ibadah mereka.

Soal ada kemahuan untuk membuat kebaikan dan mendapat ilmu (hidayah), itu soal lahiriah. Untuk beramal, sama ada untuk berbuat ibadah atau meninggalkan maksiat, itu juga soal lahiriah. Kalaupun ilmu dan amal soleh sudah selari dan amalan tepat atau berbetulan dengan kehendak Allah (taufiq), itu pun masih soal lahiriah. Soal batin atau tasawuf belum diambil kira. Sedangkan amalan yang diterima Tuhan itu mesti cukup syarat lahir dan batinnya.

Walau bagaimanapun setakat hidayah itu pun sudah merupakan satu anugerah yang sangat berharga dari Allah Taala yang Maha Pemurah, kerana dari hidayahlah pintu hati terbuka untuk menjadi seorang Islam atau bagi seorang Islam pula, terbuka hatinya untuk mempelajari dan mengamalkan ajaran Islam. Oleh kerana hidayah adalah satu benda yang berharga, tidak semua orang boleh mendapatnya atau memperolehinya.

Sebab-Sebab Seseorang Itu Mendapat Hidayah

Walau bagaimanapun untuk mendapat hidayah ada bermacam-macam sebab atau ada berbagai-bagai cara yang di antara satu sama lain tidak sama. Di antara sebab seseorang itu mendapat hidayah adalah seperti berikut:

1. Dia lahir di dalam keluarga yang beragama, maka dia mendapat didikan secara langsung dan praktikal daripada suasana berkeluarga. Orang ini agak bernasib baik.

2. Dia yang lahir-lahir sahaja Allah telah bekalkan kesedaran dan petunjuk. Dari kecil lagi sudah suka kepada kebaikan dan kebenaran. Dia terus mencari dan mengamalkan. Orang seperti ini amat sedikit. Ini adalah pemberian Allah secara *wahbiah* (secara anugerah).

3. Orang yang di dalam perjalanan hidupnya terjumpa golongan atau kelompok yang beragama Islam dan mengamalkan syariat. Manakala dilihat kehidupan mereka begitu baik dan bahagia lantas mengikut golongan itu.

4. Orang yang sentiasa mencari-cari kebenaran, mereka sentiasa membaca, mengkaji, memperbandingkan serta melihat-lihat berbagai golongan dari berbagai-bagai agama dan ideologi serta bergaul dengan golongan-golongan itu maka akhirnya mereka bertemu dengan kebenaran.

5. Orang yang mendapat pendidikan Islam, mendengar ceramah agama, ikut kursus agama, menghadiri majlis-majlis agama maka dia mendapat petunjuk dari mengaji dan mendengar itu.

6. Orang yang diuji oleh Allah, mungkin selepas kaya jatuh miskin, atau mendapat sakit teruk, atau ditimpa bencana alam dan lain-lain lagi maka di situ dia sedar dan insaf. Lantaran itu dia kembali mendekati diri kepada Allah SWT.

7. Orang yang mendapat kebenaran, kerana Allah mengizinkannya mengalami alam kerohanian seperti melihat di dalam mimpi alam Barzakh, melihat orang kena azab atau dia sendiri yang kena azab atau melihat gambaran Qiamat atau Allah perlihatkan kepadanya pokok sujud, pokok bertasbih dan lain-lain kejadian yang ajaib. Selepas itu dia pun kembali kepada kebenaran.

8. Orang yang sedar setelah melihat ada golongan atau keluarga yang kehidupan dunianya begitu hebat, rumah besar, kaya-raya, kenderaan yang mewah, harta banyak tetapi

kehidupan keluarga itu sentiasa porak-peranda, krisis sering berlaku, kasih sayang dan ukhwah tidak ada, masing-masing membawa haluan sendiri maka dari peristiwa itu dia sedar dan insaf bahawa kemewahan hidup tidak menjamin kebahagiaan di dunia apatah lagi di Akhirat kelak.

9. Orang yang dia sendiri mengalami kehidupan mewah, serba ada, apa hendak semua dapat, pangkat ada, duit banyak, namun kebahagiaan tidak dirasai, kehidupan keluarga porak-peranda lantas dia insaf dan sedar dan akhirnya mencari jalan kebenaran.
10. Orang yang dapat petunjuk kerana ada orang yang soleh atau orang yang bertaqwa mendoakannya, lantas doa itu dikabulkan oleh Allah, maka Islamlah dia sepertimana Sayidina Umar Al Khattab dapat petunjuk kerana doa Rasulullah SAW.

Hidayah Kenalah Dijaga

Hidayah merupakan intan berlian maknawi dan rohani. Ia sangat berharga. Sesiapa yang memilikinya dianggap orang kaya dan mulia. Dia dianggap orang kaya Tuhan. Dia telah mendapat banyak kebaikan.

Tetapi, perlu diingat, hidayah seperti juga barang berharga yang lain, ia boleh hilang. Oleh itu, ia kenalah dijaga dengan sebaik-baiknya. Barang yang hilang selalunya sukar untuk diperolehi semula. Ada doa yang Allah SWT ajar kepada kita di dalam Al Quran:

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً إِنَّكَ
أَنتَ الْوَهَّابُ ●

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau gelincirkan hati-hati kami selepas Engkau memberi kami petunjuk dan kurniakan kami dari sisi-Mu akan rahmat.

Sesungguhnya Engkau adalah Maha Pemberi." (Ali Imran: 8)

Bagaimana Menjaga Hidayah Agar Ia Kekal

1. Kita syukuri akan nikmat hidayah itu. Kita rasakan bahawa ia nikmat dan pemberian yang tidak ternilai.
2. Kita istiqamah mengamalkan syariat dengan tekun serta penuh rasa bimbang kalau-kalau Allah tarik semula hidayah yang telah kita peroleh itu.
3. Kenalah mujahadah selalu dengan penuh sabar terutama di waktu-waktu terasa malas hendak beribadah dan terasa ringan hendak berbuat maksiat.
4. Selalu bergaul dengan kawan-kawan yang baik. Ini sangat membantu kita menjaga syariat dan terasa kuat dengan kawan.
5. Kalau kita ada pemimpin, jangan terlepas dari pimpinannya. Pemimpin sentiasa memberi nasihat, tunjuk ajar dan ilmu.

Sebab-Sebab Hidayah Ditarik Semula

1. Kita derhaka dengan guru yang pernah mengajar kita dan kita lari dari pimpinannya.
2. Derhaka dengan kedua ibu bapa dan kita sia-siakan mereka. Kita biarkan kehidupan mereka tidak terurus dan terjaga. Lebih-lebih lagi kalau mereka marah atau rasa tidak senang dengan kita.
3. Bila jiwa kita terpengaruh dengan dunia. Dengan ibadah sudah tidak seronok dan sudah mula terasa berat. Dengan halal haram sudah tidak diambil kira. Rasa takut dengan Tuhan semakin hilang.
4. Menzalimi orang. Dengan sebab menzalimi orang, rasa takut dengan Tuhan sedikit demi sedikit dicabut. Kemudian jadi

cuai dan malas beribadah. Begitulah seterusnya hingga hanyut dalam maksiat.

5. Mula bergaul bebas dengan orang-orang yang tidak menjaga syariat. Kemudian rasa seronok dengan kebebasan itu. Rasa sedap, terlajak dan terus hanyut dalam maksiat dan kemungkaran.

Apabila hidayah ditarik semula, hidup akan terumbang-ambing. Tidak ada disiplin, tidak istiqamah, malas beramal, jinak dan ringan dengan maksiat, jiwa derita dan sengsara walaupun kaya dan berharta.

2. Faham Tentang Islam

Faham tentang Islam bukan bererti diberitahu tentang Islam atau diajar tentang Islam. Faham tentang Islam bukan bererti setakat ada ilmu tentang Islam. Ramai orang ada ilmu Islam tetapi tidak faham Islam. Tahu dan faham adalah dua keadaan yang berbeza. Faham itu merangkumi semua aspek. Faham zahir dan batinnya, rohnya, yang tersurat dan tersirat. Inilah yang dimaksudkan oleh sabda Rasulullah SAW:

> *Maksudnya: "Barangsiapa yang Allah hendak jadikan dia orang baik, maka dia akan diberi faham tentang agama."*

Rasulullah SAW tidak menyebut, *"Barangsiapa yang Allah hendak jadikan dia orang baik, maka dia akan diajar tentang agama,"* Rasulullah tidak berkata, *"Dia akan diberitahu tentang agama."* Rasulullah juga tidak berkata, *"Dia akan diberi ilmu tentang agama,"* Tetapi Rasullullah berkata, *'"Dia akan diberi faham tentang agama."* Sebab tidak semestinya seseorang itu akan faham bila dia diajar. Tidak semestinya bila dia diberitahu, dia akan faham, akan menghayati serta akan menjiwainya. Tetapi bila dikatakan *'diberi faham tentang agama'* maknanya dari otak hinggalah ke hati akan menjadi satu keyakinan dan

akhirnya dijiwai dan dihayati. Sudah semestinya kalau hendak faham kena ada ilmunya. Kita kena cari ilmu. Tetapi belum tentu kalau kita ada ilmunya, kita akan faham. Faham itu hikmahnya. Faham itu ialah ilmu dalam ilmu.

Kalau begitu, sekiranya sekadar diajar atau diberitahu tentang Islam, tidak ada jaminan seseorang itu akan menjadi baik. Tetapi kalau *'diberi faham'*, itulah tanda seseorang itu akan membuat perubahan. Sebab bila dikatakan *'diberi faham'*, ia akan jatuh ke hati. Tetapi kalau hanya 'diberitahu' atau 'diajar', itu setakat di akal sahaja. Akhirnya, jadi *mental exercise*. Pintar dan lancar dia memperkatakan tentang Islam tetapi hanya berputar di akal tidak di hati. Bila ilmu bertapak di akal, syarahannya hebat, boleh menulis dan sebagainya. Tetapi kalau ia tidak bertapak di hati, ia bukan menjadi keyakinan hidupnya. Ertinya dia tidak menghayati ilmunya. Kalau begitu ilmu yang ada di otaknya tidak mendorong dia untuk membaiki diri. Tidak mendorong dia untuk memperjuangkannya. Tidak mendorong dia untuk menggunakan ilmunya itu untuk menuntun hidupnya. Tetapi kalau ilmu itu sampai ke hati barulah ia akan berkesan pada dirinya.

Sebab itulah orang alim ramai tetapi orang *faqih* (orang yang faham) sedikit. Yang diajar dan diberitahu tentang ilmu Islam itu banyak tetapi yang menjiwai Islam itu tidak banyak. Seseorang yang sekadar diberitahu atau diajar tentang Islam, belum tentu akan terdorong untuk membaiki diri. Akalnya terisi dengan ilmu Islam, tetapi kalau ilmu itu tidak bertapak dalam hati, dorongan untuk membaiki diri dan mengamalkan ilmu tidak ada. Manakala kalau ilmu disertai kefahaman, bermakna seseorang itu tahu dari hati dan jiwa, bukan sekadar dengan akal sahaja. Ini akan mendorongnya membaiki diri. Namun perlu diingat, kalau hati saja terbuka untuk menerima Islam, tetapi ilmunya tidak ada maka seseorang itu tidak akan boleh berbuat. Kalau kita seronok sahaja beramal tetapi malas hendak menuntut ilmu, maka banyaklah kesalahan yang akan kita buat.

Amalan yang tidak disuluh dengan ilmu maka akan tertolak terus amalan itu. Beramal tanpa ilmu tidak sah dan ianya tertolak.

Jadi kefahaman tentang Islam ini perlu ada. Islam mesti difahami secara syumul, secara lengkap, bukannya secara serpihan. Islam yang difahami mesti meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Islam mesti difahami sebagai cara hidup, sebagai '*ad-deen*'. Atau dengan kata-kata lain, Islam mesti difahami sebagai agama aqidah, sebagai ajaran ibadah, dakwah, ukhwah, jihad, jemaah, *amrun bil makruf wanahyun 'anil mungkar*, tarbiah, pendidikan, ekonomi, daulah Islamiah, hal antarabangsa hinggalah kepada hal-hal yang menjangkau alam sejagat. Untuk faham pula mesti ada jalan, ada usaha dan ada caranya. Bukan boleh faham begitu-begitu saja. Mesti melahirkan sebabnya seperti belajar, membaca, mentelaah, muzakarah, bertanya dan sebagainya. Jadi, suka, minat atau lapang dada menerima Islam saja tidak cukup. Mesti disertai dengan kefahaman, kemudian kena berbuat dan bertindak berdasarkan kefahaman itu.

Kalau sesuatu amalan itu dibuat atas dasar tahu saja tanpa disertai dengan kefahaman, jadilah amalan itu lahirnya betul tetapi batinnya rosak. Misalnya, dia tahu cara hendak sembahyang dan akan bersembahyang tetapi roh sembahyang tidak ada. Bila roh sembahyang tidak ada, hakikatnya dia belum bersembahyang. Begitu juga bagi orang yang sekadar tahu ilmu berjuang dan boleh berjuang. Lahirnya saja bagus, tetapi hatinya akan rosak. Roh berjuang tidak ada. Manakala kalau diberi ilmu puasa sahaja dan dia pun boleh berpuasa tetapi yang berpuasa hanya tangannya, mulutnya, matanya dan perutnya sedangkan rohnya, hatinya dan nafsunya tidak berpuasa. Sebab mengetahui itu hanya terhadap benda-benda lahir yang dapat dinilai oleh mata kepala. Tetapi 'faham' itu lebih mendalam iaitu hati atau rohani sama-sama merasa, bukan akal sahaja yang mengetahui.

Begitu juga, tidak cukup membangunkan Islam dengan cara semangat-semangat, slogan-slogan, terpekik sana, terpekik sini, demonstrasi sana, demonstrasi sini, kutuk orang itu dan kutuk orang ini. Itu bukan faham namanya. Usahkan faham, kadang-kadang ilmu pun belum ada. Ini lagi rosak. Konon-kononnya berani tetapi berani macam lembu. Lembu kalau berani, tembok pun ditanduknya. Sepatutnya lembu tanduk manusia sebab setiap hari manusialah yang memperhambakannya. Ini tidak, tanduk yang tajam itu digunakan untuk tanduk tembok atau tanduk pokok kayu. Beranikah itu namanya? Memanglah berani tetapi berani melulu. Berani bodoh.

Begitulah juga umat Islam. Bukannya tidak berani. Orang ada senjata automatik, kereta perisai dan kereta kebal tetapi dia main baling batu sahaja di tengah jalan. Semua orang mengakui yang itu berani. Tetapi berani macam lembu. Umpama air bah, kalau tidak ada saluran yang betul, habis semua benda dilanyaknya. Pohon kelapa orang, kebun orang, rumah orang dan sebagainya habis ranap dibuatnya. Tetapi kalau ada saluran dan sistem perparitan yang betul, air bah itu dapat dikawal dan dialirkan ke sungai. Bahkan di parit, boleh tangkap ikan dan main sampan. Jangan berani melulu macam air bah. Paling tidak biar berani atas dasar ilmu. Tetapi yang paling baik, berani atas dasar faham. Kalau tidak faham, kena tanya, kena belajar, kena muzakarah, kena berbincang, kena banyak mentelaah dan lain-lain.

3. Yakin

Apa saja ilmu yang kita ketahui dan fahami perlu kita yakini terutamanya dalam soal-soal aqidah, keyakinan kepada Allah, kepada Rasul, kepada malaikat dan sebagainya. Keyakinan itu mesti kental, jangan dicelahi oleh syak, waham atau zan. Jangan jadikan ilmu Islam itu macam ilmu-ilmu sekular yang lain. Umpamanya sewaktu kita belajar ilmu ideologi, ilmu ekonomi,

ilmu politik dan ilmu alam, kadang-kadang hati kita berkata, *"Ya ke? Betul ke?"*

Sudah belajar ilmu ekonomi tetapi hati kecil pula berkata, *"Eh, kalau aku buat ini, boleh dapat untungkah?"*

Ada rasa was-was. Ilmu di luar Islam boleh begitu. Kalau kita belajar tentang ideologi, belajar teori politik, teori ekonomi dan sebagainya sehingga pandai dan pakar serta boleh mensyarahkannya tetapi kita ada rasa ragu, ada syak, waham, zan atau ada rasa tanda tanya, ini tidak salah. Tetapi terhadap ilmu Islam, tidak boleh begitu. Terutamanya yang ada hubungan dengan aqidah. Tidak boleh ada syak, ragu, zan atau waham. Kita mesti yakin. Kita kena amalkan ilmu Islam atas dasar yakin.

Kita mesti yakin dengan janji-janji Allah SWT. Kita mesti yakin dengan hidup di Akhirat. Dengan balasan Syurga kalau kita ikut perintah Tuhan dan balasan Neraka kalau kita ingkar dengan perintah-Nya.

Keyakinanlah yang mendorong umat Islam teguh, kuat keazaman dan bercita-cita tinggi. Keyakinanlah yang mendorong umat Islam berkorban habis-habisan demi kemuliaan diri dan kemuliaan Islam. Keyakinan jugalah yang meneguhkan dan menguatkan jihad dan perjuangan. Kerana berjuang ertinya berkorban. Berkorban ertinya terkorban. Dalam perjuangan, pasti ada sesuatu pada diri kita yang terpaksa kita korbankan.

Teguh keyakinan menjadikan umat Islam seronok dan terhibur dengan perjuangan dan pengorbanan, dengan kesusahan dan ujian yang menimpa. Lemah keyakinan akan menjadikan umat Islam rasa terseksa dan putus asa apabila ditimpa ujian dan kesukaran. Dia akan cepat-cepat mundur dan menyerah kalah.

4. Melaksanakan

Setelah kita mengetahui, faham dan yakin dengan ilmu-ilmu

Islam, kita mesti bertindak dan mengamalkannya. Perintah suruh iaitu yang fardhu dan sunat mesti dilaksanakan. Perintah larang iaitu yang haram dan makruh mesti ditinggalkan. Perintah suruh itu ada yang fardhu ain, ada yang fardhu kifayah. Manakala yang sunat kita laksanakan sejauh yang termampu. Kalau boleh, yang harus pun dijadikan ibadah dengan menempuh lima syarat iaitu niatnya betul, pelaksanaannya betul, natijahnya betul, tidak bercanggah dengan syariat dan amalan-amalan fardhu ain yang asas seperti sembahyang, puasa tidak ditinggalkan. Buah ilmu itu adalah amalannya. Sekiranya ilmu itu tidak diamalkan, jadilah ia ilmu yang tidak berbuah. Pepatah Arab ada berkata:

Maksudnya: "Ilmu yang tidak diamalkan macam pokok yang tidak berbuah."

Orang yang tidak menanam pokok durian sudah tentu tidak dapat makan buah durian. Orang yang ada pokok durian tetapi waktu musim buah, pokok duriannya tidak berbuah, maka senasiblah dia dengan orang yang tidak memiliki pokok durian. Orang yang tidak ada pokok durian dan tidak dapat makan buah durian, itu munasabah. Orang yang ada pokok durian tetapi tidak dapat makan buah durian kerana pokoknya tidak berbuah, ini malang. Bahkan dalam Matan Zubat ada menyebut:

Maksudnya: "Orang yang berilmu tetapi tidak beramal akan masuk ke dalam Neraka 500 tahun lebih dahulu daripada penyembah berhala."

Oleh itu jangan jadikan ilmu Islam sebagai *mental exercise* atau riadhah akal sahaja. Kalau kita belajar ilmu ekonomi misalnya, tidak berniaga pun tidak mengapa. Kita belajar ilmu politik tetapi tidak berpolitik pun tidak mengapa. Tetapi ilmu Islam mesti dilaksanakan.

Jadikanlah ilmu yang ada pada kita itu, yang telah kita faham itu sebagai panduan hidup dalam semua hal. Dalam menegakkan akhlak, dalam menegakkan masyarakat, dalam berjuang,

dalam membangunkan jemaah, dalam berumah tangga, dalam ekonomi, dalam pendidikan, dalam mencari rezeki dan sebagainya. Biar ia benar-benar menjadi panduan hidup kita agar semua tindak-tanduk kita jadi ibadah dan diterima oleh Allah serta diberi-Nya pahala.

Ilmu Islam adalah untuk diamal. Bukan untuk diteorikan, dislogan, diforum, diseminar dan di*rhetorik*kan dan kemudian balik hidup seperti biasa. Ini yang banyak berlaku dalam masyarakat kita. Tidak ada gunanya ilmu Islam itu seronok dibincang, dipuji-puji ketinggiannya, ketepatannya dan kesahihannya kalau ianya tidak jadi panduan dan amalan hidup. Yang memajukan diri dan agama itu bukan pada percakapannya tetapi pada perlaksanaannya. Majunya umat Islam ialah setakat mana dia berjaya mengamalkan agamanya.

5. Mujahadah

Walaupun hati sudah terbuka, rindu dan suka dengan Islam, sudah faham Islam dan yakin pula dengan apa yang difahami itu, tetapi bila hendak bertindak dan melaksanakannya, masya-Allah, rupanya bukan Amerika, bukan Yahudi, bukan orang kafir yang menghalang tetapi musuh dalam diri kita sendiri iaitu nafsu kita yang menghalang! Nafsu yang ada dalam diri kita itulah yang lebih jahat dari syaitan. Syaitan tidak boleh mempengaruhi seseorang itu kalau dia tidak dapat meniti di atas nafsu. Dengan kata lain, nafsu adalah *highway* bagi syaitan. Kalaulah nafsu dapat diperangi, maka tertutuplah jalan syaitan dan dia tidak boleh mempengaruhi jiwa kita. Sedangkan nafsu ini sebagaimana yang digambarkan oleh Allah, ia sangat jahat. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Sesungguhnya hawa nafsu itu sangat mengajak kepada kejahatan." (Yusuf: 53)

Dalam ayat yang pendek ini, Tuhan memberitahu manusia bahawa musuh manusia yang paling ketat adalah nafsunya yang ada dalam tubuhnya sendiri. Ini dikuatkan lagi oleh sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: "Musuh yang paling memusuhi kamu adalah nafsu yang ada di antara dua lambungmu."

Nafsu inilah yang menjadi penghalang utama dan pertama dalam hendak mengamal dan melaksanakan Islam. Kemudian barulah syaitan, dunia dan perkara-perkara yang lain. Memerangi hawa nafsu lebih hebat daripada memerangi Yahudi dan Nasrani atau orang kafir. Sebab berperang dengan orang kafir cuma sekali-sekala. Memerangi nafsu tidak ada hentinya dan tidak ada penghujungnya. Nafsulah penghalang yang paling jahat. Kenapa? Kalaulah musuh dalam selimut, itu pun mudah dan boleh kita hadapi. Tetapi nafsu adalah sebahagian dari juzuk tubuh badan kita sendiri. Tidak sempurna diri kita kalau tidak ada nafsu.

Ia bukannya musuh dalam selimut tetapi musuh dalam diri. Sebahagian diri kita memusuhi kita. Ia adalah *jismul latif* iaitu tubuh yang halus yang tidak dapat dilihat dengan mata kepala. Ia hanya boleh dikesan oleh mata otak atau dirasa oleh mata hati. Oleh itu mana boleh kita buang. Sekiranya dibuang, kita pun pasti mati. Sebab nafsu itu perlu untuk kita hidup. Nafsulah penghalang yang besar. Kalau hendak sembahyang, bukannya senang hendak mujahadah. Hendak sembahyang Subuh contohnya, kita kata tunggulah dulu. Bangun sepuluh minit lagi. Akhirnya terlajak sembahyang Subuh. Pukul 8.00 pagi baru terjaga. Siapa yang membisikkan kepada kita itu? Itulah nafsu.

Bukan senang hendak berjuang dan berkorban. Nafsu akan berbisik, *"Fikirkanlah masa depan kamu. Korban sikit-sikit cukuplah."*

Bukannya mudah hendak sabar apabila berhadapan dengan ujian. Bukan mudah sebab nafsu tidak mahu. Begitu juga

hendak memberi maaf kepada orang yang buat salah dengan kita. Kita rasa terhina hendak memaafkan orang yang bersalah dengan kita terutama kalau kita ada jawatan dan pengaruh. Lebih-lebih lagi kalau kita yang bersalah, hendak minta maaf lagilah payah. Terasa tercabar ego kita. Bukan senang hendak mujahadah bila nafsu kata jangan. Hendak ikut syariat bukannya senang. Sebab itu barangsiapa yang berjaya melawan hawa nafsunya, dia dianggap wira. Dianggap orang berani dan luar biasa. Ada Hadis mengatakan:

> *Maksudnya: "Tidak dianggap seseorang itu berani bila dia dapat mengalahkan musuhnya tetapi dianggap berani jika seseorang itu dapat melawan hawa nafsunya."*

Tetapi selalunya bila seseorang itu dapat mengalahkan nafsunya, hingga menjadi orang yang baik dan soleh, manusia menganggap dia orang yang paling jahat di dunia. Orang tidak kata dia wira atau orang berani. Tetapi orang yang sudah dikalahkan oleh hawa nafsunya dan hidupnya sudah lintang-pukang, orang kata mereka inilah wira! Bush dianggap wira oleh orang Amerika. Saddam juga dianggap wira oleh orang Iraq. Tidak kiralah apa gelaran sama ada 'tokoh' atau 'jaguh' yang dikurniakan kepada seseorang itu, bila kita tinjau kehidupan dan peribadi mereka, kebanyakan mereka adalah orang yang sudah kalah dan sudah ditumpaskan oleh hawa nafsu mereka. Jadi dalam dunia hari ini, siapa yang dikalahkan oleh hawa nafsunya dianggap tokoh, jaguh dan wira.

Itulah wira yang palsu. Wira yang sebenar-benar wira ialah orang yang dapat mengalahkan hawa nafsunya. Inilah yang dikatakan pejuang yang hakiki. Selagi hawa nafsu tidak dapat diperangi, selama itulah seseorang itu tidak akan tertuju kepada Allah. Tidak akan dapat benar-benar berkhidmat kepada Allah. Tidak akan jatuh cinta dengan Allah. Tidak akan dapat memberi ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada Allah. Kalau nafsu tidak diperangi, seseorang itu tidak akan dapat hidup dalam kebenaran dan tidak akan dapat hidup dalam pimpinan Allah.

Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Mereka yang berjuang untuk melawan hawa nafsu kerana hendak menempuh jalan Kami, sesungguhnya Kami akan tunjukkan jalan Kami. Sesungguhnya Allah itu berserta dengan orang yang berbuat baik." (Al Ankabut: 69)

Ini jaminan dari Allah. Siapa sanggup melawan hawa nafsunya, Allah akan tunjukkan jalan hingga diberi kemenangan, diberi bantuan dan tertuju ke jalan yang sebenar. Inilah rahsia untuk mendapat pembelaan dari Allah. Ertinya, mereka mendapat pembelaan dari Allah di dunia lagi. Jadi sesiapa yang sanggup melawan hawa nafsunya, dia adalah rijalullah (orang Allah, keluarga Allah, kepunyaan Allah dan tentera Allah). Siapa yang menjadi 'kepunyaan' Allah atau tentera Allah, dia akan dibantu Allah.

Tetapi selagi belum menjadi tentera Allah, sebaliknya menjadi tentera manusia atau tentera syaitan, Allah akan biarkan. Kalau diberi kemenangan pun, atas dasar dia kuat, bukan atas dasar dapat bantuan dari Allah. Dia dibantu atas dasar istidraj, bukan atas dasar rahmat. Jadi seseorang itu mesti sanggup melawan hawa nafsunya. Kalau tidak, banyaklah ajaran Islam yang akan terabai. Banyaklah perintah Allah yang dicuaikan. Bila tidak dapat lawan hawa nafsu, banyak pula larangan Allah yang dibuat. Kalau terbuat boleh tahan, tetapi ini sengaja dibuat. Ini lebih berat.

Jadi hanya dengan melakukan *mujahadatunnafsi* (mujahadah melawan hawa nafsu), barulah ajaran Islam itu boleh kita amalkan sunguh-sungguh kerana nafsu yang sangat menghalang itu sudah tidak ada lagi. Barulah maksiat lahir dan batin dapat kita tinggalkan dan hindarkan kerana nafsu yang sangat menyuruh kepada kejahatan itu sudah tidak ada lagi. Nafsu itu

sudah kita didik, sudah kita kalahkan, sudah kita jinakkan dan sudah menjadi tawanan kita.

Peringkat-peringkat nafsu

Nafsu itu berperingkat-peringkat. Seseorang yang boleh mengalahkan nafsunya di satu peringkat, maka nafsunya itu akan meningkat ke peringkat atau taraf nafsu yang lebih baik. Begitulah seterusnya hingga nafsu itu benar-benar dapat ditundukkan pada perintah Allah Taala. Peringkat nafsu dari yang terendah adalah seperti berikut:

1. Ammarah
2. Lauwamah
3. Mulhamah
4. Mutmainnah
5. Radhiah
6. Mardhiah
7. Kamilah

Mujahadatunnafsi

Bermujahadah melawan hawa nafsu ialah dengan menempuh tiga langkah seperti berikut:

1. Takhalli
2. Tahalli
3. Tajalli

Ketiga-tiga peringkat ini hendaklah dilakukan dengan melaksanakan latihan-latihan rohaniah yang dinamakan *riadhatun nafsi* yakni latihan untuk melawan atau menentang atau memerangi semua kehendak-kehendak nafsu yang jahat. Caranya ialah dengan membuat latihan menolak segala kemahuan jahat yang ditimbulkan oleh nafsu.

i. Takhalli

Maksudnya mengosongkan atau membuang atau menyucikan hati dari sifat-sifat yang keji. Di peringkat ini, kita mesti melawan dan membuang secara paksa dan terus-menerus semua kehendak nafsu yang rendah (jahat) dan yang dilarang oleh Allah. Selagi kita tidak membenci, memusuhi dan membuang kehendak-kehendak tersebut jauh-jauh secara paksa dan terus-menerus, maka nafsu jahat itu akan sentiasa menguasai dan memperhambakan kita.

Apabila nafsu jahat dibiarkan menguasai kita, iman tidak akan ada tempat di hati. Bila iman tidak ada, manusia bukan lagi menyembah Allah tetapi akan menyembah hawa nafsunya. Oleh itu, usaha melawan hawa nafsu jangan diambil ringan. Ia adalah satu jihad yang besar.

ii. Tahalli

Maksudnya mengisi atau menghiasi hati dengan sifat-sifat terpuji. Setelah kita mujahadah mengosongkan hati dari sifat-sifat mazmumah atau sifat-sifat yang keji, segera pula kita hiasi hati kita itu dengan sifat-sifat mahmudah atau terpuji. Untuk ini, sekali lagi kita perlu bermujahadah. Untuk membuang sifat-sifat mazmumah dari hati perlu mujahadah. Untuk mengisi hati dengan sifat-sifat mahmudah pun perlu mujahadah. Kalau tidak, iman tidak akan wujud dalam hati kerana iman itu berdiri di atas sifat-sifat mahmudah.

iii. Tajalli

Maksudnya terasa kebesaran dan kehebatan Allah atau keadaan sentiasa rasa bertuhan. Ia adalah sebagai hasil dari mujahadah. Selepas peringkat *takhalli* dan *tahalli*, kita akan memperoleh *tajalli*. Ia satu perasaan yang datang sendiri

tanpa perlu diusahakan lagi. Agak sukar untuk menggambarkan perasaan ini dengan bahasa tetapi secara ringkas, secara mudah dan secara asasnya, ia adalah rasa bertuhan, rasa dilihat dan diawasi oleh Tuhan, hati seakan-akan celik, hidup, nampak dan terasa kebesaran Allah. Ingatan dan kerinduan tertuju kepada Allah. Hati tenggelam dalam kebesaran-Nya atau dalam kecintaan pada-Nya. Harapan dan pergantungan hati tidak ada pada yang lain lagi selain Allah. Apa sahaja masalah hidup dihadapi dengan tenang dan bahagia. Tidak ada apa-apa kesusahan dalam hidup. Yang baik mahupun yang buruk dirasakan sebagai hadiah dari Tuhan. Dunia terasa bagaikan Syurga. Inilah kebahagiaan yang sejati dan abadi iaitu kebahagiaan hati.

6. Istiqamah Beramal

Beramal jangan bermusim, jangan ada turun naiknya. Kalau sudah beribadah, mesti terus beribadah. Kalau sudah berukhwah, terus berukhwah. Kalau tinggalkan maksiat, terus tinggalkan. Jangan sekali buat sekali tinggalkan. Begitu juga dengan berjuang, berdakwah dan sebagainya, hendaklah berjuang dan berdakwah terus. Jangan kadang-kadang beribadah, kadang-kadang tidak, kadang-kadang berukhwah, kadang-kadang tidak, kadang-kadang berjuang, kadang-kadang tidak, kadang-kadang berdakwah, kadang-kadang tidak. Bukan sahaja perintah suruhan, malahan perintah larangan pun mesti ditinggalkan secara istiqamah juga. Dengan kata lain, beramal hendaklah secara tetap, secara rajin dan terus-menerus. Inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW:

أحب العمل إلى الله عزوجل أدومه وإن قل •

Maksudnya: "Amalan yang disukai Allah ialah yang dibuat secara istiqamah sekalipun sedikit." (Riwayat Bukhari)

Apakah yang dimaksudkan dengan sedikit? Sekiranya tidak

dihuraikan, nanti akan ada orang yang mengambil kesempatan dengan berkata, *"Yang penting istiqamah, tetap Allah terima walaupun sedikit. Jadi, saya hendak sembahyang sahaja. Saya akan tetap sembahyang sampai mati. Puasa, naik haji, zakat, berkorban dan sebagainya tak payah buat."*

Sebenarnya sedikit yang dimaksudkan oleh Rasulullah itu adalah pada amalan-amalan sunat. Istiqamah itu dalam amalan sunat. Amalan fardhu atau wajib mesti selesai. Amalan fardhu dan wajib tidak boleh ditinggalkan. Jumlahnya tetap dan ia mesti dibuat secara berterusan. Istiqamah tidak perlu disebut pada amalan yang wajib atau fardhu.

Amalan yang istiqamah akan memberi kesan pada roh atau hati seseorang itu. Macamlah titisan air, walaupun ia kecil dan lembut tetapi jika ia menitis sepanjang masa, lama-kelamaan batu pun akan lekuk. Sebaliknya, air banjir yang datang setahun sekali atau dua tiga tahun sekali, walaupun besar tetapi ia tidak dapat melekukkan batu. Tegasnya, amalan sunat yang istiqamah sangat memberi kesan kepada hati. Kesannya dapat dilihat pada gerak-geri. Ia membuahkan akhlak yang mulia. Sebaliknya amalan sunat yang dibuat walaupun banyak tetapi tidak secara istiqamah, ia tidak memberi kesan kepada jiwa dan peribadi seseorang. Istiqamah itu ada lahir dan ada batin. Istiqamah dalam amalan lahir itu mudah. Tetapi istiqamah dalam amalan batin itu susah. Hendak berterusan dalam sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya, itu senang. Tetapi hendak berterusan dalam berkasih sayang, merendah diri, sabar, tawadhuk, redha, pemurah, bertaubat dan lainnya, itu yang susah. Jangan minta jadi wali tetapi mintalah istiqamah batiniah. Istiqamah batiniah itu ialah kewalian. Istiqamah batiniah itu ialah karamah.

7. Ada Pemimpin Yang Memimpin (Mursyid)

Mesti ada seorang pemimpin yang boleh memimpin di bidang ilmu, di bidang akal dan hati, sama ada yang lahir mahupun

yang batin dan dalam semua hal hingga hidup kita ini boleh tertuju kepada Allah.

Dalam Islam, pemimpin yang boleh memimpin hidup kita itulah yang dikatakan mursyid. Istilah mursyid adalah dari perkataan *mursyidun*, maknanya orang yang memimpin. Wajib bagi setiap orang ada pemimpin yang memimpin dirinya, tidak kira sama ada dia ulama, ustaz, hafiz, pakar Islam atau muallim. Lebih-lebih lagilah orang awam yang kurang ilmu dan kurang faham tentang Islam. Orang yang memimpin (*mursyidun*), dia tidak sama dengan muallim. Juga dia tidak sama dengan ustaz atau guru. Sebab muallim itu hanya memberi ilmu. Mereka hanya memandang yang luaran. Tetapi mursyid yang boleh memimpin, Allah memang beri kepadanya ilmu-ilmu yang luar biasa. Ada ilmu lahir dan batin. Bukan saja dia boleh memimpin akal orang tetapi hati (roh) orang juga boleh dipimpinnya, walaupun mursyid itu seorang yang tidak hafal Quran dan tidak hafal Hadis. Sebab itu sebagaimana alim pun seseorang itu, dia mesti ada seorang pemimpin atau mursyid.

Kita lihat di mana-mana orang menyebut, *"Dia itu muallim saya", "Itu guru saya",* tetapi mengapa tidak dikatakan, *"Dia itu pemimpin atau mursyid saya."* Memang pemimpin dan mursyid itu susah dicari. Apatah lagi di zaman sekarang yang sudah jauh dari zaman Rasulullah. Orang yang layak menjadi mursyid hanya bilangan jari sahaja tetapi guru yang memberi ilmu atau muallim atau ustaz, ini ramai.

Sebab itu mursyid kurang popular dan jarang disebut dalam kehidupan sehari-hari. Orang selalu sebut muallim, guru atau cikgu. Imam Ghazali r.a. berkata, *"Untuk mencari seorang yang mursyid macam mencari belerang merah."*

Ini menunjukkan bagaimana susahnya hendak mencari belerang merah, begitulah susahnya untuk mencari mursyid. Sebab itu, pemimpin atau mursyid sudah tidak wujud lagi di kalangan umat Islam hari ini. Maka umat Islam berjuang hanya

main-main akal, beribadah main suka hati, bertindak pula main sembrono, tidak diukur cara ilmu lagi. Jadi kita perlu ada guru yang mursyid, yang boleh memimpin ilmu dan amalan kita, yang memimpin lahir dan batin kita. Guru mursyid ini menjadi tempat kita merujuk walau dalam perkara kecil sekalipun.

Tetapi di sinilah ramai yang tidak faham termasuk alim ulama. Sesetengah mereka berkata, *"Kalaulah kita sudah berguru di satu tempat, janganlah lagi kita berguru di tempat lain."*

Ini satu kesilapan dan fahaman yang salah. Sebenarnya guru mursyid sahaja yang tidak boleh ramai. Guru mursyid mesti seorang sahaja. Tetapi kalau muallim atau guru sumber ilmu, lebih ramai lebih baik kerana lebih banyak saluran untuk dapat ilmu. Kalau ada tiga puluh orang guru, ada tiga puluh saluran. Imam Ghazali r.h. ada 1000 orang gurunya. Guru pimpinan, guru mursyid, tempat rujuk dalam semua hal hanya seorang sahaja. Dalam sebarang hal mesti dirujuk kepadanya termasuklah dalam perkara yang harus. Walaupun perkara itu harus dalam syariat, tetapi untuk mendapat berkat mesti bertanya kepadanya. Lebih-lebih lagi kalaulah ia sudah jadi arahannya maka wajib ditaati.

Katalah mursyid mengarahkan Si A supaya berpindah. Hukumnya harus sahaja dalam ajaran Islam. Tetapi apabila diarah oleh mursyid, berdosa Si A kalau tidak berpindah. Setiap arahannya menjadi wajib aradhi atau wajib mendatang sebab mentaati pemimpin adalah wajib. Contoh yang lain ialah arahan menghadiri majlis usrah, majlis tahlil, tukar kerja dan arahan kahwin. Walaupun semua ini perkara harus dan sunat tetapi kerana pemimpin yang suruh, maka wajib ditaati. Di sinilah banyak silapnya para pejuang sekarang. Mereka sudah ada jemaah tetapi bila ada masalah dalam jemaah, dia tidak rujuk kepada mursyid. Malahan dia rujuk kepada ulama di luar jemaah atau kepada dukun. Akhirnya rosak keyakinannya.

Jadi setiap orang yang ingin membaiki dirinya mesti ada

mursyid yang akan memimpinnya sekalipun dia ulama, ustaz, orang alim, hafaz Al Quran dan pakar Hadis. Kenapa? Dalam ajaran Islam ini ada ilmu yang datang dari akal, ada ilmu yang datang dari hati. Ada yang lahir ada yang batin. Ada yang tersirat dan ada yang tersurat. Belum tentu seseorang itu diberi ilmu yang tersirat. Bukan semua orang diberi ilmu-ilmu hati. Oleh itu, walau ulama pakar macam mana sekali pun kena ada guru yang memimpinnya.

Di sinilah ramai orang silap faham. Terutamanya para ulama. Kerana hati mereka berkata, *"Saya dah jadi ulama, saya dah jadi alim, saya dah jadi profesor, dah jadi pensyarah, apa perlu pimpinan? Saya boleh pimpin diri saya sendiri. Buat apa bersandar pada orang lain?"*

Begitulah tabiat ulama sekarang. Sebab itu mana ada ulama di akhir zaman ini yang ada kesedaran, bertaqwa dan yang baik dan menyenangkan hati kita. Kenapa? Sebab mereka fikir mereka tidak perlu dipimpin lagi. Sebab mereka rasa mereka banyak ilmu dan boleh pimpin diri mereka sendiri.

Akibatnya, kadang-kadang kita lihat orang awam yang tidak punya ilmu lebih baik lagi amalan dan akhlaknya manakala ulama hidup lintang-pukang dan merekalah yang sering menimbulkan masalah dan huru-hara di tengah masyarakat. Mereka sudah tidak boleh dipimpin oleh manusia lagi. Lebih-lebih lagi mereka tidak mahu dipimpin oleh guru mursyid.

Orang yang boleh memimpin atau mursyid hanyalah orang yang pintu hatinya terbuka iaitu yang mempunyai **basirah** (pandangan hati). Bukan sekadar akalnya sahaja yang terbuka. Ramai orang yang akalnya terbuka maka dia boleh menangkap ilmu tetapi hatinya tertutup. Dia tidak boleh membaca hal-hal batin, hal-hal hati dan hal-hal rohani seseorang. Dia tidak dapat melihat sifat-sifat mazmumah dan sifat-sifat mahmudah seseorang. Lebih-lebih lagi dia tidak dapat mengubat penyakit hati seseorang. Mursyid itu ialah orang yang hatinya terbuka

luas dan boleh memimpin orang lain. Dia tidak semestinya lebih alim daripada orang yang dipimpinnya.

Imam Hambali umpamanya dia tidak disebut sebagai ahli tasawuf sebab dia tidak mengarang kitab tasawuf sebaliknya hanya mengarang kitab ilmu-ilmu lahir sahaja. Tetapi yang sebenarnya dia juga alim dalam ilmu batin (kerana semua imam mazhab itu adalah mursyid dan pakar tasawuf). Dia tahu dan mengamalkannya. Imam Hambali dan imam-imam mazhab yang lain adalah orang-orang yang terpimpin dan mampu memimpin. Tambahan pada itu, menurut riwayat, Imam Hambali selalu merujuk kepada ulama-ulama, menziarahi Bisyru al Hafi, sering menziarahi ahli-ahli sufi di hujung negeri Baghdad.

Guru mursyid itu mampu memimpin manusia kerana kelebihan yang ada pada dirinya. Dia lebih tahu tentang kecacatan dan kelemahan muridnya, tentang lahir dan batin muridnya, dia nampak dan boleh membaca hal-hal yang halus yang ada pada hati-hati muridnya. Dia nampak dan boleh tunjuk kelemahan muridnya dan boleh mendidik dan menunjuk ajar mereka. Cara ini sangat berkesan malahan lebih berkesan dari latihan-latihan yang lain dalam usaha untuk membaiki diri.

Mursyid bukan ulama biasa. Setiap mursyid itu ulama tetapi bukan setiap ulama itu mursyid. Mursyid ialah orang yang di samping mempunyai ilmu lahir, dia dianugerahkan pula oleh Tuhan dengan ilmu batin atau ilmu laduni, ilmu ilham, ilmu hikmah serta ilmu firasat hingga dia sungguh faham tentang soal perjalanan roh atau hati dan tentang penyakit-penyakit dan kelebihan-kelebihan hati. Dia mampu untuk memimpin, mendidik dan menunjuk ajar manusia dalam usaha mereka untuk memperbaiki diri dan menyucikan hati.

Mursyid adalah guru rohaniah yang telah terlebih dahulu mengamalkan ilmunya dan menyucikan hatinya. Justeru itu, dia mempunyai kelebihan-kelebihan rohaniah yang biasa dimiliki

oleh orang-orang yang telah membersihkan dan menyucikan hati mereka. Disebabkan hatinya bersih, dia boleh menyelami hati-hati orang lain.

Jadi setiap orang mesti mencari seorang guru mursyid untuk memimpin dirinya walaupun dia alim. Lahir batinnya perlu diserah kepada guru mursyid. Ini adalah satu dari syarat untuk mendapat taqwa.

8. Berdoa kepada Allah

Usaha kita tidak memberi bekas walaupun usaha itu diperintah oleh Allah. Kita sudah belajar tetapi ilmu itu sebenarnya tidak memberi bekas. Kita bermujahadah tetapi mujahadah kita untuk membaiki diri itu tidak memberi bekas. Mursyid kita tidak memberi bekas walaupun kita disuruh mencari mursyid. Yang memberi bekas hanyalah Allah. Allah-lah yang menghitam-putihkan nasib kita. Begitulah keyakinan kita. Sebab itu kita kena selalu panjatkan doa kepada Allah agar Allah sentiasa memberikan hidayah dan taufiq kepada kita.

Mendapat hidayah itu lebih mudah. Contohnya, dibuka pintu hati kita untuk menerima dan seronok dengan Islam. Tetapi belum tentu kita akan dapat taufiq. Taufiq ialah apabila amalan kita bersetentangan (selari) dengan ilmu atau dengan apa yang Tuhan mahu. Taufiq itu praktikal dengan teorinya sama. Ilmiah dengan amaliahnya sama.

Yang *muassir* (yang memberi bekas) hanyalah Allah. Tujuh perkara atau syarat yang diperkatakan sebelum ini tidak *muassir*, walaupun diperintah. Ia tidak memberi bekas. Sebab itulah kena bersungguh-sungguh berdoa kepada Allah. Bila Allah beri hidayah dan taufiq, semua masalah selesai. Tidak ada masalah yang sulit. Yang besar jadi kecil, yang kecil lagilah akan menjadi lebih kecil.

Ilmu Islam seperti juga ilmu dunia. Tidak semestinya kita

belajar ilmu dan apabila diamalkan ilmu itu akan tepat terjadi sebagaimana yang kita belajar. Kebanyakannya tidak tepat walaupun sudah ada nasnya. Kalaupun tepat yang lahir, batinnya pula yang tidak kena. Contohnya kita belajar ilmu sembahyang. Dari segi rukuknya, sujudnya tepat sepertimana di dalam kitab. Ini adalah hidayah. Tetapi yang batin, hati tidak sujud, hati tidak rukuk. Inilah yang dikatakan taufiq. Tidak cukup kalau dapat hidayah sahaja dengan tidak ada taufiq.

Contoh yang lain, seorang yang belajar ilmu ekonomi yang selalu memikirkan soal untung. Bila dia berniaga dia rugi. Ilmunya tidak menjadi. Sebab itu, kita lihat *foreman* atau mekanik lebih pakar dari *engineer*. Seorang *engineer* tahu sebut dari segi istilah sesuatu barang tetapi seorang *foreman*, istilahnya dia tidak tahu, tetapi dialah yang pakar membaiki kereta.

Jadi teori dengan amal tidak selari walaupun dari segi ilmunya sudah nampak tepat. Bila buat tidak tepat, itulah yang menunjukkan bahawa selain Allah, tidak ada kuasa lain yang memberi bekas. Ilmu pun tidak memberi bekas. Oleh itu kena selalu berdoa kepada Allah agar kita dibantu dan usaha kita diberi kejayaan.

Begitulah teori ilmiahnya, lapan syarat untuk ditempuh oleh seseorang itu agar dia menjadi orang soleh atau menjadi orang yang bertaqwa. Bila kita menjadi orang yang bertaqwa barulah kita akan dapat ganjaran dari Allah dunia dan Akhirat. Selagi kita belum menjadi orang yang bertaqwa selagi itulah Allah tidak akan bantu dan Allah tidak akan bela kita serta tidak ada jaminan apa-apa daripada Allah SWT.

Imam Ghazali r.h. mengenengahkan teori *'Gunung Tujuh'* dalam usaha untuk mencapai taqwa. Teori ini mungkin sesuai di zaman beliau. Di zaman ini, ia sukar difahami, lebih-lebih lagi sukar untuk diamalkan. Zaman berubah dan keadaan pun berubah. Manusia di zaman ini tidak sama masalah yang dihadapinya dan tidak sama kemampuan mereka berbanding

dengan manusia yang hidup seribu tahun dahulu. Oleh itu, teori, pendekatan, cara dan kaedah mesti berubah mengikut perubahan zaman.

Dunia sekarang bagaikan tanpa batas. Perhubungan begitu pesat dan pantas. Yang jahat dan mungkar boleh tersebar ke seluruh dunia dalam waktu yang singkat. Maksiat yang berbagai bentuk dan rupa yang tidak dapat dibayangkan di zaman dahulu berlaku di mana-mana. Dengan adanya radio, TV, teknologi perhubungan dan maklumat dan sebagainya, dunia sudah jadi kecil. Ada pula konsep *Global Village*, *Borderless World* dan *Open Sky* yang mempercepatkan lagi perhubungan antara manusia dan bangsa.

6

Rukun Taqwa

- *Rukun dalam Rukun*
  1. *Iman*
  2. *Islam*
  3. *Ihsan*
- *Ibadah itu Bertujuan untuk Mendidik*
- *Kenapa Selama ini Ibadah Tidak Mendidik Kita*
- *Contoh Sejarah Orang-Orang Bertaqwa*
- *Rumusan Tentang Rukun Taqwa*
- *Sajak 3*

Sebelum ini kita telah memperkatakan tentang syarat-syarat taqwa. Di sini kita memperkatakan pula tentang rukun taqwa. Kalau syarat itu perkara di luar, rukun pula adalah perkara yang di dalam.

Cara mendapatkan taqwa adalah satu pakej yang terdiri dari tiga perkara. Tiga perkara inilah yang paling penting dan paling asas dari keseluruhan usaha mendapatkan taqwa itu. Kalau tiga perkara ini tidak diperolehi dan tidak dihayati, maka usaha yang lain itu tidak ada erti apa-apa. Kalau dibuat pun sia-sia belaka. Tiga perkara dalam pakej itu yang dinamakan rukun taqwa adalah:

1. Iman
2. Islam
3. Ihsan

Kita biasa dengar tentang Iman sampai sudah lali. Kita biasa dengar tentang Islam sampai sudah lali. Kita pun sebut Ihsan sampai sudah lali. Tetapi kita tidak pernah tahu ketiga-tiga itu adalah rukun taqwa. Ketiga-tiga perkara di atas yang dijadikan satu pakej dinamakan rukun taqwa. Kalau rukun tidak ada kita tidak dapat tegakkan taqwa. Ibarat rumah, kalau tiang tidak ada, kita tidak boleh tegakkan rumah. Selama ini kita tidak pernah belajar atau diajar tentang rukun taqwa ini. Ia adalah asas, tapak atau benih taqwa. Memang itu salah kita. Kita belajar pun tidak pernah habis. Belajar sedikit, pindah. Belajar sedikit, tinggal.

Kalau hendak dikupaskan lagi, ketiga-tiga istilah ini bolehlah

dikaitkan dengan Tauhid, Syariat dan Tasawuf. Iman itu Tauhid. Islam itu Syariat dan Ihsan itu Tasawuf.

Setiap perkara dalam ajaran Islam itu ada rukun dan ada syaratnya. Ada sah dan ada batalnya. Sembahyang misalnya, ada rukun, ada syarat, ada sah dan ada batalnya. Begitu juga dengan puasa dan haji, ada syarat, rukun, sah dan batalnya. Dengan taqwa tentulah lebih-lebih lagi kerana ia lebih besar dari sembahyang, lebih besar dari puasa dan lebih besar dari haji. Tentu ada rukun, syarat, sah dan batalnya. Orang tidak pernah ceritakan hal ini. Iman, Islam dan Ihsan adalah rukun taqwa. Rukun itu ertinya tiang. Kalau tidak ada tiang ertinya taqwa tidak boleh dibangunkan.

Iman ada pakejnya. Islam ada pakejnya. Begitu juga Ihsan ada pakejnya. Contohnya, Islam itu yang asasnya ialah rukun Islam. Yang tambahannya banyak seperti sembahyang sunat, puasa sunat, berjuang dan lain-lain. Itu semua syariat. Gabungan semua itu, barulah jadi rukun kepada taqwa.

RUKUN DALAM RUKUN

Walaupun rukun taqwa itu ialah Iman, Islam dan Ihsan tetapi dalam rukun taqwa itu ada pula rukun-rukun tambahan yang lain. Ia rukun di dalam rukun. Rukun di dalam rukun ini diperjelaskan seperti berikut:

1. Iman

Iman di sini ialah apa yang diterangkan di dalam rukun iman yang enam iaitu percaya akan Allah, malaikat-Nya, kitab-Nya, Rasul-Nya, hari Akhirat dan qada' dan qadar. Dalam rukun iman yang enam ini pula, ada empat perkara yang menjadi rukun iaitu rukun dalam rukun. Dalam hendak membangunkan iman di atas enam rukun iman itu, ada empat rukun lagi iaitu:

i. Ilmu

Keenam-enam rukun iman itu tidak boleh dibangunkan kalau tidak ada ilmu. Kalau kita sekadar percaya tetapi tidak berdasarkan ilmu, tiang pada iman sudah runtuh. Rukun pada rukun iman itu sudah tidak ada. Membangunkan iman mesti atas dasar ilmu supaya kefahaman kita terhadap enam rukun iman itu betul dan tepat.

ii. Faham

Ilmu itu pula mesti difahami yakni ia tidak boleh terhenti di akal. Ia mesti diserapkan ke dalam hati. Memahami itu adalah dengan akal dan hati.

iii. Yakin

Selepas ilmu tentang enam rukun iman itu jelas dan difahami, kita kena yakin dengannya. Keyakinan ini tidak boleh dicelahi oleh syak, zan atau waham. Keyakinanlah yang akan mendorong kita menghayatinya. Namun hendak yakin dengan Tuhan dan lain-lain perkara dalam rukun iman berdasarkan ilmu bukan senang.

iv. Penghayatan

Hendak menghayati inilah yang susah. Menghayati itu maksudnya merasa bertuhan. Merasakan Tuhan ada peranan dalam hidup kita. Merasa hebat, cinta dan takut dengan Tuhan. Merasakan Tuhan sentiasa melihat, mengetahui dan mengawasi kita. Begitu juga penghayatan tentang rukun-rukun iman yang lain.

Jadi ada empat perkara dalam satu pakej yang menjadi rukun kepada rukun iman yang enam. Yakni berlaku atau tidaknya rukun iman yang enam itu ditentukan oleh empat tiangnya iaitu ilmu, faham, yakin dan penghayatan. Di sini, tidak ada satu perkara pun yang bersifat lahiriah. Kesemuanya bersifat maknawiyah.

Rukun iman itu bukan percaya begitu sahaja. Kita mesti yakin. Mungkin percaya atas dasar ilmu, mudah. Tetapi untuk yakin, itu susah. Ia perlu kepada kefahaman. Untuk menghayati lebih-lebih lagi susah. Contohnya ada disebut dalam Al Quran dan Hadis:

> *Maksudnya: "Barangsiapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan (keperluannya). Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan (yang dikehendaki)-Nya."*

Tuhan berkata lagi:

> *Maksudnya: "Barangsiapa pemurah, dia tidak akan papa bahkan Tuhan akan pemurah dengannya. Tuhan akan lepaskan dia dari masalah dan diberi rezeki dari sumber Allah."*

Walaupun ini kita percaya tetapi dalam realiti hidup, sandaran kita bukan pada Tuhan. Itu yang susah. Kita percaya sumber rezeki kita dari Tuhan tetapi sandaran kita pada duit. Kita percaya tetapi sandaran kita pada kerja. Kita rasa kalau tidak ada kerja, kita tidak boleh makan. Kita percaya Tuhan memberi rezeki tetapi sandaran kita dengan ilmu. Kita percaya dengan Tuhan tetapi kita rasa kalau tidak bersandar dengan menteri atau kuasa politik, kita tidak boleh berniaga, tidak boleh makan. Susah hendak yakin. Percaya, memanglah percaya tetapi hendak yakin, susah. Sedangkan iman itu satu pakej iaitu ilmu, faham, yakin dan penghayatan. Kalau tidak cukup pakejnya, cacatlah iman. Kalau besar cacatnya, jadi kafir. Kalau kafir, sembahyang dan puasa pun tidak berguna. Kekal dalam Neraka. Kalau dosa kecil ia menjadi besar sebab ia bersangkut dengan akidah. Iman itu perlu ada ilmu, faham, yakin dan dihayati, baru sempurna.

2. Islam

Islam merangkumi lima rukun Islam yang kita semua sudah

pelajari di masjid dan di surau. Ia adalah mengucap dua kalimah syahadah, sembahyang, puasa, zakat dan haji. Seperti juga iman, cara untuk membangunkan lima rukun Islam ini ada rukunnya pula sebagai tiangnya. Kalau tidak ada rukunnya atau tiangnya, bagaimana kita hendak bangunkan rukun Islam. Ada lima perkara dalam satu pakej yang menjadi rukun kepada tertegaknya rukun Islam itu iaitu:

i. Ilmu

Syahadah umpamanya takkanlah cukup dengan mengucapkan kalimah sahaja dengan tidak ada ilmunya dan tidak tahu tuntutan-tuntutannya. Terjemahannya sahaja tidak cukup. Begitu juga sembahyang. Mesti juga berdasarkan ilmu. Jadi rukun Islam itu mesti berdasarkan ilmu. Amalan tanpa ilmu tertolak.

ii. Faham

Dalam menegakkan rukun Islam, kita mesti faham. Kalau dengan ilmu sahaja, mungkin kita boleh buat yang lahirnya tetapi batinnya rosak. Faham perlu untuk menjaga batin atau roh ibadah.

iii. Yakin

Yakin menjadi syarat. Kita kena yakin dengan ilmu kita dan ibadah kita itu. Ia perintah Tuhan. Bukan suka-suka dan bukan sekadar hobi.

iv. Perlaksanaan (Amalan)

Semua rukun Islam itu mestilah dilaksanakan dan diamalkan mengikut ilmunya. Di sini baru ada perkara yang lahiriah.

v. Penghayatan (Rasa)

Dalam melaksanakan rukun Islam, ia perlu dihayati supaya

bukan lahir saja yang berbuat. Hati mesti ikut sama. Sembahyang contohnya mesti ada penghayatan.

Rupanya, dalam rukun Islam ada lima lagi rukunnya dalam satu pakej. Empat berbentuk dalaman atau batiniah dan satu berbentuk lahiriah.

Ada ilmu, faham, yakin dan laksanakan (amalkan), itu mudah tetapi untuk menghayati adalah payah. Apa maksud hayati? Menghayati itu adalah merasa. Contohnya sembahyang. Antara rukunnya ialah membaca Fatehah. Katalah kita ada ilmu tentang surah Al Fatehah. Kita faham tajwid, faham makna dan faham maksudnya. Kita pun baca. Kita boleh baca tetapi belum tentu kita boleh merasa. Kita baca, cantiklah tajwidnya, faham pula makna dan maksudnya, tetapi sudah bolehkah kita rasa?

Dalam sembahyang didapati ramai orang boleh baca tetapi tidak boleh merasa. Doa qunut contohnya, boleh dibaca dan mungkin tahu maksud bacaan itu, tetapi tidak boleh dirasa. Kalau tidak boleh dirasa maka tidak ada kesannya. Ia tidak sampai ke hati. Padahal kalau kita dapat rasa, baru ia tertuju kepada akal dan roh. Sebab itu seorang yang boleh merasa, dia tidak buat amalan sunat pun tidak apa. Amalan wajibnya pun sudah cukup berkesan. Ada Sahabat Rasulullah yang tidak buat ibadah sunat tetapi Rasulullah kata dia ahli Syurga. Ibadahnya berkesan, walaupun dia buat yang wajib-wajib sahaja. Dalam rukun Islam ini, kita kenalah ada ilmu, faham, yakin, amal dan hayati (rasa).

3. Ihsan

Kalau diterjemah secara bahasa atau secara lughah, Ihsan maksudnya berbuat baik. Tetapi Ihsan yang bersifat rohaniah atau hati lain maksudnya. Ihsan ditakrifkan oleh Rasulullah SAW begini:

أنْ تَعْبُدَ اللهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

"Hendaklah kamu sembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Memang kamu tidak boleh melihat Tuhan tetapi hendaklah kamu sedar dan rasakan di dalam hati kamu, bahawa Tuhan melihat kamu." (Riwayat Muslim)

Ihsan itu ialah apabila roh dan akal sedar bahawa Tuhan sedang melihat. Rasa Tuhan melihat, mendengar, mengetahui dan rasa Tuhan berkuasa mentadbir diri kita. Ada rasa kehambaan dan rasa bertuhan ketika kita laksanakan perintah dan suruhan Tuhan. Itu sangat sulit kalau jiwa tidak hidup yakni kalau rasa bertuhan tidak ada. Rasa bertuhan itu bukan di waktu beribadah sahaja. Waktu tidur dan berehat pun, rasa bertuhan itu patut ada. Bagaimana? Bayangkan, kalaulah ada seekor harimau di depan kita, bolehkah kita lupakan harimau itu seolah-olah ia tidak ada dan tidak wujud? Kalau ada harimau di depan kita, bolehkah kita makan dan minum serta melupakan harimau itu begitu sahaja? Bukan sahaja hendak lupakan harimau, hendak makan pun kita tidak lalu. Tidak tentu arah kita dibuatnya. Harimau tidak sehebat mana. Tuhan maha hebat. Nasib kita di dunia dan di Akhirat adalah di tangan-Nya. Kalau Dia kata mati, matilah kita. Kalau Dia kata miskin, akan miskinlah kita. Jadi, bagaimana kita hendak lupakan Tuhan. Itulah Ihsan. Yakni, waktu ibadah fardhu dan sunat atau di luar ibadah, terasa Tuhan melihat dan memerhati. Terasa bahawa Dia yang berkuasa di atas diri kita dan serba salah dan tidak tentu arah kita dibuatnya.

Ihsan ini sangat susah untuk diamalkan. Ia ada di dalam ibadah dan ada di luar ibadah. Waktu puasa ada Ihsan, di luar puasa pun ada Ihsan. Waktu sembahyang ada Ihsan, di luar sembahyang pun ada Ihsan. Begitu juga waktu haji. Di dalam dan di luar haji ada Ihsan. Ertinya rasa bertuhan tidak boleh hilang. Rasa bahawa Tuhan itu berkuasa tidak boleh hilang. Rasa Tuhan itu melihat, mengetahui dan berkehendak tidak boleh hilang. Inilah yang dimaksudkan oleh sepotong ayat Al Quran:

Maksudnya: "Orang yang mengingati, terkenang-kenangkan Allah di waktu berdiri, duduk dan ketika berbaring." (Ali Imran: 191)

Ertinya, bukan sahaja di dalam ibadah malahan di luar ibadah, sewaktu sedang bekerja, sedang membeli belah, sedang berjalan, sedang memasak, semua ingat dan terkenang-kenangkan Allah. Inilah rukun Ihsan. Rukun Ihsan itu satu sahaja iaitu rasa bertuhan, seperti rasa diawasi, rasa dilihat dan rasa Tuhan sentiasa menguasai kita.

IBADAH ITU BERTUJUAN UNTUK MENDIDIK

Ibadah itu sama ada ibadah lahir yang terangkum di dalam syariat, lagilah ibadah batin atau ibadah hati yang terangkum di dalam Tauhid dan Tasawuf, ianya bertujuan untuk mendidik. Ia makanan bagi jiwa. Ia dapat membina dan memberi kekuatan kepada jiwa. Ia boleh menambah taqwa. Supaya ibadah itu dapat mendidik, mesti ada disiplinnya yakni mesti ada ilmunya, difahami, diyakini dan dihayati. Ilmu itu benda mati. Faham itu bila ilmu dapat mencetuskan rasa. Yakin itu bila pegangan kuat dan tidak goyang dan penghayatan itu ialah apabila hati, roh dan jiwa turut sama dalam beribadah.

Ilmunya sudah tentu penting kerana tanpa ilmu, kita tidak akan tahu cara yang sebenar untuk beribadah dan tanpa ilmu, ibadah kita pasti akan tertolak. Tuhan tidak terima ibadah yang dibuat tanpa ilmu.

Faham lebih penting lagi sebab faham itulah hikmahnya. Faham itu ialah ilmu dalam ilmu. Kalau tidak faham, batin atau roh ibadah akan rosak. Yakin perlu supaya hati kita tidak dilanda syak, ragu, zan dan waham yang akan merosakkan ibadah kita.

Kemuncak dari ilmu, faham dan yakin itu adalah penghayatan. Penghayatan itu ialah apabila ilmu, faham dan yakin itu

betul-betul menjadi roh kita, otak kita, hati kita dan sikap kita. Apabila sesuatu ibadah itu sudah dihayati. Maka ibadah itu akan menjadi sumber didikan, sumber kekuatan jiwa dan akan menambah taqwa.

Solat contohnya, yang merupakan tiang agama dan ibu bagi segala ibadah adalah satu modul didikan dan latihan jiwa yang lengkap. Segala unsur keinsanan terlibat dalam solat termasuk anggota lahir, lidah, akal dan hati. Kalau solat dapat dibuat dengan khusyuk, tawadhuk dan khuduk dan dapat difahami, dihayati dan dijiwai segala apa yang dibaca dan dilafazkan, maka akan timbul rasa bertuhan dan rasa kehambaan di dalam hati kita. Rasa bertuhan adalah rasa Allah sentiasa melihat, mengawasi dan mengetahui tentang diri kita. Rasa Allah Maha Besar, Maha Agung, Maha Kaya dan sebagainya. Rasa kehambaan pula adalah rasa hina, bersalah dan berdosa di sisi Tuhan. Rasa lemah, dhaif dan bergantung harap kepada Tuhan.

Rasa bertuhan akan menyuburkan sifat-sifat mahmudah dalam hati kita. Rasa kehambaan pula akan memusnahkan dan membakar sifat-sifat keji atau mazmumah dari hati kita. Solat yang sempurna dan lengkap lahir batinnya akan menjadikan kita orang yang kuat keyakinan, kuat iman, baik akhlak, berdisiplin, bersih lahir dari maksiat dan kemungkaran, kuat syariat dan bersih jiwa dari sifat-sifat keji dan tercela.

Begitu juga puasa. Kalau dilaksanakan berserta rohnya dan ada penghayatannya, jiwa kita yang jahat dan tenat dapat dipulihkan. Mazmumah dipulihkan kepada mahmudah. Kegelisahan dipulihkan kepada ketenangan. Fitrah dapat dikembalikan semula kepada keadaan asal semulajadinya yang suci dan tenang.

Zakat pula sepatutnya dapat mengungkai sifat-sifat tamak dan bakhil. Zakat, kalau dihayati boleh menyembuhkan penyakit cinta dunia dan mendatangkan rasa belas kasihan dan kasih sayang terhadap fakir miskin.

KENAPA SELAMA INI IBADAH TIDAK MENDIDIK KITA

Sebab pertama ialah kerana selama ini kita diberi ilmu tentang ibadah hanya yang bersangkut-paut dengan hukum-hakamnya sahaja iaitu tentang syarat, rukun, sah dan batalnya sahaja. Oleh itu dalam ibadah, itulah perkara yang kita jaga sangat-sangat dan tidak lebih dari itu. Ilmu lain tentang ibadah termasuk falsafahnya tidak diajar. Kefahaman tidak diajar. Penghayatan tidak diajar. Hasilnya segala ibadah yang kita buat, kalaupun sah dan cukup syarat rukunnya, tetapi tidak dapat dihayati.

Apabila ibadah tidak dihayati, maka rugilah kita kerana ibadah kita itu tidak mendidik kita. Hati kita tidak berubah walaupun kita sudah beribadah berpuluh-puluh tahun lamanya malahan sepanjang hidup kita. Ibadah kita tidak menjadi makanan bagi jiwa. Ia tidak membentuk dan menguatkan jiwa kita. Ia tidak menambahkan taqwa kita. Lebih malang lagi, ibadah kita itu tidak sampai kepada Tuhan.

Ilmu ibadah yang kita belajar selama ini tidak langsung menyentuh soal roh ibadah atau hikmah dalam ibadah. Sebab itu kita lihat, orang yang banyak ibadah dan banyak sembahyang, ibadah dan sembahyang mereka tidak memberi apa-apa kesan di dalam diri dan hati mereka. Akhlak mereka tidak banyak berubah. Bahkan orang yang banyak ibadah dan sembahyang selalunya menjadi beku, jumud, pasif dan tidak produktif.

Kedua adalah kerana kebanyakan orang tidak ada ilmu dan tidak faham tentang Tuhan. Oleh sebab itu ibadah mereka tidak memberi kesan. Ibadah termasuk sembahyang bukan untuk mengajar atau memahamkan manusia tentang Tuhan. Manusia sepatutnya sudah ada ilmu dan sudah faham tentang Tuhan sebelum mereka beribadah atau sebelum mereka sembahyang. Ibadah dan sembahyang itu hanya untuk mengingatkan dan menyedarkan manusia tentang Tuhan sebab manusia itu sering lupa.

Ibadah dan sembahyang hanya akan memberi kesan kepada orang yang sudah ada ilmu dan faham tentang Tuhan. Orang yang tidak faham Tuhan, ibadah dan sembahyangnya tidak ada erti apa-apa. Dia tidak akan dapat rasa bertuhan dalam ibadahnya kerana dia tidak tahu dan tidak faham Tuhan. Itu sebab sebelum kita bersyariat, Tauhid kena selesai dahulu. Hadis ada menyebut, *"Awal-awal agama mengenal Allah*."

CONTOH SEJARAH ORANG-ORANG BERTAQWA

Rasulullah pernah bercerita tentang Sayidina Abu Bakar yang tinggi darjatnya di sisi Allah lebih kurang begini:

> *Apa yang hebat pada Abu Bakar di sisi Tuhan itu bukan sembahyangnya, bukan puasanya, bukan sedekahnya, bukan jihadnya padahal semua itu hebat belaka. Tetapi yang hebat di sisi Tuhan itu ialah apa yang ada di dalam hatinya.*

Walaupun faktor lahir Sayidina Abu Bakar itu begitu hebat sekali tetapi Tuhan tidak pandang itu semua. Tuhan nilai faktor dalamannya. Diceritakan lagi bahawa dalam satu majlis, Rasulullah SAW sedang bercakap kepada para Sahabat, "*Tidak lama lagi akan datang ke majlis kita ini seorang ahli Syurga*."

Tidak lama selepas itu, orang itu pun datang lalu memberi salam. Rasulullah SAW pun berkata, "*Silakan*."

Itulah orangnya yang Rasulullah SAW sebut bahawa dia ahli Syurga. Rupanya, ada Sahabat yang ambil perhatian. Apakah kelebihan orang ini? Selepas majlis selesai, Sahabat tersebut mengekori orang tadi balik ke rumah tanpa disedarinya. Setelah sampai, dia bertanya, "*Bolehkah saya menumpang bermalam di rumah saudara?*" Orang tadi berkata, "*Ahlan wasahlan, silakan*."

Tujuan Sahabat itu menumpang bermalam adalah untuk melihat apa kelebihan orang itu kerana dalam ramai-ramai Sahabat, yang ini disebut khusus oleh Rasulullah sebagai ahli Syurga. Sahabat yang menumpang bermalam itu tidak tidur tetapi dia memerhati sahaja sampai ke subuh. Dilihatnya tidak ada sesuatu pun yang istimewa. Orang itu sembahyang yang fardhu sahaja. Sunat rawatib pun dia tidak buat. Malam pun dia tidak bangun untuk tahajud. Padahal Sahabat itu sendiri tahajud malam, sembahyang sunat, berwirid, berzikir dan membaca Al Quran. Pening dia memikirkan. Beginikah ibadah ahli Syurga?

Selepas sembahyang Subuh, mereka berbual. Sahabat itu berkata, "*Semalam, sebelum saudara datang ke majlis, Rasulullah ada menyebut, 'Sekejap lagi akan datang ke majlis ini seorang ahli Syurga'. Tiba-tiba saudara datang. Jadi, saudaralah orangnya. Tujuan saya minta bermalam di rumah saudara adalah untuk melihat amal ibadah saudara untuk saya tiru. Tetapi saya tengok, semalam tidak ada apa-apa pun. Saudara sembahyang yang fardhu sahaja. Apakah rahsia sebenar saudara boleh menjadi ahli Syurga?*"

Orang itu menjawab, "*Wahai saudara, dalam hidup ini, saya bukan sahaja tidak ada hasad dengki, fikir untuk berhasad dengki pun tidak.*"

Rupanya, faktor dalaman iaitu kebersihan hati itulah yang besar. Orang itu bukan setakat tidak berhasad dengki, niat atau teringat hendak berhasad dengki pun tidak ada.

Ada satu lagi contoh lain yang berlaku di zaman Rasulullah. Pada satu masa, ada seorang Sahabat yang menceritakan kepada Rasulullah SAW, "*Saya ada seorang jiran yang kuat ibadahnya. Malam dia bertahajud, siang dia berpuasa sunat. Tetapi perempuan itu ada sedikit cacatnya. Dia sering menggunakan lidahnya untuk menyakiti hati jirannya.*" Rasulullah berkata, "*Dia adalah ahli Neraka.*"

Kalau dilihat pada lahiriah perempuan itu, memang hebat tetapi itu baru 10%. Dalamnya rosak sebab ada hasad dengki. Walaupun cacatnya satu sahaja tetapi ia besar. Macam orang cantik tetapi dalam badannya ada barah. Apa erti cantik, apa erti hidung mancung dan apa erti kulit putih melepak kalau dalam badan ada barah.

RUMUSAN TENTANG RUKUN TAQWA

Kini baru kita tahu bahawa rukun taqwa itu ialah Iman, Islam, dan Ihsan. Dalam ke tiga-tiga perkara tersebut ada pula rukun-rukunnya lagi yang dikatakan rukun dalam rukun. Dalam rukun Iman ada empat rukun, dalam rukun Islam ada lima rukun dan dalam rukun Ihsan ada satu rukun. Kebanyakan rukun-rukun tersebut menyuluh hal dalaman atau batiniah. Hanya satu sahaja yang menyuluh hal luaran atau hal lahiriah (fizikal). Jadi apa yang kita dapat faham dari hakikat ini, taqwa itu sebenarnya adalah 90% sebenarnya faktor dalaman, 10% sahaja faktor luaran. Ertinya Tuhan mesti dihayati. Ibadah mesti dihayati. Tidak cukup ibadah sekadar syarat, rukun, sah dan batal sahaja. Tidak ada makna kalau ibadah itu cukup syarat, rukun dan sah pula pada hukum syarak tetapi tidak dihayati atau dijiwai. Tuhan mesti dihayati supaya lahir rasa kehambaan. Ini yang Tuhan mahu. Inilah jalan mendapat taqwa.

Dalam sembahyang contohnya, tidak munasabah kita sembah Tuhan kalau kita tidak kenal Tuhan dan kita tidak rasa yang Tuhan itu hebat. Apa erti penyembahan kalau kita tidak kenal siapa yang kita sembah. Macam kita kenal harimau. Tidak payah berusaha hendak rasa takut. Automatik kita takut sebab kita kenal harimau. Begitu juga dengan Tuhan. Kalau kita kenal Tuhan, tidak payah berusaha untuk rasa takut. Takut akan datang sendiri. Kita tidak rasa takut sebab kita belum kenal Tuhan. Sembahyang bukan setakat penyembahan fizikal. Ia adalah pergerakan roh, hati dan perasaan.

Oleh itu hendak menjadi orang bertaqwa, faktor dalaman inilah yang paling penting sebab ia merangkumi 90% dari taqwa. Kalau setakat buat yang lahir sahaja walau sebanyak mana sekalipun, ia baru 10% dari taqwa. Contohnya, katalah seorang ahli ibadah yang ibadahnya cukup banyak, segala sembahyang fardhu dan sunat dia buat. Sembahyang sunatnya sahaja ada sunat Isyrak, Dhuha, sunat Wudhuk, sunat Mutlak, sunat Tahiyatul Masjid dan bermacam-macam sembahyang sunat lagi yang ada tiga puluh tiga jenis kesemuanya. Begitu juga dari segi puasa. Puasa Ramadhan dan segala macam puasa sunat dia buat. Begitu juga haji. Segala macam jenis haji dia buat termasuk umrahnya sekali. Ditambah pula dengan membaca Al Quran, wirid dan zikir. Ini semua bukan mudah untuk dilaksanakan. Kita boleh jadi letih dan lesu. Tidak ramai orang mampu buat semua ini.

Namun kalau ada pun orang yang larat dan mampu buat semua itu, ianya baru 10% dari taqwa. Walaupun ditambah dengan berjuang dan berdakwah, tetap ianya 10% juga. Dengan segala amal, usaha dan ibadah lahiriah itu, seseorang itu tidak akan dapat jadi orang yang bertaqwa. Peluang untuk mendapat taqwa hanya 10%. Begitulah orang abid atau ahli ibadah. Walaupun ibadah lahiriahnya banyak dan hebat, rukun dalamannya tidak diambil berat. Rukun dalaman yang mencakupi 90% dari taqwa itu bagaimana? Buat yang 10%, tinggal yang 90%, masakan boleh berjaya.

Di sini jelas dan terbukti bahawa taqwa itu ditentukan oleh faktor dalaman sekadar 90%. Faktor luaran hanya 10%. Kalau orang boleh memperhebatkan dalamannya dan yang luar buat hanya yang wajib sahaja pun sudah cukup. Dengan itu, peluang mendapat taqwa lebih banyak. Tetapi kalau faktor luar hebat, dalaman sedikit sangat, dia tetap dianggap zalim atau fasik. Nerakalah tempatnya kalau tidak diampun Tuhan. Jangan kita tertipu dengan luaran sahaja. Jangan kita tertipu dengan banyak sembahyang, banyak puasa, banyak wirid, banyak baca Quran,

banyak berdakwah kerana itu luaran sahaja. Taqwa itu 90% faktor dalaman.

Umat Islam tertipu bila bangga dengan sembahyang, bangga dengan haji, bangga dengan umrah, bangga dengan sedekah, bangga dengan berjuang, bangga dengan berdakwah. Tetapi faktor dalaman tidak pernah dijaga. Mazmumah bersarang di hati. Rasa bertuhan tidak ada, rasa hamba tidak ada, rasa cinta Tuhan tidak ada, rasa Tuhan hebat tidak ada, gerun dengan Tuhan pun tidak ada. Maka yang luar tidak ada nilai apa-apa. Itupun kalau yang luar dapat dibuat semuanya. Kalau dapat buat sikit-sikit dapatlah beberapa peratus. Selalunya kalau faktor luar bukannya kita akan dapat 10% hanya 3% sahaja. Bukannya kita larat hendak buat 33 jenis sembahyang sunat dan ibadah-ibadah sunat yang lain.

Jadi, umat Islam hari ini hancur, pecah belah, haru-biru adalah kerana faktor dalaman tidak selesai. Rukun kepada rukun iman sudah jatuh. Rukun kepada rukun Islam sudah jatuh. Rukun kepada rukun Ihsan sudah jatuh. Akhirnya, rukun Iman, Islam dan Ihsan tidak ada erti apa-apa lagi. Sembahyang banyak mana pun tidak ada apa-apa makna. Hafal rukun iman pun tidak ada peranan apa-apa. Maka tidak pelik kalau perangai tidak berubah. Masih lagi mengata orang, menghina dan marah orang. Sebab memang tidak pernah diajar bahawa faktor dalaman itu penting. Yang dianggap penting selama ini ialah faktor luaran. Dalam Islam, faktor dalaman penting. Tetapi ini tidak pernah diajar. Taqwa itu ditentukan oleh faktor dalaman 90% dan faktor luaran hanya 10%.

SAJAK 3

Orang Bertaqwa Dengan Tuhannya

Tuhan memberi nikmat kepada orang yang bertaqwa
kerana kasih sayang-Nya
Jika diberi kepada mereka sedikit, kasih sayang-Nya juga
Kerana Tuhan hendakkan mereka lebih mulia
dan disimpan aset itu sebagai harta di Syurga
Kalau diberi banyak pula itu juga adalah kasih sayang-Nya
Kerana dengan nikmat yang banyak itu
dapat diagih-agih kepada orang lain pula
Dapat pula melahirkan syukur
dan ramai pula orang terbela
Sekiranya orang yang bertaqwa itu diuji dan dibala
Itu juga adalah kasih sayang Tuhan kepada mereka
Agar dosanya diampun atau ditinggikan darjat mereka
di Syurga
Sungguh indah perbuatan Tuhan
kepada orang yang bertaqwa
Senang dan susah, miskin dan kaya, sakit dan sihat
ada nilainya di sisi Tuhan
Kerana itulah orang yang bertaqwa
di dalam keadaan apa pun dia tenang sahaja
Susah dan senang sama sahaja
Di waktu senang tidak pula terlonjak-lonjak,
di waktu susah tidak pula rasa derita
Mereka faham kerja-kerja Tuhan kepada mereka
Mereka boleh menerima apa sahaja dari Tuhannya,
jiwanya senang dan tenang sahaja
Begitulah hidup orang mukmin bersama Tuhannya

7

Wasilah

- *Jalan Wasilah*
- *Jalan Jihad (Berjuang)*

Dalam bab ini, kita hendak memperkatakan tentang wasilah. Wasilah bukan syarat. Ia juga bukan rukun. Ia lebih kepada kaedah atau *method*. Pada bahasa, wasilah bermaksud perantaraan. Tetapi pada syarak, maksudnya berbeza dan perkara ini akan diterangkan seterusnya.

Mari kita baca satu ayat yang menerangkan bagaimana kita boleh dapat taqwa dari Tuhan. Macam mana hendak dapat taqwa. Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَٱبۡتَغُوٓاْ إِلَيۡهِ ٱلۡوَسِيلَةَ
وَجَٰهِدُواْ فِي سَبِيلِهِۦ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ •

Maksudnya: "Wahai orang mukmin, hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah, hendaklah kamu mencari wasilah atau jalan untuk sampai bertaqwa pada Tuhan dan hendaklah kamu berjuang pada jalannya, moga-moga kamu mendapat kemenangan (di dunia dan di Akhirat)." (Al Maidah: 35)

Taqwa itu penting. Kita telah huraikan sebelum ini bahawa ia merupakan aset umat Islam dunia dan Akhirat. Untuk mendapatkannya seperti dalam ayat di atas ada dua jalan:

1. **Wasilah** iaitu perantaraan yang sampai kepada Tuhan termasuk jalan-jalan supaya kita dipelihara Tuhan.
2. **Jihad (berjuang)** pada jalan Allah.

JALAN WASILAH

Apa maksud wasilah? Wasilah di sini ada dua pengertian iaitu:

a. Membuat kerja-kerja kebaikan, kebajikan dan amal-amal soleh yang berbentuk *hablumminallah* dan *hablumminannas*. Kita akan sampai dipelihara Tuhan nanti. Kita akan sampai kepada Tuhan. Ertinya Tuhan terima, Tuhan redha lalu Tuhan akan jamin keselamatan kita dunia dan Akhirat.

b. Pengertian yang lebih utama dari pengertian di atas ialah kita perlu cari guru atau mursyid untuk memimpin kita kepada Tuhan. Wasilah di sini maksudnya guru atau mursyid yang memimpin dan mendidik. Jadi, cari wasilah dengan maksud yang kedua ialah cari guru yang memimpin kita kepada Tuhan supaya sifat taqwa itu dapat kita miliki atau dengan kata-kata lain, kita dapat perlindungan dari Tuhan. Kalau tidak ada guru atau mursyid yang membawa dan memimpin kita maka kita tidak akan sampai kepada Tuhan. Walau seseorang itu alim atau kuat beribadah macam mana pun tetapi kalau tidak ada mursyid, insya-Allah dalam bab agama, syaitanlah yang akan memimpinnya.

Sebab itu Sayidina Ali ada berkata, *"Barang siapa yang tidak ada syeikh atau guru maka syaitanlah yang akan menjadi gurunya."*

Bila kita baca sejarah silam, ramai ahli abid yang sudah zuhud, yang sudah menghabiskan masa dengan beribadah, yang sudah terputus dengan hal-hal dunia hingga kagum kita dengar tetapi ramai disesatkan syaitan. Dalam Quran diceritakan kisah Bal'am, Barsisa dan lain-lain lagi yang disesatkan syaitan sebab mereka tidak ada guru, tidak ada mursyid. Begitu hebat ibadah mereka sampai tinggal dunia tetapi rupanya dalam bab agama, syaitan menjadi guru atau mursyid mereka. Jadi, kita kena cari wasilah iaitu guru mursyid. Kalau di zaman rasul, Rasulullah guru mursyid. Di zaman khalifah maka khalifahlah

guru mursyid. Bila ada mujadid maka mujadidlah guru mursyid. Waktu ada mujadid maka ulama juga patut bergurukan mujadid. Kalau mereka bersendiri dan tidak mahu mencari mujadid sebagai mursyid, mereka akan tersesat, sekalipun mereka pakar tafsir, pakar feqah, pakar tasawuf atau pakar usuluddin. Berdasarkan ayat tadi maka wajib bagi kita mencari mursyid.

Maka fahamlah kita bahawa makna wasilah itu ada dua.

1. Wasilah itu adalah **amalan-amalan yang boleh mendekatkan kita kepada Tuhan**. Iaitu ibadah berbentuk *hablumminallah* dan *hablumminannas*.

   Banyak ibadah yang kita buat yang boleh mendatangkan kasih sayang dan belas kasihan Tuhan. Melalui ibadah-ibadah tersebut, Tuhan bantu kita dan Tuhan campurtangan dan permudahkan urusan kita. Tuhan jauhkan bala bencana dari kita. Tuhan ampunkan dosa kita. Di samping ibadah asas, ibadah-ibadah ini termasuklah bertaubat, menebus dosa, sembahyang malam, bersedekah, berkasih sayang, bermaaf-maafan, sembahyang hajat dan sebagainya.

2. **Wasilah itu juga adalah guru mursyid yang boleh memimpin kita kepada Tuhan**, yang boleh membawa kita kepada Tuhan, yang boleh mendekatkan diri kita kepada Tuhan. Termasuklah di sini tarekat dan amalan tarekat kerana ia adalah platform untuk mursyid memimpin dan mendidik kita di samping ia adalah saluran barakah. Tarekat itu termasuk wasilah. Rugilah orang yang tidak ada atau belum ada tarekat. Ada Hadis yang mengatakan:

Maksudnya: "Hendaklah kamu bersama Tuhan, kalau tidak boleh, maka hendaklah kamu bersama orang yang boleh bersama Tuhan (yang boleh memimpin kita kepada Tuhan)."

Wasilah melalui perhubungan atau perantaraan orang-orang Tuhan dikatakan juga tawasul. Kita rujuk kepada doa yang

kita baca selepas azan yang berbunyi:

آت سيدنا محمدا الوسيلة

M*aksudnya: “Wahai Tuhan, Engkau jadikanlah Nabi Muhammad itu wasilah bagi kami.”*

Maksud doa ini ialah kita minta kepada Tuhan supaya Nabi Muhammad itu menjadi wasilah atau perantaraan kita sebab belum tentu Rasulullah mahu menjadi wasilah bagi kita. Walaupun Rasulullah itu memang berperanan sebagai wasilah (penghubung atau perantaraan) kita dengan Tuhan tetapi belum tentu dia mahu menjadi penghubung untuk semua orang. Ada orang dia tolak dan tidak mahu jadi penghubung baginya. Rasulullah SAW hanya mahu menjadi wasilah bagi orang-orang soleh. Ini yang kita takutkan. Oleh itu kita berdoa secara khusus agar Tuhan jadikan Rasulullah itu wasilah bagi kita.

Wasilah itu pula ada wasilah lahir dan ada wasilah batin. Contoh wasilah lahir, Rasulullah mendapat wahyu dari Allah dan disampaikan wahyu itu kepada kita. Rasulullah juga belajar dengan Allah bagaimana hendak berakhlak dan bagaimana hendak hidup cara Islam. Kita pun melihat dan kita tiru dia. Kita jadikan dia sebagai contoh. Maknanya ketika itu dia menjadi wasilah lahir kita. Dia jadi perantaraan atau orang tengah.

Wasilah batin pula adalah wasilah yang bersifat rohaniah, Rasulullah itu perlu kita kaitkan dalam semua ibadah dan doa kita. Contohnya, dalam dua kalimah syahadah, ada syahadah Allah dan ada syahadah Rasul. Kalau tidak ada syahadah Rasul, maka syahadah kita tidak sah. Dalam berdoa, kita disuruh bermula dengan selawat dan disudahi dengan selawat kedua. Rasulullah itu boleh membantu dan menolong kita secara rohaniah walaupun Baginda sudah wafat namun rohnya adalah *muqaddasah* (suci) dan *mutasarrif* (boleh berperanan).

Di samping Rasulullah SAW, pemimpin yang berwatak rasul atau mujadid di setiap zaman itu adalah juga sebagai wasilah.

Mereka boleh menolong kita secara rohaniah terutama dalam hal-hal membaiki diri dan mengusahakan taqwa.

Itulah maksud wasilah. Mencari wasilah itu untuk tujuan menjaga dan memelihara diri kita, untuk keselamatan kita dunia dan Akhirat. Wasilah itu adalah jalan kepada Tuhan.

JALAN JIHAD (BERJUANG)

Selain itu walaupun kita ada wasilah, ada guru yang memimpin kita untuk membuat amalan-amalan kebajikan dan amalan-amalan soleh yang berbentuk *hablumminallah* dan *hablumminannas,* kita mesti ada jihad perjuangan. Tidak ada jihad, tidak boleh pergi. Jadi kalau ditafsirkan ayat tadi, tidak boleh kita pisahkan antara jihad dan wasilah itu sendiri. Hendak laksanakan wasilah kita tidak akan mampu kalau tidak ada jihad. Sama ada jihad melawan hawa nafsu atau jihad melawan musuh-musuh luar yang agak mengganggu. Yang paling mengganggu adalah nafsu. Walaupun ada wasilah guru penunjuk jalan dan ada wasilah membuat amalan-amalan soleh yang juga adalah hasil dari tunjuk ajar guru tetapi untuk berjaya, ia terpulang pada diri kita sendiri. Guru sudah tunjuk jalan. Kejayaannya ditentukan oleh sejauh mana kita boleh berjihad dan bermujahadah.

Kalau boleh mujahadah, boleh berjihad dengan baik sama ada mengenai musuh-musuh luar lebih-lebih lagi terhadap musuh batin, di mana jihad itu menggunakan wasilah, barulah boleh sampai kepada Tuhan. Jadi tidak boleh dipisahkan antara jihad dengan wasilah. Jihad itu sendiri adalah kerana hendak melakukan dua perkara tersebut iaitu hendak manfaatkan **wasilah** dan hasil dari tunjuk ajar guru supaya dia dapat **mujahadah**. Hendak bermujahadah itu banyak gangguannya.

Sebab itu Tuhan senaraikan wasilah, selepas itu jihad. *Wajahidu fisabilihi*. Jadi kalau wasilah itu kita faham dan kita hayati, untuk menjayakannya menggunakan jihad atau mujahadah

iaitu mujahadah ke luar dan ke dalam dengan ilmu, dengan faham, dengan pimpinan dan dengan mujahadah maka apa kata Tuhan: *'la'allakum tuflihun'* (moga-moga kamu mendapat kemenangan dunia dan Akhirat).

Itupun Tuhan baru kata 'moga-moga', masih tidak *confirm*. Padahal Tuhan sudah tunjukkan jalan. Kita pun sudah faham jalan tetapi Tuhan kata 'moga-moga sahaja engkau mendapat kemenangan'. Ertinya di situ ada rahsia. Mungkin di hujung-hujung ada kebimbangan. Sebab syaitan akan buru kita sampai mati. Takut-takut di hujung di waktu *sakaratul maut*, kita terkandas. Sebab itu Tuhan berkata, 'moga-moga engkau mendapat kemenangan'. Tuhan masih tidak menetapkan kerana syaitan tunggu. Walaupun di perjalanan, syaitan tidak berjaya menipu tetapi dia tunggu di hujung. Begitu berdendamnya syaitan. Kalau waktu nazak dia dapat menipu, kita sudah tidak sempat bertaubat lagi. Kalau dalam perjalanan, masih ada peluang bertaubat. Kalau kita fikirkan ini, cemasnya menghadapi kematian. Bukan soal azabnya tetapi takut-takut kita kandas *last minute*. Sebab itu kalau orang fikir mati, hilang selera untuk buat maksiat.

Jadi taqwa itu penting iaitu semua sifat-sifat mahmudah yang dikehendaki perlu dimiliki. Rupanya hendak memiliki sifat taqwa bukan hanya sifat takut sahaja. Itu tidak cukup. Hendak memiliki sifat taqwa yang di dalamnya ada berbagai-bagai sifat mahmudah mesti ada wasilah. Wasilah ada dua iaitu guru serta tarekat dan amalan kita yang berbentuk *hablumminallah* dan *hablumminannas*. Untuk menjayakan wasilah, perlu kepada jihad iaitu mujahadah terhadap musuh luar tetapi yang utama ialah mujahadah terhadap musuh dalam iaitu nafsu dan syaitan yang sangat bahaya, lebih bahaya daripada musuh-musuh luar.

Jadi kalau kita faham erti taqwa, ada ilmunya, dihayati, ada guru yang memimpin dan mendidik kita serta kita gunakan tenaga jihad melalui mujahadah kita, insya-Allah, kita akan dapat kemenangan demi kemenangan dunia dan Akhirat.

8

Kesan Bila Tidak Bertaqwa

- *Contoh Kesan Ke Atas Manusia*
  1. *Ulama*
  2. *Pemimpin*
  3. *Orang Kaya*
  4. *Orang Miskin*
  5. *Kaum Ibu dan Wanita*
  6. *Pemuda dan Pemudi*

Taqwa adalah punca keselamatan dan kebahagiaan dunia dan Akhirat. Tanpa taqwa, kita tidak akan selamat dan tidak akan bahagia. Kita tidak akan terpelihara dan tidak akan dapat berlindung dengan Allah. Kita akan terdedah kepada pelbagai serangan nafsu dan syaitan. Natijahnya, kita tidak akan sampai kepada Tuhan dan hasilnya sangat rosak dan merosakkan. Kalau taqwa tidak ada dan nafsu bermaharajalela, kesannya amat buruk sekali.

CONTOH KESAN KE ATAS MANUSIA

Mari kita lihat beberapa contoh yang melibatkan beberapa golongan manusia:

1. Ulama

Bila taqwa tidak ada, para ulama akan dihinggapi oleh sifat-sifat atau penyakit-penyakit berikut:

a. Sombong atau ego
b. Ujub dan riyak
c. Hasad dengki
d. Susah untuk menerima kebenaran dari orang lain
e. Ingin berlawan terutama sesama ulama
f. Mempergunakan ilmu sebagai alat untuk kepentingan dunia, pangkat dan wang ringgit

g. Pemarah
h. Ingin dihormati (gila puji)
i. Kalau mampu, suka hidup bermewah-mewah.

Kalau hati tidak bertaqwa, maka mustahil akan kita temui mufti-mufti, tuan-tuan kadhi, ustaz-ustaz dan tuan-tuan imam yang merendah diri, yang merasai diri kurang, yang mengasihi orang lain sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri yang bersedia untuk ditegur walaupun oleh kanak-kanak, yang tidak suka menunjuk-nunjuk pandai dan kehebatan, yang menggunakan ilmu untuk kepentingan Allah dan kehidupan di Akhirat, yang mudah melupa dan memaafkan kesilapan orang lain, yang tidak suka dihormati dan dipuji kerana yang layak dipuji hanyalah Allah dan yang zuhud serta warak.

Bila tidak ada ulama yang bersifat begini, maka umat seolah-olah ketiadaan lampu penyuluh. Tinggallah mereka dalam gelap-gelita. Tidak tahu halal haram, tidak kenal Quran dan Hadis, tidak kenal Allah dan alam Akhirat, tidak pandai membezakan akhlak baik dan akhlak buruk, tidak faham apa yang boleh dan apa yang tidak boleh, juga tidak faham apa yang baik dan apa yang tidak baik. Maka hidup mereka tidak menentu. Kadang-kadang ke barat, kadang-kadang ke timur, terlanggar ke sana, terlanggar ke sini, terjunam ke lembah-lembah, tersungkur di jalanan dan macam-macam kacau-bilau lagi. Jarang dan mungkin tidak ada langsung umat yang selamat.

Maka jadilah apa yang sedang terjadi hari ini. Umat Islam tidak bertaqwa dan tidak ikut cara hidup Islam sepenuhnya. Kadang-kadang jadi macam Yahudi, macam Kristian, macam Hindu, macam Buddha, macam *Hippies*, macam *Punk*, macam *Skinhead*, ikut *rock*, ikut *metal* dan macam-macam lagi. Budaya dan tamadun Islam tidak ada dan tidak dapat dibangunkan dan diperjuangkan. Yang ada ialah budaya kuning, budaya campur aduk dan budaya kacau-bilau.

2. Pemimpin

Akibat ulama tidak bertaqwa maka mereka tidak dapat mendidik pemimpin atau penguasa agar jadi pemimpin yang bertaqwa. Bila pemimpin tidak bertaqwa, maka hatinya akan dikerumuni oleh nafsu-nafsu jahat. Antaranya ego, sombong, takabur, riyak, ujub, menzalim (diskriminasi), pilih kasih, gila kuasa, tidak adil, berburuk sangka, berhasad dengki terutama sesama pemimpin, menggunakan kuasa dan kepentingan untuk keuntungan dunia dan peribadi, menghukum sesuka hati, takut dengan rakyat sendiri, bersifat pemarah dan terlalu suka bermewah-mewah.

Kerana penguasa atau pemimpin tidak bertaqwa maka sukar sekali untuk kita mencari seorang menteri atau wakil rakyat atau presiden yang suka merendah diri dan merasa dirinya setaraf dengan orang lain. Tidak berbangga dengan kuasa, tidak rasa dirinya istimewa, berlaku adil dan berlemah-lembut, berbaik sangka, berkasih sayang sesama pemimpin, menggunakan kuasa untuk kepentingan Islam dan kehidupan di Akhirat, berhati-hati ketika menghukum, suka memaafkan dan hidup ala kadar iaitu sekadar memenuhi keperluan.

Bila hati pemimpin dan sikapnya sudah rosak, kotor dan jahat, maka sudah tentu pimpinannya akan turut rosak, kotor dan jahat sama ada mereka sedar atau tidak dan sama ada mereka mahu atau tidak. Pemimpin seperti ini bukan bekerja untuk menyelamatkan umat tetapi untuk mempertahankan kuasa. Buat kebaikan bukan secara rela tetapi terpaksa sebab takut dihukum atau dikata nista oleh rakyat. Dia berlaku zalim, kejam, bermewah-mewah dan berfoya-foya dengan maksiat dan kemungkaran.

Kalaupun ada pemimpin yang baik, yakni dia tidak buat semua itu, tetapi kalau tidak atas dasar taqwa, nescaya dia akan mencari juga kepentingan diri dan tidak tahan diuji. Dan ini akan membawa kepada seribu satu macam masalah kepada dirinya dan kepada rakyatnya. Pemimpin yang tidak bertaqwa

boleh menjadikan rakyat berpecah-belah, bergaduh dan bersenget hati sesama sendiri. Bahkan di kalangan pemimpin pun sama, mereka berdendam dan berdengki.

Apakah alasan berlakunya semua ini? Adakah sebab ekonomi tidak kukuh, sebab kebodohan rakyat, sebab kemajuan tidak seberapa atau sebab ilmu tidak ada. Sebenarnya semua ini disebabkan manusia-manusia yang tidak bertaqwa. Kalaulah masyarakat kita bertaqwa, nescaya Allah akan lepaskan kita dari sebarang kesulitan dan masalah dan akan menjadikan negara kita negara yang aman makmur dan mendapat keampunan Allah SWT.

3. Orang Kaya

Kalau orang kaya tidak bertaqwa maka jadilah hatinya penuh dengan sombong, ego, suka membazir, riyak, yakni suka menunjuk-nunjuk, menyalahgunakan harta seperti untuk mengumpan perempuan cantik, rasuah dan suka berlumba-lumba kekayaan terutama dengan orang yang sama-sama kaya. Dalam pada itu masing-masing saling kata-mengata.

Lihatlah hari ini mereka berbangga dengan rumah besar, kereta besar, harta banyak, perabot mahal dan lain-lain lagi. Mereka bercuti ke sana bercuti ke sini. Beli barang bukan di Malaysia tetapi yang diimport dari London, Paris dan sebagainya. Duit orang kaya lebih banyak daripada duit negara. Walhal mereka tahu bahawa masyarakat mereka miskin. Tabung perjuangan Islam sentiasa kosong malah terhutang-hutang. Negara tidak cukup duit untuk membiayai keperluan rakyat disebabkan orang kayanya berhati kejam dan sangat membazir. Dalam keadaan ini sampai bila pun manusia tetap akan berada di dalam keadaan tidak puas hati. Kecualilah, orang-orang kaya sanggup menjadi bank kepada rakyat, yang memberi pinjaman tanpa riba dan tidak minta dibayar di dunia. Sebab mereka faham bahawa kekayaan mereka Allah yang punya dan ia adalah

pinjaman dari Allah, sekaligus sebagai ujian untuk melihat siapa yang sedar diri tentang asal-usulnya.

4. Orang Miskin

Orang miskin kalau tidak bertaqwa maka tidaklah selamat hatinya dari sifat-sifat yang buruk seperti tidak sabar dengan kemiskinan hingga sanggup mencuri, menyamun, menipu dan membunuh. Mereka sangat hasad dengki dan sakit hati dengan orang yang kaya dan berada. Keinginan untuk kaya sangatlah tebal hingga bila tidak kaya-kaya juga, mereka jadi putus asa dengan Allah. Hal-hal yang sedemikian itu menyebabkan berlaku berbagai jenayah dalam masyarakat. Rompak, samun, seluk saku, ragut dan lain-lain bentuk kecurian menjadi pekerjaan tetap yang mendatangkan pendapatan yang lumayan. Hingga kerana itu, ramai manusia hidup dalam ketakutan, kalau-kalau rumahnya pula dimasuki pencuri.

Padahal tidak sepatutnya perkara-perkara seperti ini berlaku dalam masyarakat umat Islam. Kerana orang mukmin yang bertaqwa kalau dia miskin dia redha dengan takdir. Dia tidak terseksa dengan kemiskinan di dunia demi mengharapkan kekayaan yang Allah janjikan di Akhirat.

5. Kaum Ibu dan Wanita

Kaum ibu atau wanita kalau tidak bertaqwa maka kerja mereka ialah mengumpat, bersolek untuk menunjuk-nunjuk pada orang lelaki, gila dunia yakni gilakan perabot, hiasan, gelang, pakaian hingga lupa pada Allah dan lupa pada Akhirat. Seorang isteri yang tidak bertaqwa tidak akan dapat melayan dan mentaati suami dengan baik disebabkan tidak ada pada mereka sifat merendah diri pada suami dan sifat memandang mulia pada suami. Mereka bebas untuk keluar rumah dan menyusun program sendiri tanpa memikirkan sangat apa kata suami.

Bila kaum ibu berada dalam keadaan begini maka rumah tangga bukan lagi gelanggang cinta dan kasih sayang di mana suami terasa seperti berada di dalam sebuah mahligai yang penuh dengan kebahagiaan dan ketenangan di samping anak-anak yang terdidik dengan kasih sayang, akhlak mulia dan ilmu yang berguna.

Oleh kerana semua manusia ini inginkan kasih sayang dan kebahagiaan maka jika rumah tidak dapat menyediakannya, tentu mereka akan cari kebahagiaan di luar. Lalu terjadilah apa yang telah dan sedang terjadi. Disko, karaoke dan tempat manusia mencari kasih dan kebahagiaan secara keji dan haram itu sering penuh, bahkan merupakan suatu perniagaan yang sangat menguntungkan. Ada yang menagih kebahagiaan dari dadah, dari arak dan dari segala hiburan-hiburan yang kotor-kotor. Mereka menyangka itu semualah kebahagiaan hidup, tidak ada yang lain lagi walaupun mereka sedar bahawa melakukan semua itu bererti kehinaan dan kebinasaan hidup. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الدُّنْيَا كُلَّهَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ.

Maksudnya: "Sesungguhnya seisi dunia ini adalah perhiasan. Dan perhiasan yang paling baik ialah wanita (isteri) yang solehah." (Riwayat Muslim)

Semua orang tertarik pada perhiasan. Apalagi kalau alat perhiasan itu adalah sesuatu yang sangat baik. Jadi, kalau dalam sebuah rumah itu ada wanita solehah maka ahli-ahli rumah itu akan tertarik untuk sentiasa berada di rumah. Rumah adalah hiburan dan ketenangan bagi hati-hati mereka.

6. Pemuda dan Pemudi

Kalau pemuda atau pemudi tidak bertaqwa, maka jadilah mereka manusia yang suka berfoya-foya, bercinta-cintaan,

berlagak ke hulu ke hilir dan menunjuk-nunjukkan diri. Bahkan mereka sanggup menjadi kutu jalan. Kalau ada kesempatan mereka akan mengorat tanpa malu bahkan ini sudah jadi permainan yang lumrah. Rasa iri hati, cemburu dan hasad dengki sesama sendiri bersarang penuh dalam hati-hati mereka. Semua dapat kita saksikan dalam lakonan hidup mereka. Mereka sering berangan-angan, khayal dan lalai dari tugas-tugas yang sepatutnya. Kes-kes zina di kalangan muda-mudi yang turut melibatkan pelajar-pelajar sekolah sudah jadi perkara biasa dan seakan-akan mahu dibiarkan berterusan oleh masyarakat.

Mana ada satu sekolah yang muda-mudinya sedang memperjuangkan agama, bangsa, negara dan tamadun umat supaya kita jadi gagah dan mulia di mata dunia. Tidak ada. Yang ada hanyalah membina budaya lucah, gila harta, gila perempuan, gila pangkat dan saling berebutan hingga membuatkan jentera penggerak pembangunan tamadun kita jadi lemah dan lembab. Mereka tidak bekerja kalau bukan untuk makan gaji. Masa kosong dibuang di padang bola, bukan memikirkan projek pertanian, perindustrian dan lain-lain yang sungguh penting untuk kekuatan umat. Berapa kerat muda-mudi Islam yang dapat menunaikan sepenuhnya tuntutan sembahyang lima kali sehari itu? Maka sebanyak itu sajalah dari mereka yang dapat diharapkan. Selebihnya adalah pengganggu, perosak, pengacau dan penghalang perjuangan kebenaran.

Muda-mudi yang bertaqwa ialah orang-orang yang serius terhadap tanggungjawab pada agama, bangsa dan negara. Mereka menyediakan tenaga, masa, fikiran dan semangat untuk tugas sebagai khalifah Allah di dunia. Mereka sanggup tinggalkan budaya liar, berfoya-foya, berlepak dan berlagak serta bergaya tidak menentu.

Begitulah jauh bezanya antara umat yang bertaqwa dan tidak bertaqwa. Kalaulah kita dapat capai maqam ini, insya-Allah negara kita akan menjadi negara yang aman makmur

seperti yang kita laungkan dan idam-idamkan dan sebagaimana yang difirmankan oleh Allah SWT:

Maksudnya: "Negara yang aman makmur dan mendapat keampunan Allah." (As Saba': 15)

9

Taqwa Ibarat Pokok

- *Benih Taqwa*
- *Menanam Benih Taqwa*
- *Contoh Amalan Seharian untuk Menanam Benih Taqwa*
- *Kesilapan Umat Islam Kini*
- *Sajak 4*

BENIH TAQWA

Taqwa itu ada benihnya. Untuk ia memberi manfaat dan kebaikan, benih taqwa itu mesti ditanam hingga ia tumbuh menjadi pokok yang ada batangnya, dahan, ranting, daun, bunga dan akhir sekali buahnya. Buah taqwa itulah hasil yang boleh dinikmati di dunia dan di Akhirat. Kalau benih taqwa itu disimpan dan tidak ditanam maka ia tidak akan tumbuh. Maka tidak akan ada hasil atau buahnya untuk dinikmati. Benih akan hanya tinggal benih. Benih tidak akan berguna kepada sesiapa kalau ia tidak ditanam dan tidak tumbuh hingga mengeluarkan buah. Begitu juga kalau benih itu ditanam di tempat yang salah seperti di tanah yang tidak subur, di tanah berlumpur, di tanah berpasir atau berbatu. Pokoknya tidak akan tumbuh. Kalau tumbuh pun, ia tidak akan subur dan tidak akan menghasilkan buah.

MENANAM BENIH TAQWA

Rukun Iman, rukun Islam dan Ihsan adalah benih taqwa. Bagaimanakah dapat kita tanam benih taqwa ini hingga tumbuh batangnya, dahan, ranting, daun, bunga dan buahnya. Kalau kita tidak pandai menanam benih taqwa ini, bagaimanakah kita hendak dapat pokok dan buahnya? Setelah kita faham rukun Iman, rukun Islam dan Ihsan, termasuk rukun-rukun tambahan atau rukun dalam rukun di dalam rukun-rukun itu, macam mana hendak kita buat supaya ianya mendatangkan hasil.

Supaya Islam kita itu rendang dan lebat buahnya. Dilihat indah dan orang gemar dan rindu padanya. Kalau Islam benar-benar ditegakkan atas dasar taqwa, ia akan kelihatan cantik dan indah. Orang kafir pun akan suka dan rindu dan tidak tertahan-tahan untuk masuk Islam. Orang kafir tidak akan menghina Islam kerana fitrah manusia itu tidak akan menghina sesuatu yang murni dan indah kecualilah orang kafir yang hasad dengki dan berfikir kalau dia masuk Islam, dia akan rugi.

Untuk mempastikan benih taqwa itu ditanam sampai tumbuh dan melahirkan pokok dan buah, itulah kerja kita setiap hari. Dari bangun tidur hingga kita kembali tidur. Dalam kerja dan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita oleh kerajaan atau jemaah, sama ada sebagai pengarah, pegawai, pengurus, kerani, petugas, guru dan sebagainya di berbagai bahagian dan jabatan. Kalau kita bertanggungjawab, tidak curi tulang, tidak buang masa, kerja kita bersungguh-sungguh, ada kasih sayang, tetamu dan pelanggan dilayan dengan baik, berkerja pula di atas syariat Tuhan kerana takut dan cinta Tuhan, maka itu menanam benih taqwalah namanya. Ia akan melahirkan batang, dahan, ranting, daun, bunga dan buah taqwa. Itu baru tugas kita yang rasmi. Apatah lagi dalam apa yang kita buat di dalam hidup kita seharian yang berbentuk tidak rasmi. Di sini lagi banyak benih taqwa yang dapat kita tanam. Contohnya, kalau nampak sampah di premis, kita buang. Kita nampak duri, paku, serpihan kaca atau najis diperjalanan, kita buang. Kita mentadbir dan mendidik keluarga. Kita berjiran. Kita berkawan. Itu semua adalah menanam benih taqwa.

CONTOH AMALAN SEHARIAN UNTUK MENANAM BENIH TAQWA

Bila kita keluar berkereta setiap hari lepas subuh dan tiba di persimpangan jalan, hati kita berkata, *"Di sini aku hendak dapat taqwa. Aku akan beri laluan kepada orang."*

Itulah taqwa. Tetapi jika kita berkata, *"Ikut undang-undang, ini aku punya laluan. Buat apa aku beri laluan pada orang lain."*

Betullah itu kalau mengikut undang-undang. Tetapi kita tidak akan dapat taqwa sebab kita tidak mahu korbankan hak kita untuk orang lain.

Kemudian kita terlihat pula ada orang berjalan kaki. Kita pun berkata, *"Ini peluang untuk dapat taqwa."* Maka kita tumpangkan dia. Itulah taqwa. Kita tolong orang. Kita berkhidmat untuk orang. Kita hiburkan orang. Mungkin dia sudah letih dan sudah berjam-jam membuang masa menunggu bas. Kita jalan lagi. Kita angkat tangan kepada orang. Lebih-lebih lagi kita ucapkan, *"Assalamualaikum."* Itu taqwa lagi. Di persimpangan jalan pun sudah berapa banyak amalan taqwa yang boleh kita buat.

Kemudian, kita singgah di gerai untuk minum. Duit ada lebih sedikit. Kita belanja orang sebelah minum. Lagi besar dapat taqwa. Di gerai itu, ada nasi lemak, ada lauk ikan, lauk daging dan ayam. Dengan nasi lemak dan lauk-pauk itulah kita boleh dapat taqwa kalau kita jamu dan belanja orang makan. Tetapi pernahkah kita diajar begitu? Sanggupkah kita berbuat begitu? Tahukah kita bahawa itu taqwa? Sudah banyak kali kita dengar khutbah Jumaat, *"Ittaqullah!" "Bertaqwalah kamu kepada Allah!"* Tetapi tidak ada kefahaman dan penghayatannya.

Umat Islam bukan sahaja dilarang bermusuh tetapi diminta berbuat baik kepada orang yang berbuat jahat kepadanya. Itulah batang, dahan, ranting, daun, bunga dan buah di atas benih taqwa. Bila bertemu orang yang kita tidak kenal, tersilap cara kita bercakap dengannya, kita minta maaf dan kita merendah diri kepadanya. Itulah taqwa. Bukan susah sangat hendak cari taqwa. Apabila orang pula bersalah dengan kita dan dia tidak meminta maaf, kita berkata pada Tuhan, *"Saya hendakkan taqwa, maka saya maafkan orang itu."* Insya-Allah kita akan mendapat taqwa walaupun orang itu tidak meminta maaf. Ini

yang digalakkan. Kita berjiran. Bila ada makanan lebih, kita beri kepada jiran. Kalau dia bersalah, kita maafkan dia. Kita jaga keperluannya. Dengan jiran pun sangat banyak sifat taqwa yang boleh kita miliki. Kalau kita terbuat salah, sama ada sedar atau tidak, kemudian ada kawan menasihati kita, maka kita berterima kasih kepadanya dan pada Tuhan. Itulah taqwa. Jangan pula kita marah, herdik atau menghina dia kerana menasihati kita. Itu sombong namanya. Bagaimana kita boleh jadi sombong walhal menerima nasihat itu adalah taqwa.

Kita ke pasar membeli ikan. Kebetulan kita ada duit lebih. Apa salahnya kita belikan orang sebelah kita dua, tiga ekor ikan demi untuk mendapat taqwa. Peluang di depan mata kita tidak ambil. Kita hendak cari taqwa di surau dan di masjid sahaja. Benih taqwa boleh tumbuh di mana-mana bukan sahaja di surau dan di masjid.

Benih taqwa boleh tumbuh dalam kehidupan seharian, di pasar, di gerai, di kedai, di jalanan, di pejabat, di sekolah, waktu bertemu dengan kawan, dengan jiran, dengan madu malahan di mana dan dengan sesiapa sahaja. Dalam melaksanakan tugas rasmi dan tanggungjawab kita boleh dapat taqwa. Dalam membuat kerja tidak rasmi pun kita boleh dapat taqwa.

Dalam kita menegakkan *hablumminallah*, iaitu sembahyang, puasa, baca Quran, wirid dan zikir, kita boleh dapat taqwa. Dalam kita menegakkan *hablumminannas* seperti berniaga, bermasyarakat, berjiran dan bekerja, kita pun boleh dapat taqwa. Malahan peluang untuk mendapat taqwa di bidang *hablumminannas* lebih luas dan lebih banyak dan ia berlaku sepanjang masa. Dari sekecil-kecil amalan hinggalah kepada yang sebesar-besarnya. Yang penting kita berbuat sebanyak mungkin amalan makruf dengan kesedaran bahawa Allah melihat dan memerhati kita dan keredhaan-Nyalah yang kita harapkan. Besar atau kecil amalan tidak menjadi persoalan. Keikhlasan dan penghayatan itulah yang menjadi pokok.

Kesilapan Umat Islam Kini

Kenyataan yang berlaku pada umat Islam hari ini, dari hidup sampai mati, ke mana pun dia pergi, dia hanya membawa benih taqwa sahaja. Benih itu tidak pun ditanam. Dia hanya membawa rukun Iman, rukun Islam dan Ihsan. Tetapi itu semua tidak pernah diamalkannya betul-betul atas dorongan cinta dan takutkan Tuhan. Setiap hari ada peluang untuk melakukannya. Peluang yang Tuhan bagi untuk beramal selalu diabaikan dan disia-siakan. Adakah ini boleh menjamin keselamatan di Akhirat? Adakah kita rasa bila berjumpa Tuhan nanti kita akan selamat? Sedangkan yang kita bawa hanya benih yang belum ditanam dan belum menghasilkan buah. Apakah Tuhan akan terima?

Di sinilah orang yang beribadah tertipu dan orang yang mengaji dan belajar pun tertipu. Dari hidup sampai mati, ke mana mereka pergi, mereka membawa benih sahaja. Sebab itu keindahan Islam tidak nampak dalam kehidupan kerana tidak ada pokoknya, tidak ada batang, dahan, ranting, daun, bunga dan buahnya. Yang ada hanya benihnya sahaja yang belum pun ditanam. Kalaupun ada yang menanam benih taqwa ini, ditanam pula ditempat yang salah. Maka benih itu tidak tumbuh. Kalau tumbuh pun, ia terbantut dan lama-lama mati. Tidak tumbuh juga pokok taqwa.

Itulah silapnya. Kita sudah diajar bahawa agama itu di surau dan di masjid sahaja. Kita sudah diajar hendak dapat taqwa di surau dan di masjid sahaja. Kita telah diajar bahawa taqwa itu hanya sembahyang, puasa, zakat, haji, baca Quran, wirid, zikir, doa dan iktikaf di masjid sahaja. Ini adalah salah. Ini ajaran dan fahaman yang sempit. Ini sudah memisahkan agama dari kehidupan. Walhal bukankah agama itu *Addeen* atau cara hidup (*way of life*). Cara hidup tidak terhenti setakat di surau dan di masjid sahaja. Taqwa itu boleh didapati di mana-mana. Taqwa itu boleh didapati di dalam kehidupan. Taqwa itu ibarat intan

berlian yang Tuhan taburkan dan campakkan ke dalam kehidupan. Taqwa itu merata-rata. Terpulanglah kepada kita untuk mencari dan mengutipnya. Hanya sama ada kita mahu atau tidak mahu sahaja. Kenapa kita hanya mahu mengutip intan berlian itu di surau dan di masjid sahaja? Bukankah surau dan masjid itu tempat yang kecil dan terhad? Padahal banyak lagi intan berlian yang bertaburan di dalam kehidupan di luar surau dan masjid. Ini kita tidak kutip. Bukankah ini membazir dan merugikan namanya?

Pemimpin dan ulama menyarankan supaya umat Islam jadi kuat. Kita kena faham, kuatnya umat Islam itu mesti dengan taqwa. Umat Islam tidak boleh jadi kuat dengan quwwah (kekuatan lahir) semata-mata sama ada kekuatan yang berbentuk ilmu, ekonomi, teknologi dan lain-lain. Taqwalah sumber kekuatan umat Islam yang sebenarnya. Umat Islam akan kuat apabila mereka kuat dengan Tuhan. Macam mana umat Islam hendak jadi kuat sedangkan pemimpin, ulama dan seluruh umat Islam dari atas hingga ke bawah tidak faham apa erti taqwa, tidak faham apa itu hakikat taqwa, tidak tahu kelebihan dan peranan taqwa dan tidak tahu bagaimana hendak mencapai dan mendapat taqwa.

SAJAK 4

Pahala Percuma Untuk Orang Bertaqwa

Dengan rahmat Allah
ada orang bertaqwa banyak dapat pahala
yang bukan amalannya atau bukan amalan lahirnya
Bukan pahala hasil usahanya
Niat yang baik tetapi dia tidak dapat berbuat diberi pahala
Seperti penderitaan, kesusahan, kesakitan yang ditimpakan
kepadanya sabar dia menerimanya
Niat jahat tetapi tidak jadi hendak buat pun dapat pahala
Orang mencacinya, memfitnahnya, menghinanya,
hasad dengki dengannya,
dia tidak membalasnya bahkan mendoakannya
Kehendak-kehendaknya yang tidak tercapai,
kadar yang dia mahu tidak sampai,
dia redha menerimanya
Ilmu yang diajarkan kemudian orang yang mendengar itu
mengamalkan, pahala baginya yang mengajar
Kebaikan yang seseorang itu lakukan,
kemudian diikut orang
dianggap macam dia melaksanakannya
Anak yang soleh hasil didikan ibu bapanya,
setiap apa yang diamalkan oleh anak-anaknya
dia dapat pahalanya
Fakir, miskin ada yang diinginkan
kerana susahnya tidak dapat dia hasilkan
pahala baginya
Bahkan setiap apa sahaja yang dia inginkan
tidak mampu mendapatkannya Tuhan beri pahala
Ada godaan-godaan dunia yang haram mempengaruhinya
kerana demi Tuhannya dia jauhi
pahala pula baginya
Doa yang tidak dikabulkan di dunia
pahalanya diberi di Syurga
Rasa kehambaan seseorang hamba,
malunya kepada Tuhan,

rasa bertuhan semuanya pahala, ia bukan perbuatan
Rasa takut, cinta kepada Tuhan
yang mempengaruhi hatinya
juga pahala yang juga bukan bentuk amalan
Lihat orang susah rasa kasihan,
melihat orang derita dia rasa derita
Melihat orang senang atau mendapati kejayaan
dia turut gembira juga pahala
Itulah dia sebahagian pahala percuma
yang didapati oleh orang bertaqwa
yang bukan hasil perbuatan
Pahala-pahala percuma itu adakalanya
lebih banyak daripada pahala yang dibuatnya
Begitulah rahmat Tuhan kepada orang yang bertaqwa

10

Peranan Taqwa

- *Apakah Berkat?*
- *Faedah Dan Kebaikan Taqwa*
- *Kesan Jika Tidak Ada Orang Yang Bertaqwa*
- *Janji Tuhan Untuk Orang Bertaqwa*
- *Dosa Menghijab Bantuan Tuhan*
- *Taqwa Adalah Bekalan Dunia Dan Akhirat*
- *Landasan Bantuan Bagi Orang Bertaqwa*
- *Fakta Sejarah*
- *Sajak 5*

Taqwa secara umumnya adalah perkara yang telah lama hilang dari umat Islam. Ia berlaku sejak tujuh ratus tahun dahulu bermula dari kejatuhan empayar Islam. Sebab itu, mulai peristiwa tersebut, umat Islam terhina di mana-mana. Bukan kita tidak berjuang, bukan kita tidak berbuat, bukan kita tidak berusaha dan bukan kerana kita tidak berani tetapi hasil yang kita dapat dari perjuangan dan usaha kita itu tidak padan dengan tenaga yang kita curahkan dan tidak berbaloi. Ibarat orang menanam padi beratus ekar, hasilnya hanya beberapa guni sahaja sedangkan dalam Islam ada kaedah untuk mendapat hasil yang berlipat ganda. Kita boleh tanam padi satu ekar tetapi hasilnya berpuluh-puluh guni. Inilah rahsia tersirat yang mesti kita bongkar. Kita kena kaji kenapa ada orang menanam sedikit tetapi hasilnya banyak. Dan ada pula orang menanam banyak tetapi hasilnya sedikit.

Umat Islam mesti mengubah cara berfikir. Kita mesti tanam cita-cita Tuhan dan cita-cita Rasul dan hendaklah kita berfikiran luas. Kita mesti ingat bahawa dalam ajaran Islam, syariat mahupun bantuan yang datang dari Tuhan ada yang berbentuk lahir dan ada yang berbentuk batin. Selama ini kita hanya tahu dan mengkaji yang lahir sahaja. Kalaupun kita dapat bantuan dari Allah, kita hanya dapat yang berbentuk lahir iaitu yang sedikit sahaja. Hanya setakat 10% maksimum. Bantuan yang bersifat batin dan ghaib yang nisbahnya sebanyak 90% kita tidak dapat.

Padahal inilah kelebihan umat Islam terdahulu di zaman Sahabat, Tabiin, Tabit Tabiin dan para salafussoleh. Mereka banyak

dibantu dengan bantuan-bantuan batin dan bantuan-bantuan ghaib. Mereka tahu rahsianya dan mereka tahu kaedahnya. Iaitu mereka bersandar kepada Allah dengan mengusahakan dan menjadi orang yang bertaqwa. Mereka hanya berbuat 10%. Yang 90% lagi Allah yang cukupkan.

Banyak ayat dan Hadis yang menceritakan tentang hal ini dan tentang janji-janji Tuhan kepada orang-orang yang bertaqwa. Disebut bahawa orang bertaqwa rezekinya diberi tidak tahu dari mana sumbernya. Dilepaskan dia dari masalah hidup. Diberi ilmu dan dipermudahkan urusan dan berbagai-bagai lagi. Kemudian waktu susah, waktu darurat, waktu tercabar walaupun berlaku juga ujian untuk didikan tetapi tidak berlama-lama. Tuhan akan beri jalan kepada orang bertaqwa untuk terlepas dari ujian itu. Di situ ada dua maksud.

1. Bagi orang bertaqwa, ujian yang mencemaskan adalah untuk mendidik. Dalam cemas ada didikan.
2. Selepas itu, Tuhan cepat lepaskan dia dari ujian itu supaya terasa bantuan Tuhan. Itu hiburan bagi orang bertaqwa supaya mereka dapat bersyukur.

Kesusahan itu berbagai-bagai bentuk. Kesusahan sakit, musibah, musuh mencabar dan lain-lain lagi. Kalau ada bala bencana di tempat kita, itu juga kesusahan. Kalau waktu itu ada orang jahat dan baik, kita boleh lihat orang baik cepat dilepaskan dari kesusahan itu. Orang jahat mungkin selepas itu akan bertimpa-timpa lagi kesusahan. Didatangkan berkat pada orang bertaqwa dalam berbagai aspek sama ada pada harta, keluarga, perjuangan, pendidikan, kebudayaan, pentadbiran dan lain-lain.

APAKAH BERKAT?

Berkat itu ialah bertambah atau tambahan di atas apa yang ada (*ziadah*). Benda yang tidak ada kemudian jadi ada tidak dikata-

kan bertambah. oleh itu ia tidak dinamakan berkat. Benda yang sudah ada datang lagi dua tiga, baru dikatakan bertambah. Itulah berkat. Ini mesti difahami. Kalau tidak diterjemahkan, takut-takut tidak difahami falsafahnya dan seni-seninya. Maksudnya kalau hendak dibantu di bidang pendidikan, kebudayaan dan lain-lain, kita mesti buat asasnya dahulu. Itulah dia usaha 10%. Selepas itu, bila ada iman dan taqwa, baru datang berkat. Tuhan akan datangkan berkat (tambahan) di bidang-bidang itu dengan syarat ada asasnya. Bila berlaku tambahan yang tidak diduga, itu menunjukkan ianya bukan hasil dari usaha kita lagi. Itulah berkat.

FAEDAH DAN KEBAIKAN TAQWA

Faedah dan kebaikan sifat taqwa bagi diri orang yang bertaqwa ada banyak. Di antara kebaikan taqwa itu:

1. Menghapuskan dosa
2. Memberi syafaat
3. Benteng dari maksiat
4. Pemangkin dan kekuatan untuk membangunkan syariat
5. Membunuh rasa '*Hubbud Dunia*' atau cinta dunia
6. Membakar dan mencairkan mazmumah
7. Menyuburkan mahmudah

KESAN JIKA TIDAK ADA ORANG YANG BERTAQWA

Yang ada dan yang ramai di seluruh dunia hari ini sebenarnya ialah orang Islam. Sebab itulah berlaku huru-hara, kacau-bilau, berzina, krisis, rasuah, minum arak dan tidak ada kasih sayang. Sebab orang mukmin dan orang bertaqwa belum wujud. Kalau ada pun, mereka itu minoriti. Jumlah mereka belum dapat memberi kesan. Kalau kita baca Quran dan Hadis, kita akan

dapati bahawa orang Islam itu tidak ada jaminan dia akan dibantu Allah. Tidak ada jaminan Syurga. Yang dijamin itu hanya orang mukmin dan orang bertaqwa. Kita semua sudah baca ayat Quran bagaimana Allah akan tolong orang bertaqwa. Di antaranya, orang bertaqwa itu akan dilepaskan dari masalah hidup, diberi rezeki, dipermudahkan urusan, dibela dan dibantu, diajar oleh Allah dan lain-lain lagi. Dalam ayat lain, Allah berfirman:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ
مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ •

Maksudnya: "Jika penduduk satu kampung beriman dan bertaqwa, Tuhan akan bukakan berkat dari langit dan bumi." (Al A'raf: 96)

Orang bertaqwa akan diberi keamanan, dijauhkan dari ketakutan, dihindarkan dari bala bencana, dimakmurkan, diikat dengan kasih sayang hingga boleh bersatu padu. Sebab itu, Allah dalam ayat yang lain menyebut:

وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ الْمُؤْمِنِينَ •

Maksudnya: "Berhak atas Kami membantu orang mukmin." (Ar Rum: 47)

Allah menyebut bahawa Dia hendak bantu orang mukmin. Tidak ada satu ayat pun yang Tuhan kata, Dia hendak bantu orang Islam. Baru kita faham mengapa umat Islam hina. Bagi orang Islam, tidak ada jaminan untuk dapat apa-apa bantuan dari Tuhan walaupun sudah beribadah 24 jam sehari. Umat Islam hina sebab orang mukmin dan orang bertaqwa tidak ada. Kalau ada pun, sedikit. Kalau kena bala, sama-sama akan kena, tidak kira Islam, mukmin atau orang bertaqwa.

Orang bertaqwa dikatakan orang Tuhan. Bila jadi orang Tuhan, maka Tuhan jamin kemenangan, keselamatan, kesihatan, makan minum dan lain-lain. Tuhan akan beri kejayaan.

Tuhan akan datangkan malaikat, jin-jin Islam dan roh-roh muqaddasah untuk membantu perjuangan, dakwah, ekonomi, pendidikan dan dalam semua hal dan urusan. Kalau ada sekelompok orang yang bertaqwa, walaupun tidak ramai, dunia ini Tuhan akan serahkan kepada mereka. Allah SWT berfirman:

Maksudnya: "Akan Aku wariskan bumi ini kepada hamba-hamba-Ku yang soleh (bertaqwa)." (Al Anbiya: 105)

Di sisi Tuhan, hanya ada dua golongan sahaja yang diberi kuasa besar (*super power*) yang menguasai muka bumi ini yang mengatasi kuasa-kuasa yang lain. Dua golongan ini ialah golongan kafir dan golongan orang-orang yang bertaqwa. Selain dari dua golongan ini, tidak ada golongan lain yang diizinkan Tuhan untuk menguasai dunia ini.

Termasuk golongan yang tidak diizinkan Tuhan itu ialah golongan orang-orang Islam kerana keimanan dan pengamalan syariat mereka lemah. Mereka beriman dengan sesetengah ayat Quran dan kufur dengan sesetengahnya. Mereka mencampuradukkan ajaran Islam dengan ajaran-ajaran yang batil. Mereka lemah bermujahadah dan tidak mampu melawan hawa nafsu mereka.

Justeru itu, mereka tidak dapat menyucikan hati-hati mereka dari segala sifat-sifat mazmumah. Yang lebih penting, hubungan mereka dengan Tuhan longgar. Mereka kurang cinta dan kurang takut dengan Tuhan. Mereka kurang berharap dan kurang menyerah kepada Tuhan. Kalau mereka berkuasa, mereka tidak akan menjalankan hukum-hakam dan syariat Tuhan. Mereka tentu akan berlaku zalim. Yang beratnya, mereka akan berlaku zalim atas nama Islam dan atas nama Tuhan.

Apabila golongan orang-orang bertaqwa tidak wujud di muka bumi, Allah akan serahkan kuasa di dunia ini kepada golongan kafir. Akan tetapi, jika golongan orang-orang bertaqwa

sudah muncul, maka Allah akan pindahkan kuasa dunia ini dari golongan kafir kepada golongan orang-orang bertaqwa. Golongan bertaqwa lebih berhak menguasai dunia ini daripada golongan kafir.

Oleh itu, jika umat Islam mahu menguasai dunia dan mahu menaungi bangsa-bangsa lain, hanya satu jalan sahaja yang ada iaitu dengan mengusahakan taqwa. Bukan dengan mengusahakan kekuatan lahir seperti ekonomi, teknologi, pembangunan, kekuatan tentera dan lain-lain. Golongan kafir lebih hebat dan lebih maju dalam bidang-bidang itu.

JANJI TUHAN UNTUK ORANG BERTAQWA

Menjadi seorang muslim atau seorang yang Islam belum lagi dapat jaminan dari Allah. Allah belum jadi pembela. Menjadi orang Islam semata-mata belum ada jaminan dari Allah akan diampunkan dosanya. Menjadi orang Islam sahaja belum ada jaminan dari Allah yang amal ibadahnya akan diterima. Menjadi orang Islam sahaja belum ada jaminan yang Allah akan memberi bantuan. Menjadi seorang muslim atau seorang Islam itu mudah. Apabila sudah mengucap dua kalimah syahadah maka tetaplah seseorang itu Islam. Dia tidak boleh dianggap kafir. Lebih-lebih lagi kalau seseorang itu sudah sembahyang, berpuasa dan naik haji, kita tidak boleh menuduh orang itu kafir. Dia termasuk dalam golongan orang Islam tetapi belum tentu dia seorang yang beriman atau bertaqwa.

Setelah menjadi orang bertaqwa baru ada jaminan dan pembelaan dari Allah di dunia dan juga di Akhirat. Bila jadi orang bertaqwa barulah dosa diampunkan. Bila jadi orang bertaqwa barulah amal ibadah diterima. Bila jadi orang yang bertaqwa barulah dapat pimpinan dari Allah. Secara langsung Allah jadi pemimpinnya. Bila menjadi orang yang bertaqwa, rezeki datang tidak tahu dari mana sumbernya. Bila menjadi orang yang

bertaqwa Allah permudahkan urusan dan kerja-kerjanya. Buat kerja sedikit, hasilnya banyak. Kalau buat banyak, lebih banyaklah hasil yang akan diperolehi. Ini telah pun dijelaskan oleh Allah melalui beberapa firman-Nya seperti berikut:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا • وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ •

Maksudnya: "Barangsiapa yang bertaqwa pada Allah, Allah akan lepaskan dia dari masalah hidup dan akan memberi rezeki sekira-kira tidak diketahui dari mana sumbernya." (At Thalaq: 2-3)

Di sini Allah berkata *'barangsiapa yang bertaqwa'* bukannya 'barangsiapa yang Islam'.

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مِنْ أَمْرِهِۦ يُسْرًا •

Maksudnya: "Barangsiapa bertaqwa kepada Allah, Allah akan permudahkan segala urusannya." (AtAThalaq: 4)

Sekali lagi Allah berkata *'barangsiapa yang bertaqwa'* bukannya 'barangsiapa yang Islam'. Kalau buat kerja sedikit, akan dapat hasil yang banyak.

وَٱللَّهُ وَلِيُّ ٱلْمُتَّقِينَ •

Maksudnya: "Allah menjadi pembela bagi orang-orang yang bertaqwa." (Al Jasiyah: 19)

Jelas sekali orang bertaqwa Allah akan bela dan bantu secara langsung. Dalam ayat ini juga Allah tidak menyebut menjadi pembela dan pembantu bagi orang Islam sebaliknya menjadi pembela dan pembantu bagi orang yang bertaqwa.

إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ ٱللَّهُ مِنَ ٱلْمُتَّقِينَ •

Maksudnya: "Sesungguhnya amal ibadah yang diterima Allah ialah dari orang yang bertaqwa." (Al Maidah: 27)

Maksudnya: "Jika penduduk satu kampung beriman dan bertaqwa, Tuhan akan bukakan berkat dari langit dan bumi." (Al A'raf: 96)

Jelas Allah berkata *'beriman dan bertaqwa'* bukannya setakat 'Islam'. Kalau beriman dan bertaqwa, Allah akan buka berkat dari langit dan bumi. Maka sudah tentunya kehidupan orang yang bertaqwa akan aman damai, berkasih sayang, mesra, selamat sejahtera, tidak ada gangguan, penuh harmoni dan indah. Di dunia lagi sudah dapat Syurga yang didahulukan dan pastilah di Akhirat akan menanti Syurga hakiki yang kekal abadi.

Banyak lagi ayat-ayat yang memberitahu kita bahawa setelah seseorang atau sesuatu bangsa itu menjadi orang atau bangsa yang bertaqwa, barulah akan dapat pembelaan dari Allah. Kalau hanya setakat Islam, tidak ada jaminan akan dapat pembelaan dari Allah di dunia mahupun di Akhirat. Inilah yang berlaku kepada seluruh umat Islam di dunia hari ini. Rata-rata umat Islam adalah orang muslim atau orang Islam dan bukan orang yang bertaqwa. Sebab itu tidak ada pembelaan dari Allah.

Bila tidak ada pembelaan dari Allah, lihatlah apa yang sedang berlaku pada umat Islam. Hidup tidak bersatu padu, musuh menekan, hina-dina, miskin, mundur, merempat, menjadi hamba orang, susah dan tersingkir di mana-mana. Bilangan mereka ramai tetapi tidak berguna macam buih di laut. Walaupun buih sebesar gunung, mancis api jatuh pun ia boleh pecah berkecai. Umat Islam dikeronyok di mana-mana oleh musuh kafir macam anjing mengkeronyok bangkai. Umat Islam tidak ada daya upaya untuk melawan dan mempertahankan diri.

Jadi, sekadar menjadi seorang yang Islam sahaja kita tidak boleh berbangga sebab masih belum ada jaminan dan pem-

belaan dari Allah. Oleh itu kita mesti jadi orang yang bertaqwa. Barulah jaminan dan pembelaan dari Allah akan diperolehi sama ada di dunia mahupun di Akhirat.

Hendak mendapat bantuan dan rahmat Tuhan, Tuhan sebut di dalam Al Quran, "*Wamai yattaqillah*". Ertinya kita kena bertaqwa. Ada tiga peringkat orang yang baik hubungannya dengan Allah.

1. Soleh
2. Taqwa
3. Siddiqin

Tetapi Tuhan ambil yang tengah iaitu orang bertaqwa untuk diberi bantuan. Tuhan tidak janjikan bantuan kepada orang soleh kerana rendah sangat. Tuhan juga tidak janjikan bantuan kepada orang siddiqin kerana mungkin tinggi sangat. Tidak ramai nanti yang akan mendapat bantuan kerana orang siddiqin itu sedikit. Namun orang soleh boleh mendapat bantuan Allah dengan bersandarkan kepada orang yang bertaqwa.

Senjata umat Islam yang utama untuk menjayakan perjuangan mereka ialah iman dan taqwa. Inilah satu-satunya senjata yang tidak ada pada orang kafir. Dengan senjata ini sahajalah kita boleh kalahkan orang-orang kafir atau munafik yang hendak menghancurkan kita dan musuh batin kita iaitu nafsu dan syaitan.

Selain taqwa, dengan kekuatan apa sekalipun, baik ekonomi, ilmu pengetahuan, teknologi, ketenteraan dan senjata, pasti kita tidak akan mampu menentang kegagahan musuh-musuh Allah yang jauh lebih hebat dari kita.

Taqwa adalah faktor paling utama dalam memperolehi bantuan Allah SWT. Bantuan Allah kepada orang yang bertaqwa ini berbagai bentuk yang tidak diketahui oleh manusia. Lazimnya bentuk bantuan yang Allah datangkan itu mengikut keperluan semasa dan mengikut peranan seseorang. Ertinya bantuan Allah bagi orang yang bertaqwa itu berbeza menurut keperluan

dan peranan. Bagi pendakwah yang bertaqwa, bantuan yang Allah turunkan berbeza dengan pemimpin yang bertaqwa. Dan bantuan itu berbeza pula dengan seorang ahli perniagaan atau seorang pendidik yang bertaqwa.

Kalau dalam medan perang, Allah bantu dengan menurunkan para malaikat beribu-ribu banyaknya untuk mengalahkan orang kafir. Bagi seorang peniaga yang bertaqwa, mungkin dapat untung yang berlipat ganda. Atau wangnya terselamat kerana ada berkatnya. Keluarganya sentiasa sihat, keretanya jarang rosak, duitnya tidak membazir dan sering tersalur ke arah amal jariah atau kepada berbagai bentuk kebajikan. Seorang pendakwah yang bertaqwa pula, ilham atau ideanya mencurah-curah, penyampaiannya berhikmah dan menarik, yang mendengar mudah lembut hati, yakin dan terdorong untuk beramal.

Pendakwah yang tidak bertaqwa, dia terpaksa memaksa diri untuk memerah otak mencari dan mengumpulkan bahan dakwah. Dia terasa sukar dan sering merasa jemu. Dakwahnya tidak menginsafkan orang dan tidak membawa perubahan kepada masyarakat.

Tetapi kalau di medan perjuangan dan tarbiah, Allah beri bantuan dengan cara lain pula. Antaranya:

1. *Ilmu yang bermanfaat*

Allah ilhamkan ilmu-ilmu yang bermanfaat yakni ilmu dalam cara menarik orang, ilmu dalam bertindak, ilmu untuk melaksanakan ekonomi Islam, menegakkan kilang-kilang Islam, sekolah Islam dan lain-lain ilmu praktikal untuk mewujudkan Islam dalam setiap aspek kehidupan.

Ilmu begini telah Allah kurniakan pada umat Islam zaman dahulu terutamanya di zaman para Sahabat dan para salafussoleh. Sebab itu, mereka boleh membangun dan menawan tiga perempat dunia. Bangunan yang dibina oleh umat Islam, istana Al Hambra di Sepanyol misalnya, tahan kukuh sehingga kini

setelah berumur tujuh ratus tahun sedangkan binaan orang sekarang baru dua puluh tahun sudah roboh. Itulah ilmu ilham yang diberi oleh Allah kepada orang soleh. Ilmu yang datang langsung dari Allah berdasarkan firman-Nya:

Maksudnya: "Bertaqwalah kepada Allah, nescaya Allah akan mengajar kamu." (Al Baqarah: 282)

Begitu juga sistem perairan dalam bangunan-bangunan yang dibina oleh umat Islam tujuh ratus tahun dahulu. Hingga kini, pakar sains dan teknologi tidak mampu menirunya. Misalnya salah satu paip air dalam istana Al Hambra yang boleh mengeluarkan air dengan sendirinya bila masuk waktu sembahyang telah pernah diselidik oleh orang Barat untuk mengetahui rahsianya. Hasil penyelidikan itu, paip itu rosak terus dan mereka tidak boleh memperbaikinya semula apatah lagi untuk membina paip yang baru. Itulah ketinggian teknologi orang soleh.

2. Ilmu Firasat

Iaitu rasa hati yang tepat hasil dari sifat taqwa. Ini amat perlu supaya pejuang Islam dapat bertindak tepat pada waktu dan ketikanya dalam menghadapi ragam musuh. Misalnya, musuh sudah siap sedia untuk menabur fitnah tentang kita. Maka Allah akan ilhamkan pada hati suatu tindakan yang boleh membuatkan musuh berhenti dari niat jahatnya, contohnya dengan menghantar surat pada musuh bahawa kalau dia buat fitnah, kita akan dedahkan berita skandal mereka yang ada dalam simpanan kita.

Misalan lain ialah bila musuh bercadang hendak mengambil tindakan untuk mengacau kampung kita maka Allah akan ilhamkan supaya kita keluar segera dari kampung kita itu. Ilmu firasat juga penting untuk mendidik ahli-ahli yang berbeza-beza

sifat mazmumahnya. Supaya semuanya dapat dididik untuk menjadi orang soleh dan bertaqwa.

Firasat dinamakan juga *'kasyaf ilmu'* atau rasa hati. Iaitu ilmu laduni atau ilham yang jatuh terus ke hati. Di situ tidak ada gangguan atau campurtangan nafsu dan akal. Firasat adalah ilmu dari langit. Orang yang ada firasat dikatakan *muhaddasin* (orang yang dibisikkan).

Firasat sangat tajam. Dengan firasat, seseorang itu boleh membaca hati orang. Dia boleh dapat ilmu yang menyegarkan hati dan jiwa. Firasat adalah untuk orang-orang yang sudah sampai ke tahap *Rohul Muqaddasah* (roh yang suci), *Rohul Toyyibah* (roh yang baik) dan *Nafsun Zakiyyah* (nafsu yang bersih).

Adapun *kasyaf mata hati* seperti nampak benda di sebalik tabir, nampak alam jin, nampak sifat-sifat haiwan yang ada pada manusia, nampak alam malaikat dan sebagainya, tidak ada nilai apa-apa, hanya nampak sahaja. Tidak dapat apa-apa ilmu. Orang kafir dan orang jahat pun boleh dapat kasyaf yang seperti ini.

Itulah firasat namanya, satu rasa hati yang kuat mendesak agar kita membuat sesuatu yang kadang kala di luar logik fikiran manusia. Ilmu inilah yang telah menguatkan perjuangan umat Islam dahulu. Mereka boleh serang musuh dengan cara yang membingungkan mereka. Mereka bertindak seolah-olah mereka tahu rancangan musuh. Sebab itu musuh tidak boleh buat apa-apa pada mereka.

Inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah dengan sabdanya:

اتقوا فراسة المؤمن فإنه ينظر بنور الله

Maksudnya: "Takutilah firasat orang mukmin kerana mereka melihat dari cahaya Allah." (Riwayat Tarmizi)

DOSA MENGHIJAB BANTUAN TUHAN

Kegagalan yang Allah timpakan kepada kita satu persatu itu

sebenarnya adalah satu pemberitahuan bahawa kita telah tidak ditolong Allah. Allah biarkan kita dan Allah hinakan kita kerana kita tidak mahu bertaqwa, banyak dosa dan tidak mahu bertaubat di samping tidak mahu belajar dari kesilapan. Dosa-dosa itulah yang menjadikan kita tewas di tangan musuh. Sedangkan orang bertaqwa, ujian yang berat merupakan baja untuk menyuburkan perjuangan mereka. Tetapi bagi kita, ujian-ujian itu menghina dan tambah melemahkan kita. Makin berjuang makin lemah. Makin berjuang makin kalah. Bukankah itu ertinya perjuangan kita tidak dibantu oleh Allah. Kenapa Allah biarkan kita?

Berkata Sayidina Umar Al Khatab: *"Aku lebih takut pada dosa kamu daripada musuh-musuh kamu. Kerana bila kamu berdosa, Allah akan biarkan kamu kepada musuh-musuhmu."*

Maknanya, kegagalan kita ialah kerana dosa-dosa kita. Dosa-dosa kita adalah kerana kita tidak bertaqwa. Ertinya salah itu terletak pada diri kita sendiri bukan pada orang lain. Dan selagi kesilapan itu tidak dibetulkan, selagi kita tidak bertaubat dan selagi kita tidak dididik dan dilatih dengan iman dan taqwa, buatlah macam mana pun, insya-Allah, kita tidak akan boleh menang. Sebab kita sudah melanggar syarat dari Allah iaitu syarat taqwa. Janganlah kita buat helah dan berdalih itu dan ini untuk dijadikan alasan kegagalan kita itu. Mengakulah dengan Allah bahawa kita belum bertaqwa sebab itu Allah tidak tolong. Itu punca dan sebab yang sebenarnya. Kalaupun kita ada banyak alasan untuk kalah, kalau kita benar-benar bertaqwa, kita tetap akan Allah menangkan. Allah hanya akan menolong orang yang bertaqwa. Firman-Nya:

Maksudnya: "Allah jadi pembela (pembantu) bagi orang-orang yang bertaqwa." (Al Jasiyah: 19)

Firman-Nya lagi:

Maksudnya: "Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, Allah akan lepaskan dia dari masalah hidup dan akan memberi rezeki sekira-kira tidak diketahui dari mana sumbernya." (At Thalaq: 2-3)

Firman-Nya lagi:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ
مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ •

Maksudnya: "Jika penduduk satu kampung beriman dan bertaqwa, Tuhan akan bukakan berkat dari langit dan bumi." (Al A'raf: 96)

Allah SWT memberi jaminan kepada para Sahabat di atas ketaqwaan mereka dalam firman-Nya:

Maksudnya: "Jika ada dua puluh orang yang sabar di antara kamu, nescaya mereka dapat mengalahkan dua ratus orang musuh. Dan jika ada seratus orang (yang sabar) di antara kamu, mereka dapat mengalahkan seribu daripada orang kafir, disebabkan orang-orang kafir itu kaum yang tidak mengerti." (Al Anfal: 65)

Peperangan Badar menyaksikan 313 orang para Sahabat mengalahkan 1,000 orang musuh. Tetapi hari ini, umat Islam ketawa kalau kita katakan tentang hal-hal begini. Karut, kata mereka. Tidak logik. Tidak rasional dan lain-lain lagi. Umat Islam sendiri rasa tidak yakin dan tidak ghairah dengan Allah, dengan

Rasulullah, dengan malaikat, dengan *rijalullah, rijalulghaib*, dengan mati, kubur, hari Kiamat, Syurga dan Neraka. Soal cinta Allah, rindukan Allah, malu pada Allah, takutkan Allah, tawakal, redha, sabar, syukur dan hina diri pada Allah sangat jauh dari perbincangan dan pemikiran umat Islam, apalagi untuk dijadikan amalan rohani mereka.

Demikianlah taqwa itu jadi syarat terpenting dalam menegakkan hukum Allah. Sebab itu, Rasulullah sebelum berperang, selalu mengingatkan tentera Islam supaya yakin dengan Allah dan takutkan dosa. Kalau kita berjuang atas nama Islam, kita mestilah terima syarat ini dan melaksanakannya. Barulah betul kita buat kerja Allah. Dan terhindarlah kita dari sikap memandai-mandai. Tetapi kalau kita perjuangkan Islam dengan cara yang kita fikirkan oleh otak kita, dan dengan kaedah yang kita cipta sendiri ertinya kita berjuang kerana kita, bagi pihak kita dan bukan kerana Allah dan bagi pihak Allah. Kalau ini berlaku, Allah akan berlepas diri dari kita dan tidak ada apa-apa lagi keistimewaan pada perjuangan itu kerana ia tandus dari satu tenaga yang luar biasa yakni bantuan Allah.

TAQWA ADALAH BEKALAN DUNIA DAN AKHIRAT

Seperti mana yang kita maklum, taqwa adalah satu aset yang amat penting untuk dunia dan untuk Akhirat. Kemenangan dunia dan Akhirat ditentukan oleh taqwa. Kejayaan dunia dan Akhirat ditentukan oleh taqwa. Keselamatan dunia dan Akhirat ditentukan oleh taqwa. Jadi taqwa itu sangat mahal. Bila dikatakan taqwa itu sangat mahal maka banyaklah perkara yang perlu kita tahu. Kalau di dunia ini banyak perkara yang kita hendak cari, maka taqwa adalah pencarian yang utama yang patut diutamakan. Yang lain hanya sampingan-sampingan sahaja. Bahkan yang sampingan itu juga patut kita jadikan sebahagian daripada amal taqwa. Kalau kita faham tentulah begitu sikap

kita sebab taqwa itu sangat perlu untuk dunia dan Akhirat. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Hendaklah kamu menambah bekalan. Maka sesungguhnya, sebaik-baik bekalan itu adalah sifat taqwa." (Al Baqarah: 197)

Di dalam ayat ini, sifat taqwa sebagai bekalan itu tidak dikhususkan untuk bekalan Akhirat sahaja. Sifat taqwa juga adalah bekalan untuk dunia. Tapi ramai para muallim dan tok-tok guru menghuraikan sifat taqwa itu sebagai bekalan di hari Akhirat semata-mata. Walaupun Akhirat itu adalah yang terpenting dan yang asas tetapi banyak dalil yang membuktikan bahawa taqwa itu adalah juga bekalan untuk dunia.

Di antara dalil-dalil bahawa sifat taqwa itu bekalan untuk Akhirat adalah seperti firman Allah SWT:

لَٰكِنِ ٱلَّذِينَ ٱتَّقَوْا رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ
خَٰلِدِينَ فِيهَا نُزُلًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ •

Maksudnya: "Akan tetapi orang-orang yang bertaqwa kepada Tuhannya bagi mereka Syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya, sedang mereka kekal di dalamnya sebagai tempat tinggal dari sisi Allah." (Ali Imran: 198)

Maksudnya: "Itulah perintah Allah yang diturunkan-Nya kepada kamu. Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia akan menutupi kesalahan-kesalahannya dan melipatgandakan pahala baginya." (At Thalaq: 5)

زُيِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا الْحَيَوٰةُ الدُّنْيَا وَيَسْخَرُونَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا
وَالَّذِينَ اتَّقَوْا فَوْقَهُمْ يَوْمَ الْقِيَـٰمَةِ ۝

Maksudnya: "Kehidupan dunia kelihatan indah bagi orang kafir sehingga mereka memandang rendah kepada orang beriman, tetapi orang yang bertaqwa adalah lebih tinggi daripada mereka di hari Kiamat." (Al Baqarah: 212)

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا
السَّمَـٰوَٰتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ۝

Maksudnya: "Dan bersegeralah kamu kepada ampunan daripada Tuhanmu dan kepada Syurga yang luas seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa." (Ali Imran: 133)

تِلْكَ الْجَنَّةُ الَّتِي نُورِثُ مِنْ عِبَادِنَا مَن كَانَ تَقِيًّا ۝

Maksudnya: "Itulah Syurga yang akan Kami wariskan kepada hamba-hamba Kami yang selalu bertaqwa." (Maryam: 63)

لِلَّذِينَ اتَّقَوْا عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّـٰتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَـٰرُ
خَـٰلِدِينَ فِيهَا ۝

Maksudnya: "Untuk orang-orang yang bertaqwa, pada sisi Tuhan mereka, ada Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Mereka kekal di dalamnya." (Ali Imran: 15)

وَأُزْلِفَتِ الْجَنَّةُ لِلْمُتَّقِينَ غَيْرَ بَعِيدٍ ۝

Maksudnya: "Dan didekatkanlah Syurga itu kepada orang-orang yang bertaqwa pada tempat yang tiada jauh (dari mereka)." (Al Qaf: 31)

وَلَلدَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ ●

Maksudnya: "Dan sesungguhnya kampung Akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa." (Al An'am: 32)

هَٰذَا ذِكْرٌ ۚ وَإِنَّ لِلْمُتَّقِينَ لَحُسْنَ مَآبٍ ●

Maksudnya: "Ini adalah kehormatan (bagi mereka). Dan sesungguhnya bagi orang-orang yang bertaqwa benar-benar disediakan tempat kembali yang baik." (Sod: 49)

الْأَخِلَّاءُ يَوْمَئِذٍ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا الْمُتَّقِينَ ●

Maksudnya: "Teman-teman akrab pada hari itu, sebahagiannya menjadi musuh bagi sebahagian yang lain kecuali orang-orang yang bertaqwa." (Az Zukhruf: 67)

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ● ادْخُلُوهَا بِسَلَامٍ آمِنِينَ ●

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa dalam kebun-kebun dan mata air, masuklah mereka ke dalamnya dengan selamat dan sentosa." (Al Hijr: 45-46)

Di antara dalil-dalil bahawa sifat taqwa itu bekalan untuk dunia pula adalah seperti firman Allah SWT:

وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُتَّقِينَ ●

Maksudnya: "Allah jadi pembela (pembantu) bagi orang-orang yang bertaqwa." (Al Jasiyah: 19)

بَلَىٰ مَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِ وَاتَّقَىٰ فَإِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ ●

Maksudnya: "Sebenarnya, siapa yang menepati janji (yang dibuatnya) dan bertaqwa, maka sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaqwa." (Ali Imran: 76)

إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ ٱللَّهُ مِنَ ٱلۡمُتَّقِينَ ٭

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah hanya menerima ibadah (korban) dari orang-orang yang bertaqwa." (Al Maidah: 27)

أَلَآ إِنَّ أَوۡلِيَآءَ ٱللَّهِ لَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ٭ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَكَانُواْ يَتَّقُونَ ٭ لَهُمُ ٱلۡبُشۡرَىٰ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِۚ لَا تَبۡدِيلَ لِكَلِمَٰتِ ٱللَّهِۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ٭

Maksudnya: "Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah itu, tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati. Iaitu orang-orang yang beriman dan mereka selalu bertaqwa. Bagi mereka berita gembira di dalam kehidupan di dunia dan (dalam kehidupan) di Akhirat. Tidak ada perubahan bagi kalimat-kalimat (janji-janji) Allah. Yang demikian itu adalah kemenangan yang besar." (Yunus: 62-64)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِن تَتَّقُواْ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّكُمۡ فُرۡقَانٗا وَيُكَفِّرۡ عَنكُمۡ سَيِّـَٔاتِكُمۡ وَيَغۡفِرۡ لَكُمۡۗ وَٱللَّهُ ذُو ٱلۡفَضۡلِ ٱلۡعَظِيمِ ٭

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman, jika kamu bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia akan memberikan kepadamu furqan dan menghapuskan segala kesalahan-kesalahan kamu dan mengampuni (dosa-dosa)mu. Dan Allah mempunyai kurnia yang besar." (Al Anfal: 29)

وَلَوۡ أَنَّ أَهۡلَ ٱلۡقُرَىٰٓ ءَامَنُواْ وَٱتَّقَوۡاْ لَفَتَحۡنَا عَلَيۡهِم بَرَكَٰتٖ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ ٭

Maksudnya: "Jika penduduk satu kampung beriman dan bertaqwa, Tuhan akan bukakan berkat dari langit dan bumi." (Al A'raf: 96)

Maksudnya: "Akan Aku wariskan bumi ini kepada orang-orang yang soleh (bertaqwa)." (Al Anbiya: 105)

ومن يتق الله يجعل له مخرجا • ويرزقه من حيث لا يحتسب •

Maksudnya: "Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, Allah akan lepaskan dia dari masalah hidup dan akan memberi rezeki sekira-kira tidak diketahui dari mana sumbernya." (At Thalaq: 2-3)

واتقوا الله ويعلمكم الله •

Maksudnya: "Bertaqwalah kepada Allah, nescaya Allah akan mengajar kamu." (Al Baqarah: 282)

وأما ثمود فهديناهم فاستحبوا العمى على الهدى فأخذتهم
صاعقة العذاب الهون بما كانوا يكسبون • ونجينا الذين
آمنوا وكانوا يتقون •

Maksudnya: "Dan adapun kaum Tsamud maka mereka telah pun Kami beri petunjuk tetapi mereka lebih menyukai buta (kesesatan) dari petunjuk itu. Maka mereka disambar petir azab yang menghinakan disebabkan apa yang telah mereka kerjakan. Dan Kami selamatkan orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertaqwa." (Fusshilat: 17-18)

ومن يتق الله يجعل له من أمره يسرا •

Maksudnya: "Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah, Allah akan permudahkan segala urusannya." (At Thalaq: 4)

Maksudnya: "Jika kamu bersabar dan bertaqwa, nescaya tipu daya mereka sedikit pun tidak mendatangkan kemudharatan kepada kamu." (Ali Imran: 120)

Antara Keistimewaan Bagi Orang Bertaqwa Di Akhirat

1. Dipadamkan dosa
2. Ditinggikan darjat
3. Diwariskan Syurga
4. Didekatkan Syurga
5. Disediakan Syurga bertaraf tinggi
6. Ditambatkan hati sesama mereka
7. Terhindar dari Neraka

Antara Bantuan Kepada Orang Bertaqwa Di Dunia

1. Diberi pembelaan dan bantuan
2. Dibukakan berkat dari langit dan bumi
3. Diwariskan bumi ini
4. Dilepaskan daripada masalah hidup dan kesusahan
5. Diberi rezeki dari sumber yang tidak diduga
6. Diajar dan diberi ilmu
7. Dipermudahkan segala urusan
8. Dilindungi dari kejahatan musuh

9. Dilepaskan dari bencana
10. Diberi kejayaan
11. Diberi kemenangan
12. Tidak dapat ditipu oleh musuh lahir dan batin
13. Allah SWT mengasihinya
14. Diterima amalannya
15. Diberi khabar gembira
16. Dipelihara dari kebatilan
17. Kerja-kerjanya dibaiki oleh Allah
18. Makhluk takut dan segan dengannya

LANDASAN BANTUAN BAGI ORANG BERTAQWA

Jalan dan landasan untuk mencapai kejayaan di dunia bagi orang mukmin adalah taqwa. Orang mukmin tidak ada landasan lain selain taqwa. Dengan taqwa, orang mukmin dibantu Tuhan. Untuk berjaya dalam ekonomi perlukan taqwa. Hendak dapat kemenangan dalam perjuangan mesti dengan taqwa. Hendak terlepas dari azab, penderitaan dan bala bencana di dunia mesti dengan sifat taqwa. Hendak dapat bantuan dan pertolongan Tuhan juga mestilah berdasarkan taqwa.

Di sini kita lihat bahawa bukan sahaja taqwa itu penting untuk keselamatan dan kebahagiaan di Akhirat tetapi bagi orang mukmin, mereka juga mendapat bantuan, rahmat, berkat, kejayaan, kemenangan dan kebahagiaan di dunia lagi dengan adanya sifat taqwa. Taqwa adalah modal yang paling besar dan senjata yang paling ampuh bagi orang-orang mukmin di dunia.

Kalau tidak ada taqwa, mungkin Allah bantu juga seperti Allah bantu orang-orang kafir. Ertinya dapat bantuan dan pertolongan atas dasar istidraj iaitu atas dasar kutukan dan kemurkaan Tuhan. Tuhan beri dengan tidak redha. Istidraj sebenarnya

adalah satu tipuan dari Tuhan. Akhirnya nanti akan terjun ke dalam Neraka. Dengan kejayaan itu, mereka akan jadi sombong dan angkuh. Mereka akan berbuat maksiat dan kemungkaran di atas muka bumi. Ia akan rosak dan merosakkan. Di sini jelas bagi kita bahawa sifat taqwa itu bukan sahaja perlu di Akhirat tetapi perlu juga di dunia lagi. Orang kafir Allah menangkan dan Allah bagi kejayaan atas dasar *quwwah* (kekuatan lahir). Orang mukmin diberi kemenangan dan kejayaan atas dasar taqwa.

FAKTA SEJARAH

Mari kita lihat sejarah Rasulullah dan para Sahabat, selaku manusia yang luar biasa. Dalam peperangan, mereka berperang sebanyak tujuh puluh empat kali. Rasulullah sendiri ikut campur sebanyak dua puluh tujuh kali. Daripada tujuh puluh empat kali berperang, sekali sahaja jumlah tentera umat Islam lebih dari tentera kafir iaitu waktu perang Hunain. Selalunya tentera kafir lebih ramai dan senjata mereka lebih banyak. Tetapi selain dari peperangan Hunain, umat Islam sama ada menang atau menang tidak, kalah pun tidak. Umat Islam tidak kalah. Tetapi pelik, masa perang Hunain, umat Islam kalah. Sebab masa itu mereka sudah cacat dengan Tuhan kerana bergantung kepada jumlah yang ramai.

Waktu peperangan Khandak, musuh 10,000 orang, tentera Islam 3,000 orang. Tuhan tidak benarkan 3000 orang lawan 10,000 orang. Tuhan datangkan tentera bukan manusia iaitu ribut dan petir sehingga tentera musuh lari lintang-pukang. Yang paling jelas adalah waktu perang Badar di mana 313 tentera Islam berhadapan dengan 1,000 tentera musuh. Malaikat turun seramai 3,000. Belum sempat tentera menebas, leher musuh sudah putus. Seolah-olah dalam perang itu, tenaga manusia tidak digunakan langsung. Malaikat yang buat kerja.

Waktu zaman Sahabat pula, ketika pemerintahan Sayidina

Umar Al Khattab, berlaku peperangan di antara tentera Islam dan tentera Rom. Berbulan-bulan tidak menang dan tidak kalah. Ketua tentera Islam hantar surat kepada Sayidina Umar. Sayidina Umar pergi melihat. Dia tidak bercakap apa-apa tetapi membaca suasana. Setelah bergaul selama tiga hari dan setelah semuanya dinilai, dia pun panggil tentera Islam seraya berkata, *"Saya sudah dapat rahsia kenapa kita tidak menang dan tidak kalah. Pertama, kerana sembahyang tidak lurus saf. Kedua, kerana tidak bersugi."* Padahal itu masih luaran. Masih tidak menafikan taqwa. Itupun tersangkut. Bersugi itu fadhilat, benda lahir yang tidak jejaskan taqwa tetapi kerana itu pun perang tidak menang dan tidak kalah. Bila dibetulkan itu semua, esoknya mereka pergi perang dan menang.

Dalam satu kisah yang lain, pernah Sayidina Umar menghantar tentera ke Palestin. Ketua tenteranya bernama Sariya. Jarak Palestin ke Madinah sekitar seribu batu. Oleh kerana pemimpinnya bertaqwa, ketua tenteranya juga bertaqwa maka waktu tentera Islam dalam bahaya, Tuhan bantu secara ghaib. Allah lihatkan kepada Sayidina Umar kedudukan tentera Islam yang di dalam bahaya. Di belakang bukit ada tentera musuh hendak menyerang secara mengejut. Bila Sayidina Umar nampak, maka dia buat arahan supaya Sariya naik ke tempat yang tinggi. Sariya tidak nampak musuh tetapi Maha Besar Tuhan, Sariya dengar arahan Sayidina Umar dari mimbar masjid Madinah. Tentera Islam pun terselamat dari serangan mengejut. Hasil taqwa, datang bantuan Tuhan yakni Sayidina Umar diperlihatkan manakala Sariya didengarkan.

Contoh ketiga ialah Salehuddin Al Ayubi. Setelah Palestin ditawan oleh umat Islam di bawah Sayidina Umar, ia kemudiannya jatuh ke tangan orang kafir selama dua ratus tahun sebelum dirampas semula oleh Salehuddin Al Ayubi. Di medan perang, di tengah malam, Salehuddin bangun melihat khemah tenteranya. Di kebanyakan khemah, tenteranya beribadah malam tetapi ada satu khemah yang tenteranya tidur. Jadi selepas

subuh dia berkata, *"Saya sudah nampak kemenangan untuk kita. Dengan syarat khemah yang tidak bangun beribadah malam tadi, jangan pergi berperang. Takut terhijab."* Maka pergilah tenteranya berperang dan menawan Palestin. Itukan bantuan bersifat ghaib.

Waktu Thariq Ibnu Ziad hendak menawan Sepanyol, waktu itu Rasulullah sudah wafat seratus tahun. Diceritakan dalam kitab, waktu hendak menyeberangi Selat Gibraltar, dia nampak Rasulullah yang telah lama wafat di depannya dengan pakaian tentera. Itu membuatkan tentera Islam menang.

Kita hari ini hanya fikir yang lahir sahaja. Tidak fikir yang batin. Sebab itu kita terhina. Bila ada sifat taqwa, Tuhan bantu. Ada Sahabat, bila kehilangan unta, dia tidak kata, *"Hai Tuhan, kembalikanlah unta aku."* Sebab dia tahu di kelilingnya ada ramai *rijalulghaib*. Jadi dia berkata, *"Hai rijalulghaib, tolong tangkap balik unta aku."* Memang dia dapat semula unta itu. Bila ada sifat taqwa, macam-macam makhluk bantu kita. Kenapa tidak dibuat kajian? Dalam Quran jelas disebut:

Maksudnya: "Bertaqwalah kepada Allah, nescaya Allah akan mengajar kamu. " (Al Baqarah: 282)

SAJAK 5
Pelbagai Rahmat Tuhan

Di antara rahmat Tuhan kepada hamba-Nya
Dia membuat dosa terseksa jiwanya
Terseksa jiwa kerana dosa itu bertaubatlah namanya
Insya-AllahTuhan akan ampunkan dosa-dosanya
Di antara rahmat Tuhan lagi
hamba-Nya itu selalu diuji dengan bala
Supaya dia hidup rasa bertuhan
Agar dia mengharapkan pertolongan Tuhannya
Mengaku bersalah, mengaku berdosa
kerana itulah dia dibala
Perasaan itulah yang Tuhan mahu
kepada hamba-hamba-Nya
Di antara rahmat-Nya lagi
adakala kehendaknya tidak tercapai
Dia pun redha, Tuhan ganti kehendaknya itu
dengan nikmat Syurga
Atau Tuhan ampunkan dosa-dosanya
Selamatlah dia dari Neraka itukan rahmat dari Tuhan
Di antara rahmat Tuhan lagi kepada hamba-hamba-Nya
Tuhan anugerahkan rasa takut terhadap Zat-Nya
di dalam hatinya atau jiwanya
Takut dengan Tuhan itu adalah pembakar dosa
Atau perasaannya takut itulah nanti mensyafaatnya
Di antara rahmat Tuhan lagi kepada hamba-hamba-Nya
adalah miskin dan papa
Dia pun sabar dan redha
Kerana kemiskinan itu dia tidak pula meminta-minta
Jauh sekalilah mencuri dan menipu manusia
Maka di Akhirat kelak kurang hisabnya
Maka bersegeralah dia ke Syurga,
ini salah satu rahmat Tuhannya
Termasuk juga rahmat Tuhan rasa hina,
rasa lemah, rasa berdosa
Rasa-rasa ini adalah sifat hamba yang Tuhan sangat suka

Sifat ego dan sombong pun hilang dari dirinya
Sifat ini amat merbahaya pada seorang hamba
Sifat ini adalah sifat iblis laknatullah
Tuhan hendak bersihkan darinya sifat yang dimurka itu
Bersih daripada ego adalah rahmat Tuhan
    kepada hamba-hamba-Nya
Kerana sifat itu kalau wujud pada hamba-Nya
    ke Nerakalah padahnya
Boleh mengorbankan harta untuk Tuhan
    satu rahmat juga dari-Nya
Korban harta salah satu sifat taqwa
Sifat taqwa adalah bekalan hamba untuk Akhirat
Dapat sifat taqwa adalah rahmat dari Tuhan
Baru kita faham rahmat Tuhan itu
    adakalanya datang bersifat negatif
Di situ ada kebaikan yang tersirat
Pada kesusahan ada rahmat tersembunyi
Adakalanya pada kebaikan nampak lahirnya,
    di situlah ada kejahatan yang tersembunyi

11

Sifat dan Sikap Orang Bertaqwa

- ***Sifat Dan Sikap Orang Bertaqwa Secara Umum***
- ***Sifat Dan Sikap Orang Bertaqwa Secara Khusus***
- ***Contoh Sejarah Sifat Dan Sikap Orang-Orang Bertaqwa***
- ***Sajak 6***

SIFAT DAN SIKAP ORANG BERTAQWA SECARA UMUM

Sebahagian dari sifat, sikap, akhlak dan pakaian orang mukmin dan lebih-lebih lagilah orang yang bertaqwa itu ada diceritakan oleh Allah SWT di dalam ayat Al Quran:

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang mukmin itu, yang telah percaya dengan Allah dan rasul-rasul dan yang tidak ada pada mereka itu keadaan ragu dan mereka berjuang dengan menggunakan harta-harta dan diri mereka di jalan Allah, merekalah orang-orang yang benar." (Al Hujurat: 15)

Sifat, sikap atau akhlak orang mukmin dan orang bertaqwa yang dapat difahami dari ayat di atas dapat disenaraikan seperti berikut:

1. Percaya dengan Allah
2. Percaya dengan Rasul
3. Tidak ragu
4. Mengorbankan harta dan dirinya di jalan Allah

1. Percaya dengan Allah

Yakni percaya dengan Allah secara *'ainul yakin* dan bukan setakat *'ilmul yakin*. Orang mukmin dan orang bertaqwa yang percayakan Allah secara *'ainul yakin* ini, dia merasa hebat dengan Allah SWT. Dia juga rasa gerun kepada Allah manakala hatinya sentiasa rasa malu kepada Allah. Hatinya sentiasa cinta kepada Allah dan redha apa sahaja yang ditimpakan oleh Allah kepadanya.

Selain itu, dia bertawakal kepada Allah sahaja. Yang mana dia percaya hanya Allah sahaja yang boleh membela dirinya. Inilah kepercayaan orang yang percaya kepada Allah secara *'ainul yakin*. Orang ini sudah bertauhid kepada Allah dengan jiwanya, bukan setakat akal atau fikirannya sahaja.

Orang yang percaya kepada Allah secara *'ilmul yakin*, itu sekadar imannya sah tetapi amat sukar baginya untuk memiliki sifat sabar dan redha kepada apa sahaja yang Allah timpakan kepadanya. Tidak mungkin dia dapat memiliki sifat tawakal, rasa hebat dan rasa cinta kepada Allah. Seperti dalam firman Allah SWT:

Maksudnya: "Hanya sanya orang mukmin yang sebenar itu, apabila disebut sahaja nama Allah, gementarlah hati-hati mereka dan apabila dibacakan ayat-ayat Allah, bertambahlah mereka beriman dan mereka terus menyerah diri kepada Allah." (Al Anfal: 2)

'Ayat-ayat Allah' dalam firman ini yang boleh menambah iman orang mukmin itu mempunyai dua maksud iaitu:

i. Ayat-ayat Al Quran yang sebenar.

ii. Ciptaan Allah yang dapat kita lihat dan dengar seperti

langit, bumi, laut, gunung-ganang dan sebagainya. Itu adalah tanda kebesaran, kekuasaan dan bijaksana-Nya Tuhan. Itu juga tanda Tuhan itu Maha Mentadbir.

2. Percaya dengan Rasul

Ini bererti percaya dengan sifat-sifat yang wajib ada pada Rasulullah SAW yang diyakini dengan sepenuh keyakinan iaitu siddiq, amanah, tabligh dan fatonah. Siddiq bererti benar dan betul tentang apa yang dikhabarkan serta bersetuju dengan setiap apa yang disampaikannya adalah dari Allah sama ada pada perkataan mahupun perbuatan. Kemudian percaya bahawa pada Rasulullah itu ada sifat amanah, *tabligh* (menyampaikan) dan juga sifat *fatonah* (bijaksana).

Orang mukmin yang sebenar, lebih-lebih lagilah orang yang bertaqwa bukan percaya setakat itu sahaja tetapi dia juga mengikuti sunnah Rasul. Dia ikuti sunnah Rasul dalam apa aspek sekalipun termasuk dalam hal makan minum, berpakaian, rumah tangga, pergaulan, masyarakat, dalam berjuang dan berjihad, dalam pendidikan dan pelajaran, dalam ekonomi pentadbiran hinggalah kepada soal-soal negara dan alam sejagat.

Jadi orang mukmin dan orang bertaqwa itu, dia bukan sahaja percaya dengan adanya para rasul yang bermula dari Nabi Adam a.s. hinggalah kepada Rasulullah SAW tetapi dia juga ikut menegakkan sunnah Rasulullah SAW atau perjalanan Rasulullah atau cara hidup Rasulullah.

Barulah dengan itu akan tertegak dan akan nampak syiar Islam. Dalam Al Quran, kita disuruh oleh Allah untuk menegakkan syiar. Firman Allah SWT:

ذَٰلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَٰٓئِرَ ٱللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى ٱلْقُلُوبِ ۝

Maksudnya: "Barangsiapa yang membesarkan syiar-

syiar Allah, maka sesungguhnya itulah daripada hati yang bertaqwa." (Al Hajj: 32)

Orang yang belum mukmin sukar untuk mengikut sunnah Rasulullah. Mereka setakat percaya Rasul itu ada sifat-sifat yang wajib padanya. Akal dapat percaya dan menerimanya tetapi belum sampai menghayati keyakinan itu di dalam hati. Sebab itu dia tidak mampu mengikut perjalanan hidup Rasulullah. Dia lebih mudah ikut cara hidup bintang filem, ahli sukan bahkan cara hidup orang Barat, Yahudi dan Amerika dari mengikut cara hidup Rasulullah.

3. Tidak Ragu

Orang mukmin yang sebenar dan orang bertaqwa, keyakinannya tidak goyang walaupun datang ribut taufan. Keyakinannya pada Allah dan Rasul tetap kuat dan padu walaupun orang caci maki dia, walaupun datang peperangan yang begitu sengit dan sebagainya. Hatinya juga tidak berganjak sedikit pun walaupun datang susah atau senang di dalam kehidupannya.

4. Mengorbankan Harta dan Diri di Jalan Allah

Orang mukmin yang sebenar dan orang bertaqwa itu, dia mengorbankan hartanya, jiwanya, dirinya dan tenaganya di jalan Allah. Iaitu dia berkorban menegakkan hukum-hakam Allah yang lima iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus di dalam kehidupan. Sama ada dalam hal yang mengenai dirinya ataupun rumah tangganya, pergaulannya, kenduri-kendaranya, pendidikannya, ekonominya, politiknya dan seterusnya kepada persoalan negara dan hubungan sejagat.

Di dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ • وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ •
وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ • إِلَّا عَلَىٰٓ
أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ •
فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰٓئِكَ هُمُ الْعَادُونَ •
وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ • وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ
صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ • أُولَٰٓئِكَ هُمُ الْوَٰرِثُونَ • الَّذِينَ
يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ •

Maksudnya: "Sesungguhnya mendapat kemenangan orang mukmin yang khusyuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menghindari perkara-perkara yang sia-sia. Dan mereka menunaikan zakat. Dan mereka yang menjaga kehormatan kecuali pada isteri mereka dan hamba sahaya milik mereka, maka mereka itu tidaklah dicela. Dan mereka yang melakukan sebaliknya itu adalah melampaui batas. Mereka yang menunaikan amanah dan janji-janji mereka, mereka yang sentiasa memelihara sembahyang mereka. Mereka itulah yang mempusakai Syurga Firdaus dan mereka akan kekal di dalamnya." (Al Mukminun: 1-11)

Disenaraikan dalam ayat ini sifat-sifat orang mukmin seperti berikut:

1. Khusyuk dalam sembahyang
2. Menghindar dari perkara-perkara yang sia-sia
3. Menunaikan zakat
4. Menjaga kehormatan
5. Menunaikan amanah
6. Menunaikan janji
7. Sentiasa memelihara sembahyang.

Kupasan bagi sifat-sifat di atas:

1. Khusyuk Dalam Sembahyang

Dalam sembahyangnya, dia merasa kebesaran Tuhan, rasa Tuhan itu hebat, rasa diperhati, didengar dan diketahui oleh Tuhan. Dia rasa lemah, hina dan rendah diri dengan Tuhan. Dalam sembahyang, dia bercakap, berdialog, meminta, mengadu dan bermanja dengan Tuhan.

2. Menghindar Perkara-Perkara Yang Sia-Sia

Yang lahirnya, dia tidak membuat sesuatu yang tidak membawa kepada keredhaan Allah. Dia tidak membuat sesuatu yang tidak jadi ibadah. Kalau dia buat yang harus pun, dijadikannya ibadah dengan mencukupkan syarat-syaratnya.

Yang batinnya, dia tidak memikirkan perkara-perkara yang tidak memberi manfaat dan yang tidak membawanya kepada merasa kebesaran Tuhan. Dia juga tidak memikirkan perkara-perkara yang boleh mendorong nafsu.

3. Menunaikan Zakat

Zakat ditunaikan sama ada zakat lahir atau zakat batin. Zakat lahir ialah membahagikan harta kepada lapan asnaf. Ia dikatakan pembersihan harta. Zakat batin ialah membersihkan akal dari perkara yang haram yang boleh membawa kepada syirik dan engkar kepada Tuhan dan membersihkan nafsu dari tamak, dendam dan lain-lain.

4. Menjaga Kehormatan

Yang kecilnya ialah tidak terlibat dengan perkara-perkara seperti bergaul bebas, bercakap-cakap lucah dan mendedahkan aurat. Yang besarnya ialah tidak terlibat dengan zina, liwat, lesbian, homoseks, onani dan lain-lain.

5. Menunaikan Amanah

Menunaikan segala bentuk amanah. Ada tiga bentuk amanah:

a. Amanah dalam agama Islam iaitu beriman, beramal dan memperjuangkannya.

b. Amanah terhadap apa yang Allah kurniakan kepada kita seperti anak-anak, kekayaan, lidah, mata, tangan, kaki dan lain-lain.

c. Amanah yang aradhi yang dipikulkan kepada kita oleh masyarakat atau negara.

6. Menunaikan Janji

Menunaikan segala bentuk janji. Ada dua bentuk janji:

a. Janji yang kita buat di alam roh untuk beriman dan membesarkan Allah.

b. Janji yang kita buat kepada sesama manusia.

7. Sentiasa Memelihara Sembahyang

Iaitu menjaga:

a. Waktu sembahyang

b. Syarat, rukun, sah dan batal sembahyang

c. Jaga bacaan dalam sembahyang

d. Jaga makna bacaan

e. Jaga penghayatannya

f. Kalau berjemaah, jaga saf dan barisannya.

Orang mukmin dan bertaqwa itu sangat merendah diri dengan Tuhan. Firman Allah SWT:

Maksudnya: "Dengan Tuhan mereka, mereka merendah diri."

Mereka sangat takut dengan Tuhan, taat, patuh dan menyerah diri secara total kepada-Nya. Firman Allah Taala:

> *Maksudnya: "Jawapan orang mukmin itu, apabila diajak kepada Allah dan Rasul agar menghukum di antara mereka, mereka berkata, 'Kami dengar dan kami patuh'." (An Nur: 51)*

Firman Allah SWT lagi:

> *Maksudnya: "Di antara sifat orang mukmin lelaki dan perempuan, apabila diperintahkan sesuatu perkara sama ada perintah suruh atau larang, tidak ada dolak-dalik."*

Orang mukmin dan orang bertaqwa itu sentiasa terkenang-kenangkan Tuhan. Firman Allah SWT:

ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ

> *Maksudnya: "Iaitu mereka yang sentiasa mengingati Allah sewaktu berdiri, duduk dan berbaring." (Ali Imran: 191)*

Mereka selalu berbuat kerja-kerja amar makruf nahi mungkar, memberi tunjuk ajar, menjadi pendakwah dan penasihat dan terikat dengan jemaah. Mereka tidak bersendiri macam layang-layang putus tali. Itu bukan sifat orang mukmin atau orang bertaqwa. Firman Allah Taala:

وَٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ

> *Maksudnya: "Orang mukmin lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi pembantu bagi yang lain, mereka menyeru orang berbuat baik dan mengajak manusia menjauhi kemungkaran." (At Taubah: 71)*

Orang mukmin dan orang bertaqwa itu terikat dengan je-

maah, dengan pemimpin dan di antara satu sama lain seperti dalam firman Allah SWT:

Maksudnya: "Orang mukmin dengan orang mukmin itu sentiasa kuat-menguatkan antara satu sama lain."

Hadis juga ada menyebut:

Maksudnya: "Antara mukmin dengan mukmin itu ibarat satu bangunan."

Orang mukmin dan orang bertaqwa itu sifatnya berkasih sayang sesama mereka dan tegas dan keras terhadap kafir (*harbi*). Mereka berukhwah dan mendamaikan pergaduhan dan menyelesaikan masalah orang lain. Mereka merasa susah dengan kesusahan orang. Mereka turut terhibur dengan kesenangan orang walaupun mereka sendiri hidup merempat. Mereka membalas kejahatan orang mukmin yang lain dengan kebaikan. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ •

Maksudnya: "Orang mukmin itu sifatnya bersaudara (berkasih sayang), maka damaikanlah antara dua orang yang bertentangan." (Al Hujurat: 10)

مُّحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ وَٱلَّذِينَ مَعَهُۥٓ أَشِدَّآءُ عَلَى ٱلْكُفَّارِ رُحَمَآءُ بَيْنَهُمْ •

Maksudnya: "Muhammad Rasulullah dan orang-orang yang bersama dengannya (orang mukmin) itu, mereka tegas dan keras terhadap orang kafir (harbi) tetapi sangat berkasih sayang sesama mereka." (Al Fath: 29)

Sabda Rasulullah SAW:

أَحْسِنْ إِلَى مَنْ أَسَاءَ إِلَيْكَ •

Maksudnya: "Hendaklah kamu berbuat baik dengan orang yang berbuat jahat kepada kamu."

Orang mukmin yang sejati dan bertaqwa itu, imannya yang begitu teguh mendorongnya bersungguh-sungguh melaksanakan perintah Allah. Dia tidak hiraukan apa yang akan terjadi sekalipun akan merugikan kepentingan dirinya sendiri.

Seseorang itu boleh menunjukkan akhlak yang baik bila ada matlamat kebendaan atau duniawi yang sesuai dengan kehendak atau kepentingan dirinya. Namun, kalau tidak ada sifat taqwa, akhlak baik ini hanya bersifat sementara sahaja dan tidak dapat bertahan lama. Tapi akhlak yang bersumberkan taqwa kekal dan tidak berubah-ubah kerana ia tidak tunduk kepada kehendak hawa nafsu atau pengaruh orang lain dan masyarakat. Taqwa adalah markas di mana semua sifat yang terpuji terkumpul dan dari situlah lahir tindakan seseorang tanpa mengira sama ada ia mendatangkan manfaat pada dirinya ataupun tidak.

Maka dengan sifat taqwa dalam diri seseorang itu, dia sentiasa mencintai Allah dan taat kepada-Nya. Dia sentiasa tunduk kepada perintah dan peraturan Allah lantas mengamalkan segala yang disuruh kerana dia tahu dia berhak mendapat pahala dari tindakannya itu. Dalam pada itu pula, dia sentiasa menjauhkan diri dari perbuatan yang ditegah dan dilarang dan yang akan membawa kecelakaan dunia dan Akhirat. Dengan yang demikian, orang yang bertaqwa sering menjaga kesucian jiwanya, yang disirami dengan amal-amal soleh dan bersih dari segala kekotoran dan kemungkaran serta bersih dari sifat yang rendah dan terhina. Orang yang bertaqwa sedar bahawa dari Islamlah datangnya sifat dermawan, keberanian, adil, dipercayai, arif, jujur, setia, kasih sayang dan lain-lainnya. Orang yang bertaqwa jauh dari sifat takut, bakhil, maksiat, menipu, dusta dan lain-lain sifat yang tercela.

Dengan termaktubnya iman dan taqwa di dalam dada seseorang individu itu, maka terpancarlah akhlak Islamiah di dalam dirinya hingga apa yang dia nampak hanyalah untuk menegakkan kebenaran dan hak sahaja dan berusaha untuk menghapuskan kemungkaran. Akhlak Islamiah yang dibangunkan

atas dasar taqwa adalah akhlak yang bercirikan kebajikan yang mutlak yang mana orang yang bertaqwa itu berusaha tidak henti-henti dalam menegakkan amal makruf dan menegah setiap kemungkaran. Kebajikan yang dilaksanakan bukan kerana hendakkan balasan dari manusia tetapi kerana menagih balasan dari Allah. Kerana itu orang yang bertaqwa tidak akan berbuat kebajikan untuk mencari pangkat dan darjat atau kemegahan atau untuk berkuasa atau untuk mendapat keuntungan material. Kebajikan itu menurut nilaian orang yang bertaqwa hanya untuk mencari keredhaan Allah semata-mata.

Berbeza dengan orang yang membuat kebajikan atas dorongan kebendaan atau keuntungan duniawi, mereka akan melupakan aspek-aspek kerohanian hingga lahirlah tindas-menindas dan tekan-menekan dalam mengejar kebendaan itu. Maka akan lahir nanti masyarakat yang berpecah belah iaitu masyarakat yang anggotanya hanya memikirkan kepentingan dirinya sendiri sahaja. Hidup mereka tidak ubah seperti haiwan atau pokok-pokok di hutan yang matlamat mereka adalah semata-mata untuk *survival* .

Kebaikan yang diwujudkan oleh individu yang bertaqwa adalah kebaikan yang menyeluruh. Sebab itu Islam adalah agama yang selamat lagi menyelamatkan bagi semua manusia di segala zaman dan di semua tempat. Ia bukan sekadar slogan atau kata-kata kosong yang dipamerkan dan dilaungkan kepada manusia tetapi ia adalah suatu realiti.

Orang yang bertaqwa itu membelanjakan rezeki yang Allah kurniakan kepadanya di jalan yang Allah perintahkan. Ertinya orang yang bertaqwa itu pemurah, lebih suka memberi dari menerima. Kerana cintanya kepada Allah, dia lebih membesarkan Akhirat. Dia tidak menyimpan harta tetapi membelanjakannya kerana Allah untuk simpanan di Akhirat.

Orang yang semata-mata Islam bukan bahan atau material utama untuk menegakkan jemaah atau daulah Islamiah. Kalau

tertegak jemaah atau daulah Islamiah di atas orang Islam, jemaah atau daulah itu akan roboh dan hancur, kerana orang Islam takut berjuang dan berkorban serta sangat mementingkan diri sendiri.

Orang bertaqwa sahaja yang berani berjuang dan berkorban. Kerana iman yang kuat, orang bertaqwa menjadi orang yang suka memberi, sanggup bersusah kerana orang lain dan lebih menjaga kepentingan agama dan masyarakat lebih dari kepentingan dirinya sendiri. Orang bertaqwa, mereka berjuang untuk masyarakat.

Orang bertaqwa, dia tidak terlalu gembira dengan kejayaan, tidak terlalu sedih dengan ujian atau kehilangan. Dalam semua keadaan, dia hanya nampak Tuhan.

Orang yang bertaqwa, dia sembahyang dengan penuh khusyuk, berpuasa dan berzakat. Apabila cukup syaratnya dia menunaikan fardhu haji. Dia redha dengan ketentuan Allah serta sabar dengan ujian dari Allah. Dia bersyukur pula atas nikmat-nikmat Allah.

Dia menjauhkan diri dari melakukan maksiat seperti berzina, minum arak, berjudi dan membunuh. Dia sentiasa menjaga tutur kata dengan tidak menipu atau berbohong dan tidak bercakap kotor, mengumpat dan mengeji. Dia menjauhkan diri dari sifat-sifat keji seperti bakhil, pemarah, ingin dipuji, takabur, sombong, riyak, ujub, hasad dengki serta berdendam.

Orang yang bertaqwa mempunyai segala ibu atau punca bagi segala sifat-sifat terpuji yang disenaraikan seperti berikut:

1. *Al hikmah* (bijaksana)
2. *Syaja'ah* (berani)
3. *'Iffah* (menjaga maruah diri)
4. *'Adl* (keadilan)

Maka daripada empat sifat inilah lahirnya sifat-sifat mahmudah dalam dirinya.

Orang yang bertaqwa adalah pemurah, sabar, suka meminta maaf, jujur, mulia, redha, tawadhuk, tawakal, sentiasa merendah diri, bertolak ansur, pemaaf, lemah lembut, berkasih sayang, berkorban, lapang dada, zuhud, amanah, berlaku benar, membela orang yang terzalim, tahan menerima ujian, takut dan cinta kepada Allah, taat kepada Allah dan takut pada seksa Allah.

Kalau sifat *al hikmah, syaja'ah, 'iffah* dan *'adl* ini belum kita miliki, maka dengan sendirinya sifat-sifat mahmudah yang lain payah untuk dimiliki.

Kehidupan orang bertaqwa amat sederhana sekali dan dia tidak suka bermewah-mewah. Hidupnya sentiasa tenang dan dia tidak mudah putus asa. Dia sering memikirkan tentang kebesaran Allah. Dia sentiasa membetulkan dan memperbaiki diri serta nasihat-menasihati dengan penuh bijaksana dan kasih sayang. Orang bertaqwa sering berjuang dan berjihad serta banyak membuat kebajikan sesama manusia terutama terhadap sanak saudara, kaum kerabat dan sahabat handai.

Orang bertaqwa itu, hatinya selesai dengan dunia tetapi tidak selesai dengan Tuhan. Dengan dunia, semuanya beres, tidak ada masalah apa-apa. Dengan hal-hal dunia hatinya tenang. Tetapi dengan Allah, hatinya sentiasa bergelora. Dia sentiasa rasa bersalah dan berdosa. Orang yang tidak bertaqwa pula, hatinya selesai dengan Tuhan tetapi tidak selesai dengan dunia. Dengan Tuhan dia rasa tenang. Tetapi dengan hal-hal dunia, hatinya bergelora. Dia membesarkan dunia lebih dari Tuhan.

Orang yang bertaqwa sangat takut kepada Allah kalau terbuat atau membuat dosa kecil apatah lagi dosa besar. Rasa takut itu macam takutkan gunung yang hendak dihempapkan ke kepalanya. Rasa ngeri, cemas dan bimbang itu sangat mengganggu dirinya. Maka dia bertaubat bersungguh-sungguh minta Allah ampunkan dosanya dan minta dibantu untuk tidak terbuat dosa lagi. Dia takut dengan dosa yang dia mungkin terbuat. Dia selalu bertanya dirinya, *"Apa lagi dosa yang akan aku terbuat?"*

Ada satu kisah di mana seorang Sahabat baru balik dari medan perang, dia tiba-tiba ternampak di pintu rumahnya betis seorang perempuan (isteri sahabatnya). Terus dia melompat keluar dari pintu dan berlari meninggalkan rumahnya bertahun-tahun, bertaubat dengan Allah kerana ketidaksengajaannya itu. Rintihan taubatnya itu turut menjadi amalan kita sehingga ke hari ini.

إلهي لست للفردوس أهلا ولا أقوى على نار الجحيم فهب لي
توبة واغفر ذنوبي فإنك غافر الذنب العظيم .

Maksudnya: "Tuhanku, aku tidak layak untuk Syurga-Mu. Dan aku juga tidak tahan menanggung akan seksa api Neraka-Mu. Oleh itu ya Allah, terimalah taubatku dan ampunkanlah dosaku kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengampun dosa-dosa besar."

Begitulah taqwanya. Begitu takutnya pada Allah kerana kesilapannya, walaupun tidak sengaja. Dia kesal, kenapa perkara haram itu terjadi padanya? Tentu ada maksud Allah. Jangan-jangan itu sebagai 'hukuman' Allah kerana dia masih suka berbuat begitu. Sebab itu Allah temukan dengan perkara itu. Perasaan itu membuatkan dia begitu takut dan malu dengan Allah. Itu membuatkan dia menghukum dirinya sendiri hingga tidak mahu pulang selagi dirinya tidak jadi manusia yang baik, sebaik yang Allah kehendaki.

Sayidina Abu Bakar As Siddiq pernah terleka di kebunnya hingga tertinggal sembahyang berjemaah Asar (bersama Rasulullah SAW). Dengan rasa takut dan kesal yang tidak terkira, terus diwakafkan kebun itu sebagai hukuman pada dirinya. Di samping itu digandakan sembahyangnya sebanyak 70 kali (sebab pahala berjemaah ialah sebanyak 70 kali). Begitulah taqwa para Sahabat. Takutnya mereka pada Allah bila mengenangkan dosa dan api Neraka boleh membawa pengsan dan sesetengahnya terus mati.

Oleh kerana begitu sekali takutnya untuk melakukan kejahatan dan dosa, maka yang tinggal dalam hati mereka hanyalah keinginan yang kuat untuk membuat kebaikan dan amal soleh, kebaikan dengan Allah dan kebaikan dengan sesama manusia. Maka jadilah mereka orang-orang muttaqin, iaitu orang-orang yang:

1. Memahami, meyakini dan menghayati keenam-enam Rukun Iman.
2. Memahami, meyakini dan menghayati kelima-lima Rukun Islam.
3. Menegakkan amal makruf nahi mungkar.
4. Berjihad melaksanakan cara hidup Islam.
5. Berakhlak mulia iaitu berkasih sayang dengan sesama mukmin, tegas dan keras dengan orang kafir, berbelas kasihan dan mengasihi orang yang kurang dan susah seperti mana dia mengasihi dirinya sendiri, pemurah, pemaaf dan suka minta maaf, bertaubat, sabar, bertolak ansur, berlapang dada, bertolong bantu, berani, tawakal, tawadhuk (tidak besar diri), berbaik sangka, bertimbang rasa, merasa gembira dengan kegembiraan orang lain, merasa susah dengan kesusahan orang lain dan memikirkan kepentingan orang lain seperti memikirkan kepentingan diri sendiri.

Semua itu mesti ada untuk seorang yang dikatakan bertaqwa. Kalau kurang satu pun kuranglah taqwanya. Sebab itu golongan bertaqwa itu dibahagi dua:

a. Muqarrobin
b. Solihin

Namun kedua-duanya adalah mukmin sejati. Orang yang hanya ada salah satu daripada ciri-ciri taqwa, tidak boleh dipanggil orang yang bertaqwa tetapi digelarkan sesuai dengan nama sifat baiknya itu. Misalnya orang yang rajin dan ber-

sungguh-sungguh beribadah dipanggil abid. Seorang abid belum tentu bertaqwa kalau ada padanya bakhil, hasad dengki, gila kuasa dan lain-lain.

Seorang yang gigih berjuang dan berjihad dipanggil mujahid. Mujahid belum tentu bertaqwa kalau ada padanya sombong, takabur, membazir, tidak sabar, tidak tolak ansur dan lain-lain. Orang dermawan dipanggil *assakhi* (pemurah). Pemurah belum tentu bertaqwa kalau ada padanya sifat pendendam, mengadu domba, berburuk sangka dan lain-lain.

Orang yang gigih berdakwah dipanggil *da'i* atau mubaligh. Seorang *da'i* belum tentu bertaqwa kalau dia cuai sembahyang, ambil riba, bebas dengan perempuan ajnabi dan lain-lain.

Orang bertaqwa ialah orang yang membuat semua kebaikan yang Allah suruh buat (lahir dan batin, dengan Allah dan dengan sesama manusia), kerana takutnya untuk melakukan dosa walaupun sekecil-kecil dosa. Jangan mudah-mudah mengaku beriman dan bertaqwa sedangkan banyak lagi suruhan Allah SWT yang kita tidak buat. Ertinya kita ini orang berdosa dan hamba Allah yang derhaka. Panggilan yang layak untuk kita ialah mukmin *'asi* atau mukmin yang derhaka atau mukmin yang fasik atau mukmin yang zalim. Bukan mukmin yang sejati, bukan solihin dan lebih-lebih lagi bukan muqarrobin. Kalau mati ketika ini, dalam keadaan taubat tidak diterima, dosa tidak terampun, besar kemungkinan kita akan dilempar ke dalam Neraka.

Jangan pula disalahfahamkan orang bertaqwa itu dengan orang-orang yang jumud dan beku. Iaitu orang-orang penunggu masjid yang berpakaian lusuh, kusut-masai dan miskin papa, anti kemajuan dan anti pembangunan. Generasi taqwa yang menjadi contoh bagi kita bukan orang-orang yang seperti ini. Mereka belum tentu bertaqwa. Contoh kita ialah para salafussoleh dan para Sahabat yang hidup mereka digambarkan begini:

Maksudnya: "Menjadi pendita (abid) di malam hari, menjadi singa (pejuang) di siang hari.

Dalam keadaan hati mereka rindu dan takut kepada Allah, mereka bertaburan di tengah-tengah manusia di seluruh dunia untuk mengubah dunia dari jahiliah kepada Islam. Dari undang-undang taghut kepada kalimah Allah. Dari kekotoran najis dosa kepada kemurnian hati yang bertaqwa. Dari peperangan dan penzaliman kepada keamanan, keadilan dan kemakmuran supaya manusia semua mahu sujud kepada Allah, Tuhan yang menciptakannya dan yang akan mematikannya.

Pada waktu malam yang sunyi sepi, mereka menyembah, memuja dan memuji Tuhan. Mereka mengadu, merintih dan meminta ampun dari Tuhan. Mereka memohon petunjuk, pimpinan dan bantuan Tuhan. Pada siangnya pula mereka berbakti kepada sesama manusia dan berbuat sebanyak-banyak kebajikan dan amalan taqwa.

Bagi orang yang bertaqwa, hiburannya adalah iman, ibadah, zikrullah atau apa sahaja pekerjaan yang akan membawa kepada keredhaan dan kasih sayang Allah. Hatinya tenang dan tenteram. Jiwanya sentiasa hidup dan segar.

Zikrullah itu luas pengertiannya. Ia bukan setakat menyebut puji-pujian, istighfar, selawat, takbir, tasbih dan tahmid di lidah. Zikrullah adalah kerja-kerja hati iaitu mengenal Tuhan dengan hati, rasa bertuhan, rasa cinta dan takut Tuhan, rasa kehambaan yang mendalam, rintihan dan munajat, syukur, sabar, redha dan sebagainya.

Orang bertaqwa itu, jiwanya hidup. Dia terlalu sensitif dengan Tuhan. Tidak berdosa, dia rasa berdosa. Tidak buat salah, dia rasa bersalah. Dia merasakan bahawa dirinyalah yang paling jahat, berdosa, hina, tidak berguna, rasa serba-serbi dhaif, lemah, lalai dan leka di sisi Allah. Justeru itu, dia tidak putus-putus meminta ampun dan bertaubat dengan Tuhan.

Orang bertaqwa itu, kalau dia pemimpin dan berkuasa, dia

tidak rasa bahawa kuasa itu adalah kekuasaan dirinya tetapi kekuasaan Allah. Orang bertaqwa, semakin tinggi taqwanya, semakin dia rasa berdosa. Walaupun dia kaya, dia merasa tidak punya apa-apa. Orang bertaqwa merasakan dirinya hamba walaupun dia berpangkat besar. Kalau dia dihina, dia mudah menerimanya kerana hakikatnya dia memang hina. Yang mulia itu Allah.

Orang bertaqwa, walau bagaimana pun hebatnya, dia tenggelam dalam kehebatan Allah. Dialah orang yang paling bebas kerana dia paling kuat terikat dengan Allah. Orang bertaqwa tidak takut dengan makhluk bahkan makhluk takut kepadanya. Orang bertaqwa paling cemas dengan Allah hingga dia tidak cemas dengan malapetaka dunia. Kalau dia mulia, dia akan rasa kemuliaan itu kemuliaan Allah yang dipinjamkan kepadanya.

SIFAT DAN SIKAP ORANG BERTAQWA SECARA KHUSUS

Orang bertaqwa itu mempunyai sikap yang tertentu terhadap berbagai orang dan perkara. Di antara sikap-sikap tersebut adalah seperti berikut:

1. Sikap orang bertaqwa dengan Allah, Tuhannya

Tuhan sangat dibesarkannya melalui ibadah sembahyang, zikir, membaca Al Quran, tasbih dan tahmid. Rasa bertuhan sangat mendalam hingga terserlah pada mukanya dan sikap hidupnya. Seperti merendah diri, pemalu, sabar, redha, tenang, pemurah, tawakal, pemaaf, bertolak ansur, berdisiplin sehingga melihat mukanya mengingatkan kita kepada Allah dan hari Akhirat. Melihat mukanya terasa senang dan tenang.

2. Sikap orang bertaqwa dengan syariat

Syariat sangat dijaga, pakaiannya menutup aurat dan bersih

serta kemas. Makan minumnya sangat dijaga dari yang haram dan syubhat. Pergaulan dijaga daripada bergaul bebas lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Matanya selalu ditundukkan, percakapannya disukat dan dikawal daripada tersalah dan tersilap. Pendengarannya juga begitu, sangat dijaga daripada mendengar perkara-perkara yang haram, masanya tidak dibiarkan terbuang dengan sia-sia. Setiap peralihan waktu dia pandai menggunakannya untuk perkara-perkara yang berfaedah dengan kerja-kerja yang sesuai dengan waktu itu.

3. Dengan gurunya

Dia sangat menghormati gurunya. Malu di hadapannya dan merendah diri dengannya. Sekalipun guru yang mengajarnya tentang ilmu dunia. Jasa gurunya selalu dikenang, disebut-sebut nama dan jasanya. Bila ada masa selalu menziarahinya, memberi bantuan dan hadiah. Bukan sahaja gurunya dihormati, bahkan isteri-isteri gurunya dan anak-anak gurunya dihormati juga. Kesalahan gurunya dilupakan, apatah pula dihina dan diberi malu serta diberi umpat. Dia selalu mendoakan gurunya.

4. Dengan ibu bapa

Ibu bapa sangat dihormati, sangat merendah diri di hadapan mereka. Jasa mereka selalu dikenang, bahkan dibalas selalu. Kesusahan mereka dibantu. Kalau mereka orang senang, diberi hadiah selalu. Selalu diziarahi, sering didoakan dan aib mereka ditutup. Bercakap dengan ibu bapa tutur bahasa sangat dijaga. Kalau ibu bapanya memarahinya, dia tidak akan melawan. Kalau pun perlu bercakap, sekadar menjelaskan keadaan.

5. Dengan kawan

Pandai bergaul dengan kawan, setia dengan kawan. Kesusahan kawan ditolong dan dibantu, apatah lagi kalau diminta. Suka menziarahi kawan kalau ada masa. Janjinya ditepati, aib kawan

ditutupkan, anak dan isteri kawan dimuliakan, kesalahan kawan dimaafkan walaupun tanpa diminta. Kalau dia yang membuat salah cepat-cepat dia meminta maaf. Menziarahi kawan memilih waktu. Waktu ziarah tidak meliarkan mata. Kehormatan keluarga kawan dijaga.

6. Dengan umum manusia

Dalam pergaulan dengan umum manusia pandai pula menyesuaikan diri. Dalam pergaulan dia sedar diri hingga pandai meletakkan diri pada tempatnya sesuai dengan kedudukannya. Pandai melayan orang sesuai dengan kedudukannya dan mengikut tarafnya. Kalau dia seorang yang pandai atau kaya atau berpangkat, dia tidak sombong atau menunjuk-nunjuk diri di depan orang ramai. Dia tetap tawadhuk dan merendah diri. Kalau dia orang yang serba kurang tidak pula rasa rendah diri atau hina diri lebih-lebih lagi tidak mudah dihambakan orang. Kalau dia susah dia tidak akan meminta-minta apatah lagi menipu. Dia tetap menjaga maruah dirinya. Mudah memberi salam dan mudah pula menjawab salam orang.

7. Dengan tetamu

Dia sangat menghormati dan mengutamakan tetamu. Keperluan tetamunya, sangat dijaga seperti makan minum dan tempat tinggalnya. Datangnya disambut, kepulangannya dihantar sampai di hadapan pintu atau sampai di hadapan rumahnya hingga hilang dari pandangannya. Dia memberi hadiah kepada tetamu atau memberi buah tangan kalau ada dan di waktu mampu.

8. Dengan anak isteri

Dia mengelokkan pergaulan dengan mereka. Memberi nasihat dan memimpin mereka selalu. Kesilapan mereka dibetulkan dengan bijaksana. Sabar dengan karenah mereka, beribadah

fardhu bersama, makan bersama. Kewajipan terhadap anak isteri ditunaikan. Dia mendidik dan mendisiplinkan mereka di dalam semua perkara. Anak-anak yang kecil ditunjukkan kasih sayang. Yang masih belajar didisiplinkan mereka. Tidak sangat ditunjukkan kasih sayang dan tidak pula ditunjukkan benci. Anak yang sudah dewasa atau yang sudah berkeluarga, mereka di buat macam kawan, diajak berbincang dan berbual-bual. Dengan isteri bergurau senda yang tidak berlebih-lebihan, berbual-bual dengannya sesuai dengan kedudukan isteri untuk mengambil dan menjinakkan hatinya. Bagi orang yang ada berbilang-bilang isteri, bertolak ansur dengan mereka dalam hal-hal yang dibolehkan. Boleh juga tidak bertolak ansur di masa-masa yang tertentu walaupun dalam hal-hal yang dibolehkan untuk mendidik mereka.

9. Dengan situasi

Orang bertaqwa sentiasa menjaga maruah diri. Kalau dia lalu di tempat-tempat yang penuh dengan keadaan-keadaan yang boleh melalaikan dan yang boleh jatuh kepada haram, atau yang boleh menggugat iman dia tidak akan terpengaruh. Dia tetap terhormat dengan tidak meliarkan pandangan dan tidak membuka telinga untuk melihat dan mendengar perkara-perkara yang melalaikan itu. Seolah-olah tidak ada apa-apa yang terjadi. Hatinya tidak rosak oleh suasana sekelilingnya. Keadaannya macamlah ikan di laut. Dia tidak masin oleh masinnya air laut.

10. Dengan ilmu

Orang bertaqwa sentiasa menambah ilmu dan pengalaman. Makin berumur semakin banyak ilmu. Semakin tua, ilmunya juga ikut tua dan matang. Pengalamannya semakin luas, sangat peka dengan ilmu. Setiap kejadian diambil iktibar dan pengajaran. Setiap isu semasa pandai mengambil hikmahnya, serta pandai menilai buruk baiknya. Hingga mendapat ilmu pengajaran darinya. Serta dia boleh menetapkan pendirian dan sikap-

nya. Orang bertaqwa itu sepatutnya mengambil tahu setiap kejadian di dunia ini. Sebab itu orang bertaqwa tidak mudah tertipu dan ditipu dan tidak mudah terpengaruh dengan yang negatif. Mereka mudah terpengaruh dengan yang positif. Orang bertaqwa tidak mudah dicorak tetapi mudah mencorak.

11. Dengan masa

Orang bertaqwa sangat menjaga masa. Masa tidak dibuang dan disia-siakan begitu saja. Setiap masa diisi dengan sesuatu yang berfaedah. Bahkan dia pandai membahagi-bahagikan masa mengikut jadual hidupnya. Ada masa untuk beribadah, ada masa untuk membaca, ada masa untuk berjuang, ada masa untuk menziarah, ada masa dengan anak-anak dan isteri-isteri, ada masa untuk tidur baring dan rehatnya. Kalau dia orang penting, ada masa untuk tetamu dan orang-orang yang hendak berjumpa dengannya. Begitulah seterusnya. Baginya masa itu sangat berharga. Masa adalah umurnya. Mensia-siakan masa ertinya mensia-siakan umurnya. Dia sudah tentu tidak akan mensia-siakan umurnya.

12. Dengan harta dan mata benda

Orang bertaqwa, bila berhadapan dengan harta benda dan kekayaan, sangat cemas dan bimbang, takut-takut ia disalah-gunakan. Kerana itu dia bersyukur dengan Tuhan. Digunakan harta benda dan kekayaan itu untuk Allah dan untuk berkhidmat kepada manusia lebih-lebih lagi dia sangat cemas kalau-kalau dia terbuat kerja-kerja yang boleh membazirkan harta benda dan kekayaan itu atau membuangnya kepada yang haram dan sia-sia. Orang bertaqwa merasakan harta benda dan kekayaan adalah amanah Tuhan yang perlu dipertanggungjawabkan se-baik-baiknya. Iaitu untuk diagih-agihkan kepada yang berhak dan yang empunyanya, terutamanya kepada fakir miskin dan kepada jihad fisabilillah.

CONTOH SEJARAH SIFAT DAN SIKAP ORANG-ORANG BERTAQWA

Lihatlah sejarah pemimpin yang bertaqwa. Rasulullah SAW ketika Siti Fatimah minta seorang rampasan perang untuk dijadikan khadam pembantu rumah, ditolaknya permintaan itu. Sebagai ganti, dimintanya Siti Fatimah berzikir Subhanallah 33 kali, Alhamdulillah 33 kali dan Allahu Akbar 33 kali sebelum tidur. Sehingga jadilah Siti Fatimah semiskin-miskin manusia tetapi dia tetap sabar. Akhirnya dia layak menjadi penghulu wanita di Syurga.

Sayidina Abu Bakar As Siddiq pernah ditanya oleh Sayidina Umar Al Khattab, kenapa dia selalu disebut-sebut oleh Rasulullah dan kenapa dia sangat kuat menanggung ujian. Sayidina Abu Bakar menjawab;

Lazimnya dalam dunia ini ada dua jenis manusia. Satu yang berjuang untuk dunia. Satu lagi yang berjuang untuk Akhirat. Tetapi aku berjuang bukan untuk dunia dan bukan untuk Akhirat. Aku berjuang dan aku berbuat apa pun hanya untuk Allah semata-mata. Aku makan tidak pernah kenyang. Aku kenyang dengan kelazatan bersama Tuhan. Aku minum tidak pernah hilang dahaga kerana aku mabuk cinta dengan Tuhan.

Kalau bertemu dalam satu masa dua kerja, satu kerja berbentuk duniawi dan satu lagi kerja berbentuk Akhirat, aku dahulukan kerja Akhirat.

Sayidina Abu Bakar As Siddiq sangat fakir (menyerah) kepada Tuhan. Dia hanya berserah kepada Tuhan dan tidak menagih bantuan dan simpati dari manusia. Bila dia habis korbankan hartanya untuk jihad fisabilillah dan ditanya oleh Rasulullah apa lagi yang ada padanya, dia menjawab, *"Allah dan Rasul."*

Sayidina Umar menampal dinding rumahnya sendiri. Pakaiannya bertampung dan kasutnya dijahit untuk dipakai lagi, sedangkan kunci perbendaharaan negara berada dalam tangan-

nya. Bila diketahui ada janda dan anak yatim kelaparan, segera ditanggung seguni gandum untuk dihantar ke rumah mereka itu. Khadamnya meminta untuk menanggung guni tersebut tetapi tidak dibenarkan oleh Umar seraya berkata: *"Bukan engkau yang akan menanggung dosaku di Akhirat nanti."*

Ketika seekor kambing rakyatnya mati. Sayidina Umar menangis kerana merasakan kematian itu berpunca dari kesalahannya. Begitulah taqwanya. Begitulah sensitifnya dia dengan dosa. Sebab itu terkeluar dari mulutnya kata-kata yang ajaib ini:

> *"Sekiranya nanti (di Akhirat), di umumkan semua orang masuk Syurga kecuali seorang, maka aku rasa yang seorang itu adalah aku."*

Alangkah takutnya Sayidina Umar dengan dosa-dosanya. Dirasakan dirinya penuh dengan dosa. Kesilapannya dengan rakyat akan membuatkan dia menangis hingga berbekas aliran air mata pada pipinya. Dia rasa dia tidak selamat walaupun sudah diisytiharkan oleh Rasulullah yang dia termasuk sepuluh orang yang dijamin Syurga. Sebab bagi Sayidina Umar, itu soal Allah hendak bagi dia Syurga sedangkan tidak ada jaminan yang dia tidak berdosa. Kalau begitu, layakkah dia ke Syurga dengan calar-calar dosa yang berbekas pada dirinya. Itulah yang Sayidina Umar tangiskan.

Sayidina Ali k.w. waktu pemerintahannya, setiap pagi janda-janda dan fakir miskin selalu dapat makanan di pintu rumah mereka. Tetapi mereka tidak tahu siapa yang meletakkan rezeki itu di situ. Tidak terfikirlah oleh mereka yang Sayidina Ali yang memberinya kerana dia pun terkenal dengan kemiskinannya. Hingga bila Sayidina Ali wafat, bekalan-bekalan itu terhenti. Maka fahamlah rakyatnya bahawa Sayidina Alilah yang berjalan di waktu malam dari pintu ke pintu rumah fakir miskin, anak yatim dan janda-janda untuk menghantar makanan. Sejak itu terkenal Sayidina Ali dengan panggilan Bapa Fakir Miskin dan Janda.

Sayidina Umar Abdul Aziz, sebaik sahaja diangkat menjadi khalifah, terus mewakafkan semua hartanya untuk negara. Begitulah pemimpin yang bertaqwa. Takut mereka pada dosa membuatkan mereka menyeksa diri untuk rakyatnya. Harta rakyat tidak disentuhnya takut kalau-kalau itu akan jadi sentuhan api Neraka. Jadi, pada mereka, pemimpin adalah seolah-olah sebagai kuda tunggangan yang sentiasa berlari ke sana dan ke sini untuk menunaikan kehendak orang ramai. Dan kuda itu sentiasa takut dimarahi oleh Tuannya kalau-kalau kerjanya tidak diselesaikan.

SAJAK 5

Hati Orang Mukmin

Orang mukmin itu hatinya sentiasa gelisah
Bukan gelisah kerana dunia
dan bagaimana nasib di dunia di masa tuanya
Resah dan gelisah dengan Tuhan dan hari Akhiratnya
Berbagai-bagai perasaanlah yang dia rasa,
hingga hatinya sibuk dengan Tuhannya
Susah dengan dosa sama ada yang sudah dilakukan
mahupun kalau terbuat di masa depannya
Apakah Tuhan sudah terima taubatnya,
hatinya berkata-kata sentiasa
Ibadahnya apakah Tuhan terima?!
Amal kebajikannya apakah ikhlas dia membuatnya,
kerana tipuan syaitan dan hati amat halus
Ikhlas di pangkal, rosak di dalam perjalanannya,
selamat di dalam perjalanan, rosak pula di hujungnya
Bagaimana nanti penutup hidupnya?
Atau penutup umurnya
Apakah husnul khatimah atau suul khatimah
Sedangkan menuju Akhirat gangguan terlalu banyaknya
Bukan sahaja gangguan luarnya

tapi gangguan batinnya lagilah amat halus
Kesalahan batin banyak yang tidak sedar berlaku
Aduh hatinya gundah-gulana sahaja selalu
Selalu sahaja berombak, macam air laut
sentiasa berkocak tidak henti-hentinya
Walaupun badan lahir sesama manusia,
makan sama, berjalan sama, berbual sama,
tapi lautan hatinya bergelombang tidak sama
Bergelombang kerana takut dengan Tuhannya,
kalau tidak gelombang besar, gelombang kecil pasti ada
Kalaulah gelombang hati orang mukmin itu
diperlihatkan kepada manusia bersamanya
Nescaya manusia tidak minat hendak bergaul bersamanya
Kerana orang yang bersamanya terganggu sama hatinya
Begitulah hati orang mukmin, walaupun bibirnya senyum
tapi hatinya muram sahaja

Penutup

Sukar untuk kita sampai ke tempat yang dituju kalau kita tidak tahu arah dan jalannya. Lagi lama kita berjalan dan lagi laju kita berjalan nescaya lagi jauh kita tersasar dari destinasi yang dituju. Oleh itu, dalam perjalanan, adalah baiknya kalau kita dapat berhenti seketika, melihat arah dari mana kita datang, menetapkan di mana kita sekarang dan mencari arah yang betul dan jalan sebenar untuk sampai ke destinasi yang kita tuju. Jika perlu, kita ubah haluan. Jika mampu kita percepatkan perjalanan. Ini penting dalam perjalanan di dunia. Ia lebih-lebih lagi penting dalam hendak menuju destinasi Akhirat.

Sudah sekian lama kita mengamalkan Islam, tetapi nampaknya semakin lama hidup kita semakin kucar-kacir. Masyarakat kita semakin lintang-pukang. Jenayah dan kemungkaran semakin merebak dan menjadi-jadi.

Maksiat dan kelakuan sumbang berlaku di depan mata. Muda-mudi sudah tidak malu dan tidak bermoral lagi. Pemimpin kurang bertanggungjawab. Banyak masa dan tenaga digunakan bukan untuk rakyat tetapi untuk kepentingan diri dan untuk mengekalkan kuasa dan jawatan. Kasih sayang sudah hilang. Perpaduan sudah runtuh. Akhlak sudah punah-ranah. Apa sebab kita masih belum hancur, kita pun tidak tahu. Kalau ikut logiknya, sudah lama kita berperang sesama sendiri. Sudah lama kita berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Tetapi mungkin kita masih ada harapan. Mungkin Tuhan masih memberi kita peluang.

Ini bermakna kita perlu buat perubahan. Kita perlu lihat kepada Islam kita. Adakah Islam kita ini ikut apa yang kita mahu

atau ikut apa yang Tuhan dan Rasul mahu? Jelaslah bahawa Islam kita belum sampai ke tahap yang Tuhan dan Rasul mahu. Itu sebabnya kita diberi ingat dengan berbagai-bagai gejala, masalah dan kesusahan. Adakah kita mahu memahami dan mengambil iktibar. Adakah kita mahu menukar haluan dan membuat perubahan supaya kita kembali tertuju kepada Tuhan.

Dalam amalan Islam kita sekarang nampaknya macam semuanya ada. Seperti semuanya lengkap. Namun ada perkara yan sangat ketara yang wujud di zaman Rasulullah dan para salafussoleh tetapi tidak ada dalam Islam kita hari ini. Iaitu persoalan **taqwa**. Baik ilmunya, kefahamannya, lebih-lebih lagilah amalan, penghayatan dan penjiwaannya. Kalaupun kita ada sebut taqwa sekali-sekala tetapi fahamannya jauh tersimpang dari maksud yang sebenar. Hakikatnya kita tidak ada taqwa.

Walhal taqwalah sumber kekuatan umat Islam. Sebab taqwalah umat Islam dibantu, dibela dan dilindungi oleh Allah. Sebab taqwalah umat Islam diberi kejayaan dan kemenangan. Inilah modal yang tidak ada pada kita hari ini. Itu sebab kita lemah, berpecah belah dan tidak dibantu.

Buku ini datang ke tengah masyarakat khusus untuk memperkatakan tentang taqwa. Memperkatakan tentang perkara yang telah hilang dari kita. Untuk mempromosikan taqwa sebagai modal supaya kita boleh maju dan membangun. Untuk membina kekuatan jiwa dan rohani. Untuk memperkasakan diri, bangsa dan negara. Untuk mengungkai ikatan-ikatan dan belenggu yang mengikat dan menghalang kita selama ini. Supaya kita terlepas dan bebas dari segala ancaman, ugutan dan tekanan. Supaya kita benar-benar merdeka yakni terlepas dari ikatan makhluk dan terikat hanya dengan Tuhan.

Yakinlah kita boleh jadi kuat, sekuat mana kita dapat hubungkan hati kita dengan Tuhan.